

P E L A N T I N D A K A N
Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon
Wangsa Maju

2050



kicn2050
RANJA LAMPUR CAGOH KERTAS



Pelan Tindakan Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju 2050

Hak Cipta Terpelihara

© Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2022

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian penerbitan ini boleh diterbitkan semula, diedarkan atau dipindahkan dalam apa-apa jua bentuk atau apa-apa cara, termasuk fotokopi, rakaman, atau kaedah elektronik atau mekanikal lain, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Diterbitkan oleh:

Jabatan Perancangan Bandar

Tingkat 7-14, Menara DBKL 1,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 03-2617 9000

Faks: 03-2698 2150

Emel: jprb@dbkl.gov.my

Laman Sesawang: www.dbkl.gov.my

Ucapan Menteri



Seperti yang dijelaskan dalam Panel Antara Kerajaan mengenai Laporan Penilaian ke-6 Perubahan Iklim, seluruh dunia tanpa sebarang pilihan, perlu bertindak secara positif kepada kepentingan mencapai neutral karbon global menjelang 2050, bagi mengelakkan impak bencana pemanasan global sebanyak 1.5 darjah Celsius di atas suhu purata global pra-industri.

Mengurangkan dan menyesuaikan diri dengan perubahan iklim, berusaha untuk mencapai pelepasan sifar-bersih menjelang pertengahan abad akan terus menjadi cabaran getir yang didepani manusia bukan sahaja hari ini, malah sudah tentu pada masa hadapan. Kita tidak lagi boleh menangguhkan tindakan kita - kita mesti bertindak sekarang!

Kerajaan Malaysia telah bertindak dengan pantas kepada perkara ini dengan ikrar untuk menjadi negara neutral karbon menjelang 2050 dalam Rancangan Malaysia Ke-12 yang baru sahaja dilancarkan. Saya berbangga bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan telah ditugaskan untuk memacu perubahan Malaysia ke arah neutral karbon, satu tugas yang saya dan pihak kementerian memandangnya sangat serius.

Bandar raya memainkan peranan paling penting ke arah mencapai neutral karbon. Oleh itu, bandar raya perlu melaksanakan dasar neutral karbon dan pelan tindakan yang kukuh yang perlu dirangkakan berdasarkan bukti sains dan penyelidikan yang kukuh.

Sebagai Menteri Wilayah Persekutuan, saya amat berbesar hati melihat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur membuka jalan ke arah menjadi sebuah bandar raya neutral karbon menjelang 2050, dengan Wangsa Maju dipilih secara strategik sebagai projek perintis bagi mempercepatkan transformasi untuk menjadi sebuah pusat pertumbuhan yang lestari, cergas, berdaya huni

dan neutral karbon. Model Wangsa Maju dihasratkan akan boleh ditransformasi sebagai satu contoh kepada pusat pertumbuhan strategik lain di Kuala Lumpur dan bandar raya Malaysia yang lain.

Malaysia komited sepenuhnya untuk menjadi bahagian utama dalam peralihan global untuk menjadi masyarakat rendah karbon, dan akhirnya neutral karbon, dengan cita-cita untuk mencapainya menjelang 2050. Bagi menyempurnakan ikrar kita, maka tindakan kita perlulah terancang, bermaklumat dan terselaras merentasi bandar raya, perbandaran, dan komuniti yang berbeza. Kita perlu memastikan generasi akan datang mewarisi sebuah tempat yang bukan hanya sesuai untuk didiami manusia, tetapi kondusif juga untuk pertumbuhan dan kemakmuran masa hadapan.

Semoga inisiatif ini menjadi model kerja yang berkesan untuk bandar raya lain di Malaysia dan di luar negara.

YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim
Menteri Wilayah Persekutuan

Kata-Kata Aluan Datuk Bandar



Kuala Lumpur berada di ambang permulaan salah satu perjalanannya yang paling penting untuk menjadi sebuah bandar raya lestari. Dalam sejarah kita, kita telah lama menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan menonjolkan nilai bandar raya yang indah ini.

Sebagai ibu negara Malaysia, dan salah satu bandar raya serantau yang utama di Asia, Kuala Lumpur sentiasa peka tentang peranannya sebagai pemboleh daya teras untuk meningkatkan kualiti kehidupan dalam bandar untuk semua warga KL, sambil memperkukuh usaha kemampunan kita dalam mendepani perubahan iklim.

Sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur, saya sentiasa sedar bahawa kemakmuran komuniti kita tidak boleh lagi dicapai dengan mengorbankan pertumbuhan bandar mampan. Kita hanya mempunyai satu bumi, dan kita perlu lakukan segalanya dalam kuasa kita untuk mengurangkan perubahan iklim. Justeru, sangat penting bagi kita mencipta bersama satu asas yang teguh dan laluan yang jelas untuk mentransformasi Kuala Lumpur menjadi sebuah masyarakat neutral karbon menjelang 2050, yakni, satu ikrar yang saya buat pada 2020 dengan visi yang realistik untuk sebuah dunia neutral karbon menjelang pertengahan abad ini.

Pertama kali Kuala Lumpur memulakan perjalanan yang bersemangat ini pada 2015, dengan sasaran untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau (greenhouse gas atau GHG) sebanyak 70% menjelang 2030, dipacu oleh Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 (Kuala Lumpur Low Carbon Society Blueprint 2030 atau KLLCSBP2030). Membina atas asas kukuh ini, Kuala Lumpur telah menaikkan standard dalam mengambil tindakan tegas ke arah mencapai matlamat neutral karbonnya.

Dalam dunia yang sentiasa berubah kesan daripada perubahan iklim dan COVID-19, kini Kuala Lumpur berdepan dengan cabaran yang lebih besar untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi pesat dan pada masa yang sama mengurangkan pelepasan GHG dengan harapan untuk mencapai neutral karbon. Semua ini perlu kita tangani dengan sumber yang semakin terhad dan berkurangan.

Ini memerlukan pendekatan yang lebih strategik untuk mengoptimumkan sumber kewangan, membangunkan modal insan, mengamalkan teknologi hijau inovatif, dan yang paling penting, mempercepat pelaksanaan projek neutral karbon di lapangan. Pelaksanaan projek yang menghasilkan impak positif yang nyata dan secara langsung ke atas ekonomi, alam sekitar dan terutama sekali komuniti sangatlah penting.

Ini adalah beberapa pertimbangan teras yang melahirkan Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju (PPNK). Pusat ini akan menjadi suatu eksperimen bandar neutral karbon perintis, inovatif dan berwawasan dengan menampilkan pelaksanaan projek neutral karbon dipercepatkan yang mengurangkan secara signifikan pelepasan GHG. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif di PPNK Wangsa Maju akan dijadikan sebagai sumber inspirasi, motivasi dan teladan untuk bandar raya di Malaysia dan negara membangun lain, serta untuk menzahirkan cita-cita iklim dan kelestarian mereka.

Kita boleh menjangkakan bahawa Pelan Tindakan Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju 2050 ini akan merancang projek yang kukuh, dinamik, dan pendekarbon lestari yang akan menghasilkan keberhasilan yang ketara dan jelas. Yang pasti, komuniti Wangsa Maju akan menjadi penerima manfaat pertama, tetapi yang lebih penting, hasrat kita agar keberhasilan di sini akan dapat dicapai di bandar raya lain di seluruh negara. Dengan ini, saya menyeru semua pihak untuk bekerjasama dalam mentransformasi Wangsa Maju menjadi pusat pertumbuhan yang makmur, berkembang maju, dan berdaya tahan. Kejayaan masa hadapan projek ini tidak dapat diragui dan akan menjadi batu loncatan untuk pencapaian yang lebih tinggi dalam kelestarian di seluruh Kuala Lumpur dan negara kita. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berbangga menjadi sebahagian daripada perjalanan ini.

YBhg. Datuk Seri Hj. Mahadi bin Che Ngah
Datuk Bandar Kuala Lumpur

Prakata

Bandar raya semakin dikenali sebagai entiti bukan kerajaan yang paling berkesan dan penting dalam mengurangkan perubahan iklim global dari segi meningkatkan pengurangan nyata dalam pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) bandar. Malaysia komited sepenuhnya untuk menjadi bahagian yang paling utama dalam peralihan global kepada masyarakat rendah karbon, dan akhirnya sebagai masyarakat neutral karbon, dengan cita-cita untuk mencapainya menjelang 2050. Kuala Lumpur, sebagai bandar raya utama dan penjana ekonomi bagi Malaysia yang membangun dengan pesat, perlu menerajui laluan untuk mengurangkan pelepasan GHG kesan daripada pertumbuhan ekonomi yang pantas, maka KLCH bermatlamat mengurangkan intensiti pelepasan GHG sehingga 70% menjelang 2030. Bagi mencapai matlamat tersebut, penyediaan dan pelaksanaan pelan tindakan neutral karbon pada tahap bandar raya yang holistik, berasaskan sains dan berpusatkan rakyat, dengan mengamalkan pendekatan 'Sains kepada Tindakan' ('Science to Action' atau S2A) amatlah diperlukan.

Sebagai pelan yang berasaskan sains, Model Bersepadu Asia Pasifik (Asia-Pacific Integrated Model atau AIM) yang diiktiraf di peringkat antarabangsa telah digunakan untuk menyerlahkan potensi pengurangan intensiti pelepasan GHG Kuala Lumpur di bawah pelbagai senario (dengan set parameter yang berbeza dan andaian yang wajar untuk Langkah dan Program yang dicadangkan). Model ini membuktikan bahawa Kuala Lumpur berpotensi mengurangkan intensiti pelepasan GHGnya sehingga 95% menjelang 2050 (berbanding pada tahap 2010), yang bersamaan dengan pengurangan mutlak sebanyak 57,594 ktCO₂eq daripada senario biasa urusan harian.

Sebagai pelan yang mengutamakan rakyat, sektor dan inisiatif yang dicadangkan telah diletakkan di bawah penelitian dan semakan oleh pelbagai pihak berkepentingan dalam bengkel Perbincangan Kumpulan Fokus (Focus Group Discussion atau FGD).

Oleh itu, Pelan Tindakan Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju 2050 adalah keberhasilan daripada semakan, dan maklum balas pelbagai pihak berkepentingan yang terlibat dalam bengkel tersebut.

Sebagai sebuah pelan yang holistik, Pelan Tindakan Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju 2050 mencadangkan 5 tindakan utama dan 20 Inisiatif yang dicadangkan untuk dilaksanakan yang terdiri daripada: 1) Tenaga ; 2) Sisa; 3) Pengangkutan; 4) Komuniti; dan 5) Kehijauan.

Akhirnya, Pelan Tindakan Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon 2050 berhasrat untuk menjadi pelan tindakan rakyat yang berasaskan penyelidikan sains dengan mengambil kira pelaksanaan yang praktikal. Pelan ini akan menyediakan hala tuju strategik dan rangka kerja yang jelas untuk penyelarasan dan penggabungan pelbagai hal berkaitan bagi menghadapi cabaran yang memerlukan tindakan yang dipenuhi secara serentak keperluan bersaing dalam melestarikan pertumbuhan ekonomi pantas, memperkukuhkan daya tahan iklim dan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) ke arah neutral karbon menjelang 2050, dengan sumber yang semakin terhad dan berkurangan.

Pusat Penyelidikan Asia Rendah Karbon - UTM (UTM-LCARC)

Faculty of Built Environment
Universiti Teknologi Malaysia
Johor Bahru
Malaysia

Ringkasan Eksekutif

Laporan terkini mengenai asas sains fizikal perubahan iklim (IPCC, 7 Ogos 2021) daripada kitaran Laporan Penilaian Keenam (AR6) Panel Antara Kerajaan mengenai Perubahan Iklim (IPCC) menunjukkan bukti yang meyakinkan dan dapatan kukuh yang menjurus kepada keberangkalian yang tinggi berlakunya peningkatan lebih daripada 1.5°C dalam suhu global di atas tahap praindustri seawal tahun 2030. Digambarkan sebagai kod merah untuk kemanusiaan, “sudah tidak ada masa untuk berleengah dan tidak ada ruang untuk alasan.” (António Guterres, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 9 Ogos 2021)

Justeru, peralihan global ke arah neutral karbon menjelang pertengahan abad bukan lagi satu pilihan bagi mengelak impak mendalam yang tidak boleh diubah semula akibat pemanasan global yang melebihi 1.5°C, dan bandar raya akan terus memainkan peranan yang sangat diperlukan dalam mempercepat peralihan tersebut.

Sebagai ibu negara Malaysia yang membangun dengan pesat, dan bandar raya utama dalam mengurangkan pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) dan memajukan SDG; Kuala Lumpur (KL) terlebih dahulu mengumumkan wawasan neutral karbon pertengahan abadnya pada penghujung 2020. Kuala Lumpur berkedudukan baik dan komited untuk menerajui bandar raya membangun Malaysia dan Asia lain ke arah mencapai neutral karbon menjelang 2050.


Laporan ini menggariskan cadangan Pusat Penyelidikan Asia Rendah Karbon-UTM (melalui Uni-Technologies Sdn Bhd, UTSB), untuk menyokong dan merealisasikan cita-cita neutral karbon KL menjelang 2050, dengan tumpuan segera kepada pelaksanaan projek dalam Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju yang dicadangkan, menerusi Pelan Tindakan Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju 2050 (PPNK, Wangsa Maju 2050).

Untuk mencapai hasrat itu, Pelan Tindakan PPNK Wangsa Maju 2050 yang dicadangkan akan dipandu oleh empat prinsip utama:

1. Melangkaui dasar sehingga ke tahap pelaksanaan sebenar projek yang akan memanfaatkan komuniti dari segi sosial dan ekonomi, dan menghasilkan pengurangan langsung dan tidak langsung dalam pelepasan GHG;
2. Menggunakan strategi pecutan berfokus bagi menyalurkan secara bijak sumber terhad untuk pelaksanaan projek yang berkesan dalam pusat pertumbuhan yang dicadangkan;
3. Pendekatan bersepadu yang mengimbangkan pengurangan pelepasan, keperluan komuniti dan pertumbuhan ekonomi berterusan ke arah pewujudan masyarakat neutral karbon yang makmur; dan
4. Kebolehulangan semula dan meningkatkan skala pelaksanaan projek kepada zon strategik KL dan pusat pertumbuhan lain.

Laporan bermula dengan menggariskan asas dan keperluan penting untuk KL beralih kepada neutral karbon menjelang 2050, diikuti dengan latar belakang Pelan Tindakan Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju 2050 sebagai contoh untuk KL. Laporan ini seterusnya mengemukakan model garis dasar untuk KL neutral karbon menjelang 2050 sebagai asas untuk menganggar potensi pengurangan pelepasan GHG bagi PPNK Wangsa Maju. Laporan ini kemudiannya menjelaskan latar belakang kontekstual Pusat Pertumbuhan Wangsa Maju dari segi pengangkutan dan kebolehcapaian, infrastruktur dan utiliti, bangunan dan akhir sekali kawasan hijau dan kawasan riadah. Cadangan projek untuk PPNK Wangsa Maju digariskan dan laporan ini diakhiri dengan ringkasan laporan dan senarai pihak berkepentingan.

Mengenai Kuala Lumpur





Lokasi

Di tengah pantai barat Semenanjung Malaysia, terletak di dalam Negeri Selangor dan Lembah Klang

Koordinat: **3.1390° N, 101.6869° E**



Luas

- **Kuala Lumpur:** 242.2 km²
- **Zon Strategik Wangsa Maju-Maluri:** 46.1 km²
- **Pusat Pertumbuhan Wangsa Maju:** 10.72 km²



Fungsi

Ibu Negara Malaysia. Salah satu pusat komersial, kewangan, pendidikan, hiburan, penjagaan kesihatan, kebudayaan, dan pelancongan utama Asia.



Penduduk

- 2010: **1.67 juta**
(Sumber: PSKL 2020)
- 2030: **1.98 juta**
(Sumber: PSKL 2040)
- 2050: **2.46 juta**
(Sumber: UTM-LCARC Projection)



Keluaran Dalam Negeri Kasar

- **2010:** RM84,852 juta
- **2030:** RM349,992 juta
- **2050:** RM603,006 juta



Pentadbiran

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



Jadual Kandungan

Ucapan Menteri	i
Kata-Kata Aluan Datuk Bandar	ii
Prakata	iii
Ringkasan Eksekutif	iv
Mengenai Kuala Lumpur	v
Jadual Kandungan	vii
Senarai Rajah	ix
Senarai Jadual	xiii
Singkatan	xv

1 PENDAHULUAN

1.1	Cabaran Perubahan Iklim	2
1.2	Konsep Neutral Karbon	6
1.3	Kuala Lumpur Ke Arah Neutral Karbon Menjelang 2050	8
1.4	Komitmen Kuala Lumpur ke Arah Perubahan Iklim	12
1.5	Bandar Raya Global ke Arah Neutral Karbon	14
1.6	Senario Kuala Lumpur Neutral Karbon 2050	18

2 PELAN TINDAKAN PUSAT PERTUMBUHAN NEUTRAL KARBON WANGSA MAJU – BANDAR PERINTIS

2.1	Latar Belakang Pelan Tindakan Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju 2050	22
2.2	Profil Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju	24
2.3	Peletakan Pelan Tindakan Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju 2050	28
2.4	Matlamat dan Objektif Pelan Tindakan Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju 2050	30
2.5	Skop Pelan Tindakan Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju 2050	31
2.6	Laluan Ke Arah Neutral Karbon: Zon Strategik Wangsa Maju-Maluri	32

3 KE ARAH PELAN TINDAKAN PUSAT PERTUMBUHAN NEUTRAL KARBON WANGSA MAJU 2050

3.1	Potensi Neutral Karbon di Pusat Pertumbuhan Wangsa Maju	34
3.2	Lima (5) Sektor ke arah Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju	37
3.2.1	Tenaga	37
3.2.2	Sisa	55
3.2.3	Pengangkutan	79
3.2.4	Komuniti	117
3.2.5	Hijau	147

4 KE ARAH PUSAT PERTUMBUHAN NEUTRAL KARBON WANGSA MAJU 2050

4.1	Ringkasan	188
4.2	Senarai Rakan Strategik Utama dan Jabatan DBKL Utama	188
4.3	Garis Masa Pelaksanaan Program	192

Senarai Rajah

Rajah	Tajuk	M/S
1.1	Panel Antara Kerajaan mengenai Perubahan Iklim (IPCC) Perubahan Iklim 2021 - Laporan Asas Sains Fizikal	2
1.2	Perjanjian Paris	2
1.3	Senarai 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)	3
1.4	Agenda Perbandaran Baharu	4
1.5	Takrifan Neutral Karbon	6
1.6	Pelan Iklim Copenhagen	6
1.7	Rancangan Malaysia Ke-12, 2021-2025	8
1.8	Tiga (3) Dimensi yang Tersenarai Dalam Rancangan Malaysia Ke-12, 2021-2025	8
1.9	Laporan NLCCM Malaysia	9
1.10	Pendekatan 3M NLCCM	9
1.11	Enam (6) Matlamat Utama untuk PSKL 2040	9
1.12	PSKL 2040	9
1.13	PIMRK KL 2030	10
1.14	Tiga (3) Teras Dalam PIMRK KL 2030	10
1.15	Sasaran Intensiti Pelepasan GHG bagi Kuala Lumpur	11
1.16	Laluan Neutral Karbon Kuala Lumpur	19
1.17	Intensiti Pelepasan GHG KDNK Dan Potensi Pengurangan Bagi 2010, 2020, 2030, 2040 dan 2050	20
1.18	Pelepasan GHG Mutlak Kuala Lumpur Bagi 2010, 2020, 2030, 2040 dan 2050	20
2.1	Enam (6) Zon Strategik di Kuala Lumpur	23
2.2	Pusat Pertumbuhan Wangsa Maju dan Kawasan Tadahan Dengan Parameter 2km	25
2.3	Senarai Bangunan Berdasarkan Kategori di PPNK Wangsa Maju	27
2.4	Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur (KLCP 2020)	28
2.5	Peletakan Pelan Tindakan Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju 2050	29
2.6	Pelepasan GHG oleh Sektor Guna-akhir Zon Strategik Wangsa Maju-Maluri Sumber: Unjuran UTM- LCARC	32
3.1	Lima (5) Sektor dan 20 Inisiatif yang Dicadangkan Dalam PPNK Wangsa Maju 2050	35
3.2	Sistem Konfigurasi Solar PV	38
3.3	Kawasan Berpotensi Bagi Solar PV Atas Bumbung	40
3.4	Pandangan Udara Kawasan Berpotensi Bagi Solar PV Atas Bumbung	41
3.5	Laluan pejalan kaki dari LRT Wangsa Maju dan di sepanjang Jalan 3/27A	43
3.6	Struktur Konsep Solar Terapung	44

Rajah	Tajuk	M/S
3.7	Kawasan Berpotensi Bagi Solar Terapung	46
3.8	Pandangan Udara Kawasan Berpotensi Bagi Solar PV Terapung	47
3.9	Konsep Sistem Penyejukan Daerah Bawah Tanah	48
3.10	Konsep Sistem Penyejukan Daerah Atas Tanah	49
3.11	Rajah Ilustrasi DCS Bawah Tanah	50
3.12	Kawasan Berpotensi Bagi Sistem Penyejukan Daerah	52
3.13	Pandangan Udara Kawasan Berpotensi Bagi Sistem Penyejukan Dearah	53
3.14	Gambaran Keseluruhan yang Ringkas untuk Model Rantai Pembekalan AD	56
3.15	Kawasan Berpotensi Bagi <i>Anaerobic Digester</i>	60
3.16	Pandangan Udara Kawasan Berpotensi Bagi <i>Anaerobic Digester</i>	61
3.17	Loji Pengkomposan Skala Komuniti di RTC Mini Layang-Layang, Johor, Malaysia	62
3.18	Carta Alir Pengkomposan Untuk Pengkomposan Tebas-Susun oleh Dewan Bandaraya Madrid, Sepanyol	63
3.19	Carta Alir Pengkomposan Untuk Pengkomposan Pelarik oleh SS Microbial	64
3.20	Kawasan Berpotensi Bagi Loji Pengkomposan Sisa	68
3.21	Pandangan Udara Kawasan Berpotensi Bagi Tapak Pengkomposan Sisa	69
3.22	Ringkasan Program AD dan Pengkomposan	70
3.23	Ringkasan Program Kitar Semula	75
3.24	Kawasan Berpotensi Bagi Titik Kitar Semula Sisa	76
3.25	Pandangan Udara Kawasan Berpotensi Bagi Titik Kitar Semula Sisa	77
3.26	Kawasan Audit PIQOS™ Wangsa Maju	82
3.27	Pandangan Udara Rangkaian Pejalan Kaki dan Berbasikal	83
3.28	Keputusan Kawasan Audit PIQOS™ Wangsa Maju	84
3.29	Laluan Pejalan Kaki di Jalan 2/27A Wangsa Maju (Mac 2019)	85
3.30	Laluan Pejalan Kaki di Jalan 2/27A Wangsa Maju (Oktober 2021)	86
3.31	Keratan Rentas Pemisah Fizikal	87
3.32	Kriteria Stesen Pengecasan EV	88
3.33	Cadangan Laluan dan Stesen Bas Bagi Bas EV Wangsa Maju	89
3.34	Pandangan Udara Stesen Bas dan Laluan Bas EV	90
3.35	Kawasan Sekitar Berjejeri 400m dari Stesen LRT Wangsa	91
3.36	Strategi Utama Perancangan Kawasan Stesen	99
3.37	Jenis Tingkap	104

Rajah	Tajuk	M/S
3.38	Gambaran Pandangan Udara Fasa 1 SAP Wangsa Maju	108
3.39	Situasi Semasa di Jalan 39/27B dan Gambaran SAP Wangsa Maju	108
3.40	Gambaran Ruang Awam di SAP Wangsa Maju	111
3.41	Keadaan Semasa dan Gambaran Laluan Pejalan Kaki Bersambung di Kawasan Stesen Wangsa Maju di Seksyen 2	111
3.42	Fasa dan Unit Kediaman dan Komersial yang Akan Terlibat	112
3.43	Peta Guna Tanah SAP Wangsa Maju Dalam Lingkungan 400m	114
3.44	Pandangan Udara Bagi Perancangan Kawasan Stesen	115
3.45	Konsep Taman Eko	119
3.46	Kawasan Berpotensi Bagi Taman Eko	120
3.47	Pandangan Udara Bagi Tapak Cadangan Taman Eko	121
3.48	Lapan (8) Komponen Kebun Komuniti	123
3.49	Kawasan Berpotensi Bagi Kebun Komuniti	126
3.50	Pandangan Udara Kawasan Berpotensi Bagi Kebun Komuniti	127
3.51	Pandangan Udara Tapak Kebun Komuniti Berpotensi di Wangsa Maju Seksyen 1	128
3.52	Model Komuniti Rendah Karbon Iskandar Puteri	130
3.53	Kawasan Berpotensi Bagi Mentransformasi Persatuan Penduduk Sedia Ada Menjadi Komuniti Neutral Karbon	132
3.54	Pandangan Udara Bagi Tapak Untuk Mentransformasi Persatuan Penduduk Sedia Ada Menjadi Komuniti Neutral Karbon	133
3.55	Langkah-Langkah Proses Pelaksanaan	135
3.56	Kawasan Berpotensi Bagi Komuniti Sifar Sisa	138
3.57	Pandangan Udara Kawasan Berpotensi Bagi Komuniti Sifar Sisa	139
3.58	Pelan Tindakan Pendidikan Kelestarian Johor 2019-2023 (PTPKJ 2019-2023)	140
3.59	Model untuk Menerapkan Kesedaran Neutral Karbon Kepada Komuniti Sekolah untuk DBKL	141
3.60	Sekolah Berpotensi Bagi Program Cabaran Neutral Karbon dan Kesedaran Neutral Karbon	144
3.61	Pandangan Udara Bagi Lokasi Sekolah Berpotensi Untuk Program Cabaran dan Kesedaran Neutral Karbon	145
3.62	Contoh Laporan Ringkasan Inventori Pokok	150
3.63	Lokasi Taman dan Kawasan Lapang	152
3.64	Status Taman dan Kawasan Lapang	153
3.65	Pandangan Udara Taman dan Kawasan Lapang	154
3.66	Min Suhu Permukaan Dinding Semasa Musim Panas untuk a) Dinding Luaran dan b) Dinding Dalaman	157
3.67	Faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Bumbung Hijau	163
3.68	Sebelum dan Selepas Memasang Sistem Hijau Menegak (VGS) di Flat Wangsa Maju Seksyen 1	165
3.69	Sebelum dan Selepas Memasang Sistem Hijau Menegak (VGS) di Flat Wangsa Maju Seksyen 2	165
3.70	Sebelum dan Selepas Memasang Sistem Hijau Menegak (VGS) di Flat Wangsa Maju Seksyen 4	165
3.71	Sebelum dan Selepas Memasang Sistem Hijau Menegak (VGS) di Flat Wangsa Maju Seksyen 10	165

Rajah	Tajuk	M/S
3.72	Sebelum dan Selepas Memasang Sistem Hijau Menegak (VGS) di sepanjang Sg Bunus di Wangsa Maju Seksyen 1	166
3.73	Sebelum dan Selepas Memasang Sistem Hijau Menegak (VGS) di SK Wangsa Maju Seksyen 1	166
3.74	Sebelum dan Selepas Memasang Sistem Hijau Menegak (VGS) di Wangsa 9 Residency	166
3.75	Sebelum dan Selepas Memasang Sistem Hijau Menegak (VGS) di Jalan Setiawangsa	166
3.76	Sebelum dan Selepas Memasang Sistem Hijau Menegak (VGS) di Dewan Serbaguna Seksyen 1	167
3.77	Sebelum dan Selepas Memasang Sistem Hijau Menegak (VGS) di Kompleks Sukan Seksyen 5	167
3.78	Jumlah keluasan VGS yang Dianggarkan	167
3.79	Jumlah keluasan VGS yang Dianggarkan	168
3.80	Pandangan Udara Kawasan Berpotensi Bagi Taman Menegak dan Taman Atas Bumbung (Seksyen 1)	169
3.81	Kawasan Berpotensi Bagi Taman Menegak dan Taman Atas Bumbung	170
3.82	Pandangan Udara Kawasan Berpotensi Bagi Taman Menegak dan Taman Atas Bumbung	171
3.83	Bahagian 1: Sungai Bunus - PPR Wangsa Sari - Taman Eko	173
3.84	Keratan Rentas Terperinci untuk Laluan Pejalan Kaki dan Laluan Basikal yang Dicadangkan di Sepanjang Sungai Bunus Dalam Bahagian 1	174
3.85	Bahagian 2: Taman Eko - Sungai Bunus - Tasik Sri Rampai	174
3.86	Keratan Rentas Terperinci untuk Laluan Pejalan Kaki dan Laluan Basikal yang Dicadangkan di Sepanjang Sungai Bunus Dalam Bahagian 2	175
3.87	Bahagian 3: PPR Sri Semarak -Tmn. Rekreasi Ayer Panas	175
3.88	Konsep Terperinci untuk Taman Poket yang Dicadangkan untuk Mempromosi Taman Linear Aktif dan Berdaya Huni Dalam Bahagian 3	176
3.89	Kawasan Berpotensi Bagi Taman Bandar Linear di Sepanjang Rizab Sungai dan Laluan Air	178
3.90	Kawasan Berpotensi Bagi Taman Bandar Linear di Sepanjang Rizab Sungai dan Acara Bola Lumpur	179
3.91	Komponen Projek untuk Bahagian 1	180
3.92	Komponen Projek untuk Bahagian 2	181
3.93	Komponen Projek untuk Bahagian 3	182
3.94	Kawasan Berpotensi Bagi Acara Melempar Bola Lumpur	185
3.95	Kawasan Berpotensi Bagi Acara Melempar Bola Lumpur	186
4.1	Garis Masa Pelaksanaan Program Mengikut Sektor	192

Senarai Jadual

Jadual	Tajuk	M/S
1.1	Profil Bandar Raya Global Ke Arah Neutral Karbon	15
1.2	Sektor Utama dan Sektor Strategik	16
3.1	Rakan Strategik Bagi Membangunkan Solar PV Atas Bumbung	39
3.2	Membangunkan Perkongsian untuk Solar PV Atas Bumbung	39
3.3	Rakan Strategik Bagi Sistem Semburan Kabus (<i>Mist Walk</i>) di Laluan Pejalan Kaki	42
3.4	Anggaran Kawasan dan Potensi Tenaga Solar Bagi Kawasan Berpotensi yang Dicadangkan	45
3.5	Rakan Strategik untuk Solar PV Terapung	45
3.6	Rakan Strategik bagi Sistem Penyejukan Daerah (<i>District Cooling System atau DCS</i>)	51
3.7	Rakan Strategik Bagi <i>Anaerobic Digester</i>	58
3.8	Komponen Projek Utama untuk Mewujudkan dan Melaksanakan Loji AD	59
3.9	Peringkat Pelaksanaan dan Komponen Projek Jangka Pendek Untuk Mewujudkan Pengkomposan Komuniti Berskala Kecil	65
3.10	Peringkat Pelaksanaan dan Komponen Projek Jangka Panjang Untuk Pengkomposan Berskala Besar	66
3.11	Rakan Strategik untuk Loji Pengkomposan Sisa	67
3.12	Rakan Strategik untuk Titik Kitar Semula Sisa	74
3.13	Rakan Strategik untuk Menambah Baik Rangkaian Pejalan Kaki dan Berbasikal	81
3.14	Rakan Strategik untuk Penambahbaikan Pengangkutan Awam	88
3.15	Rakan Strategik untuk Perancangan Kawasan Stesen	113
3.16	Rakan Strategik untuk Taman Eko	119
3.17	Rakan Strategik untuk Kebun Komuniti	124
3.18	Enam (6) Peringkat Pelaksanaan Projek	124
3.19	Rakan Strategik untuk Penjimatan Air dan Tenaga Komuniti	129
3.20	Rakan Strategik untuk Mentransformasi Persatuan Penduduk Sedia Ada Menjadi Komuniti Neutral Karbon Komuniti	131
3.21	Rakan Strategik untuk Komuniti Sifar Sisa	136
3.22	Butiran Langkah-Langkah Proses Pelaksanaan	137
3.23	Rakan Strategik untuk Memperkukuhkan Komuniti Sekolah Melalui Usaha Tertumpu	140
3.24	Bilangan Sekolah dan Pelajar Menurut PPD di Kuala Lumpur (2020)	141
3.25	Rakan Strategik untuk Program CNCP	143
3.26	Hierarki Kawasan Lapang dan Taman Rekreasi	147
3.27	Semakan Mengenai Dasar atau Undang-Undang Kecil Yang Berkaitan Dengan Pemuliharaan dan Perlindungan Pokok	149
3.28	Contoh Spesis Pokok Dengan Sifat Amnya dan Lokasi Yang Sesuai	151

Jadual	Tajuk	M/S
3.29	Rakan Strategik untuk Melindungi Taman dan Kawasan Lapang Sedia Ada	151
3.30	Jenis Dinding Hijau Menegak	157
3.31	Senarai Beberapa Pemanjat Berbunga Tropika	159
3.32	Senarai Beberapa Sayur-Sayuran Pemanjat untuk Tumbuh-Tumbuhan Pengasing Karbon Berpotensi di Kawasan Tropika	160
3.33	Jenis Sistem Dinding Hijau dan Sistem Bumbung Hijau	161
3.34	Rakan Strategik untuk Taman Menegak dan Taman Atas Bumbung	163
3.35	Bangunan dan Lokasi Berpotensi	164
3.36	Perimeter VGS Pada Pagar Bangunan (Flat Wangsa Maju Seksyen 1 Sebagai Projek Perintis)	167
3.37	Perimeter VGS pada Bangunan Komersial Milik DBKL	168
3.38	Perimeter VGS pada Pagar Bangunan (Institusi Awam)	168
3.39	Rakan Strategik untuk Taman Bandar Menegak di Sepanjang Sungai dan Rizab Laluan Air	177
3.40	Rakan Strategik untuk Menganjurkan Program “Pembersihan Sungai”	184
4.1	Rakan Strategik Utama Berpotensi dan Jabatan DBKL Mengikut Sektor	189

Singkatan

AFOLU	Pertanian, Perhutanan dan Penggunaan Tanah Lain (<i>Agriculture, Forestry and Other Land Use</i>)	Unit	
AIM	Model Bersepadu Asia Pasifik (<i>Asia-Pacific Integrated Model</i>)		
APAD	Agensi Pengangkutan Awam Darat	kg	Kilogram
CM	Langkah Balas (<i>Countermeasure</i>)	ktoe	Bersamaan kilo tan minyak
BaU	Urusan seperti Biasa	tCO₂eq	Bersamaan tan karbon dioksida
CO₂	Karbon Dioksida	ktCO₂eq	Bersamaan kilo tan karbon dioksida
COP	Persidangan Semua Pihak (<i>Conference of Parties</i>)	km²	Kilometer persegi
DOE/JAS	Jabatan Alam Sekitar	RM	Ringgit Malaysia
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia		
EC	Suruhanjaya Tenaga		
EE	Kecekapan Tenaga (<i>Energy Efficiency</i>)		
ExSS	Sarana Menangkap Gambar Dipertingkat (<i>Extended Snapshot Tools</i>)		
FGD	Perbincangan Kumpulan Fokus (<i>Focus Group Discussion</i>)		
GHG	Gas Rumah Hijau (<i>Greenhouse Gases</i>)		
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar		
IWK	Indah Water Consortium		
IPCC	Panel Antara Kerajaan mengenai Perubahan Iklim (<i>Intergovernmental Panel on Climate Change</i>)		
KL	Kuala Lumpur		
KL CAP	Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050 (<i>Kuala Lumpur Climate Action Plan 2050</i>)		
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur		
PBRKL	Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020		
PIMRK KL 2030	Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030		
LNG	Gas Asli Cecair		
MSW	Sisa Pepejal Perbandaran (<i>Municipal Solid Waste</i>)		
NIES	Institut Kebangsaan Kajian Alam Sekitar (<i>National Institute for Environmental Studies</i>)		
PIQOS	Kualiti Perkhidmatan Infrastruktur Pejalan Kaki (<i>Pedestrian Infrastructure Quality of Services</i>)		
PSKL	Pelan Struktur Kuala Lumpur		
PTKL	Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040		
RE	Tenaga Boleh Diperbaharu (<i>Renewable Energy</i>)		
SEDA	Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari		
SWCorp	Pihak Berkuasa Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam		
TNB	Tenaga Nasional Berhad		
UNFCCC	Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (<i>United Nations Framework Convention on Climate Change</i>)		
PPNK Wangsa Maju	Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju		



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1

Cabaran Perubahan Iklim


Perubahan iklim telah menjadi ancaman terbesar dalam sejarah kesihatan manusia, ekonomi, dan alam sekitar. Oleh kerana kesedaran dan kebimbangan yang semakin meningkat terhadap pemanasan global, serta kesannya, penerapan daripada masyarakat rendah karbon telah menarik perhatian seluruh dunia. Bagi bandar raya dan kawasan perbandaran yang membangun dengan pantas, inisiatif ke arah penyahkarbonan dari pembangunan dan aktiviti ekonominya adalah sangat penting. Justeru, pemanasan global dan perubahan iklim memberi cabaran baharu kepada negara, bandar raya, dan wilayah untuk memacu semula laluan mereka ke arah memastikan pertumbuhan secara berterusan dan pada masa yang sama menyumbang kepada usaha mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.

Dunia telah digemparkan pada awal bulan ini dengan Laporan Perubahan Iklim 2021 - Laporan Asas Sains Fizikal yang dikeluarkan oleh Panel Antara Kerajaan mengenai Perubahan Iklim (IPCC) (*rujuk Rajah 1.1*). Laporan ini menunjukkan bukti kukuh bahawa pengaruh manusia terhadap iklim telah mencapai tahap kritikal, di mana peningkatan suhu 1.5°C mengatasi tahap pra-industri boleh dicapai seawal 2030, dan manusia perlu berlumba untuk mengurangkan CO₂ dan pelepasan GHG lain menjadi sifar bersih menjelang pertengahan abad untuk mengelak kesan yang tidak boleh diubah semula dalam perubahan iklim. Pada peringkat global, pelbagai agenda pembangunan dan iklim mampan diiktiraf sebagai pusat untuk menyatukan rangka kerja global yang berkait dengan pengurangan perubahan iklim, seperti Perjanjian Paris 2015, Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030, dan Agenda Perbandaran Baharu (2016).


Pejanjian Paris di bawah Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC) telah diterima pakai pada Disember 2015 di Paris, Perancis, pada sesi ke-21 Persidangan Semua Pihak (COP) kepada UNFCCC (*rujuk Rajah 1.2*). Perjanjian tersebut, diterima pakai oleh 196 pihak kepada UNFCCC, yang telah dikuatkuasakan pada 4 November 2016, dan sehingga Mei 2018 mempunyai 195 tandatangan dan

diratifikasikan oleh 177 pihak. Salah satu matlamat Perjanjian Paris ialah “Membendung kenaikan suhu purata global jauh di bawah 2°C di atas paras pra-industri dan meneruskan usaha untuk mengehadkan peningkatan suhu menjadi 1.5°C di atas paras pra-industri”, dengan menyedari bahawa ini akan mengurangkan secara signifikan risiko dan impak perubahan iklim.

SDG 2030 adalah agenda pembangunan global baharu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang mempunyai 17 matlamat untuk pembangunan mampan bagi tempoh 15 tahun yang akan datang terutamanya bagi kepentingan kritikal untuk kemanusiaan dan bumi ini (*rujuk Rajah 1.3*). 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) ini telah diterima pakai oleh pemimpin global pada 2015 di Persidangan Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York. SDG tersebut menunjukkan keperluan untuk negara-negara, dan khususnya bandar raya tempat penduduk tertumpu mengambil pendekatan bersepadu dan holistik bagi menangani perubahan iklim, yang seterusnya memerlukan penghayatan keperluan sosial dan ekonomi yang bersaing. Apabila perubahan iklim bertambah buruk, maka cabaran yang didepani bandar raya menjadi lebih berat.



Rajah 1.1: Panel Antara Kerajaan mengenai Perubahan Iklim (IPCC) Perubahan iklim 2021 - Laporan Asas Sains Fizikal



Rajah 1.2: Perjanjian Paris

Untuk menjadi sebuah bandar raya neutral karbon menjelang 2050, adalah penting bagi memastikan pembangunan masa hadapan Kuala Lumpur sejajar dengan SDG, terutamanya SDG 11 dan 13. SDG menyokong falsafah asas untuk pelaksanaan PIMRK KL 2030, dan seiring itu dapat memacu pembangunan Kuala Lumpur sehingga 2030. Usaha untuk mengurangkan peningkatan memuncak pelepasan gas daripada rumah hijau global untuk tempoh seberapa segera yang mungkin adalah penting bagi mencapai dunia yang neutral iklim menjelang pertengahan abad.

MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDG)



Rajah 1.3: Senarai 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)



SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan

Oleh kerana kepadatan tinggi manusia, maka adalah amat penting untuk membina daya tahan bandar bagi mengelakkan kerugian kepada manusia, sosial dan ekonomi seterusnya menambah baik kelestarian proses pembandaran juga diperlukan untuk melindungi alam sekitar dan mengurangkan risiko bencana dan perubahan iklim.



SDG 13: Tindakan Memerangi Perubahan Iklim

Pemanasan global menyebabkan perubahan yang berpanjangan kepada sistem iklim kita, di mana ia memberi ancaman kesan buruk yang tidak dapat dipulihkan jika kita gagal bertindak. Tindakan ini akan diintegrasikan bersama langkah risiko bencana, pengurusan sumber asli mampan, dan keselamatan manusia ke dalam strategi pembangunan negara.

Banyak negara di seluruh dunia mengemaskinikan Sumbangan yang Ditentukan Secara Nasional (Nationally Determined Contribution atau NDC) di bawah Perjanjian Paris sebagai tindak balas kepada laporan IPCC 2018-2019 ke arah mempertingkatkan pengurangan pelepasan GHG mereka dan bandar raya dijangka terus menyumbang secara signifikan kepada sasaran NDC yang disemak semula, termasuk ke arah neutral karbon menjelang pertengahan abad.



Rajah 1.4: Agenda Perbandaran Baharu

Agenda Perbandaran Baharu (New Urban Agenda atau NUA) menyeru suatu anjakan paradigma perbandaran bagi melihat semula cara untuk merancang, membiayai, membangun, mentadbir dan mengurus bandar raya dan penempatan manusia ke arah mencapai pembangunan mampan dan kemakmuran untuk semua (*rujuk Rajah 1.4*). Sebahagian daripada agenda pembangunan mampan dan iklim, satu siri inisiatif perubahan iklim dan rendah karbon peringkat negara telah disediakan dalam bentuk dasar, rangka kerja dan garis panduan seperti Dasar Negara mengenai Perubahan Iklim (NPCC) 2009 dan Rangka Kerja Bandar Raya Rendah Karbon dan Sistem Penilaian (LCCF) 2011.

Berikutan Perubahan Iklim IPCC 2021 yang disebut sebelum ini – Laporan Asas Sains Fizikal termasuk tiga Laporan Khas IPCC 2018-2019, menjelaskan bahawa negara dan terutama sekali bandar raya tidak boleh lagi menanggung dan memberi alasan dalam mengambil tindakan ke arah mengurangkan pelepasan GHG menjadi sifar bersih menjelang 2050. Ini bertujuan untuk mengekalkan peningkatan suhu global di sekitar 1.5°C tahap pra-industri. Kebanyakan bandar raya yang berwawasan ke hadapan, terutama sekali bandar raya di negara maju, telah mengumumkan beberapa bentuk hasrat neutral karbon, dengan beberapa bandar raya telah menyediakan dasar dan pelan rasmi. Pelan Tindakan Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju 2050 yang dicadangkan akan menjadi contoh pertama Kuala Lumpur kepada dunia berkaitan projek neutral karbon yang dilaksanakan yang akan menyumbang kepada pencapaian yang bakal dikecapi oleh bandar raya tersebut berhubung neutral karbon menjelang 2050.





1.2


Konsep Neutral Karbon

Perubahan iklim telah memberi kesan kepada seluruh dunia, dengan keadaan cuaca melampau seperti kemarau, gelombang haba, hujan lebat, banjir dan tanah runtuh yang semakin kerap, termasuk di Malaysia. Kesan lain perubahan iklim yang pantas adalah termasuk peningkatan aras laut, pengasidan laut dan kehilangan biokepelbagaian. Bandar raya khususnya, memainkan peranan yang besar dalam mengurangkan pelepasan gas rumah hijau. Pada skala global, sebanyak 70% semua pelepasan gas rumah hijau berlaku adalah disebabkan oleh bandar raya. Oleh itu, penting bagi bandar-bandar utama mempertimbangkan cara mencapai neutral karbon dalam satu tempoh tertentu.


Menurut takrifan IPCC (2018), neutral karbon dapat dicapai apabila pelepasan CO₂ antropogenik adalah seimbang dengan penyingkiran CO₂ antropogenik dalam satu tempoh tertentu (*rujuk Rajah 1.5*). Sebuah bandar raya boleh dianggap sebagai ‘neutral-iklim’ jika pelepasan gas rumah hijau boleh

mengekalkan pemanasan global di bawah ambang berbahaya 1.5°C. Sebagai aktiviti utama yang menyumbang kepada pelepasan GHG (seperti contoh tenaga, pengangkutan, sisa), kebanyakannya terletak dalam kawasan bandar, maka pentadbir bandar raya memainkan peranan penting dalam mempengaruhi transformasi sektor ini dengan menterjemahkan dasar negara dan melaksanakannya di lapangan.

Sehingga kini, kebanyakan bandar raya telah komited secara global untuk mencapai neutral iklim menjelang 2050 atau lebih awal, seperti Copenhagen, London, Tokyo, Helsinki dan Glasgow, (*rujuk Rajah 1.6*) dan senarai tersebut semakin bertambah. Seiring pembangunan melalui pertumbuhan rendah karbon yang ditekankan oleh PIMRK KL 2030, Kuala Lumpur berhasrat untuk menerajui laluan tersebut dalam kalangan bandar raya membangun secara pantas ke arah mencapai neutral karbon menjelang 2050.



Rajah 1.5: Takrifan Neutral Karbon



Rajah 1.6: Pelan Iklim Copenhagen



1.3

Kuala Lumpur Ke Arah Neutral Karbon Menjelang 2050

Rancangan Malaysia Ke-12, 2021-2025 akan dirangka untuk menetapkan laluan ke hadapan bagi agenda pembangunan negara seiring dengan rangka kerja pelaksanaan untuk dekad yang akan datang (*rujuk Rajah 1.7*). Ini bertujuan memastikan pembangunan sosioekonomi yang inklusif dan bermakna ke arah masyarakat yang lebih makmur.



Rajah 1.7: Rancangan Malaysia Ke-12, 2021-2025

Sejajar dengan inisiatif kemakmuran bersama, terdapat tiga (3) dimensi yang perlu diberi penekanan (*rujuk Rajah 1.8*). Antara tiga dimensi itu, kelestarian alam sekitar akan menjadi sebahagian daripada agenda pembangunan negara. Di bawah dimensi ini, terdapat pelbagai komponen yang akan dimasukkan seperti (1) Pengurangan dan penyesuaian perubahan iklim, (2) Cukai karbon, (3) Penggunaan dan pengeluaran mampan, (4) Pengurusan Risiko bencana (5) Teknologi Hijau, (6) Pemuliharaan biokepelbagaian, (7) Tenaga boleh diperbaharu (RE), (8) Kecekapan Tenaga (EE), (9) Pengurusan sumber air bersepadu, dan seterusnya.

Rancangan Malaysia Ke-12 menyatakan bahawa Malaysia akan memajukan agenda pertumbuhan hijau dengan melaksanakan pembangunan bersih, hijau,

dan berdaya tahan (Bab 8: Memajukan Pertumbuhan Hijau untuk Kelestarian dan Daya Tahan) melalui pendekatan ke seluruh negara (whole of-nation). Memandangkan Malaysia komited untuk memulihara kesihatan bumi dan berhasrat menjadi negara neutral karbon dalam jangka panjang, keutamaan akan diberi kepada pembangunan sosioekonomi rendah karbon dan berdaya tahan iklim di samping pemuliharaan sumber asli dan ekosistem. Kuala Lumpur berbangga menjadi sebahagian daripada gerakan antarabangsa untuk bertindak menentang perubahan iklim. Bandar raya ini memulakan perjalanan untuk memerangi perubahan iklim melalui program libat urus komuniti dan pengurangan pelepasan karbon pada awal 2000.

Oleh itu, Kuala Lumpur telah dipilih sebagai Bandar Raya Sasaran dalam Pelan Induk Bandar Raya Rendah Karbon Negara (NLCCM) (*rujuk Rajah 1.9*). Dokumen ini disediakan untuk menangani kelompongan dan dasar bagi mencapai matlamat pengurangan GHG negara dalam mengurangkan perubahan iklim. Pelan induk menggariskan sasaran pengurangan GHG mutlak untuk 33 bandar raya dan wilayah terbesar di Malaysia dalam tiga (3) fasa pelaksanaan yang berbeza. Di bawah pelan induk ini, pendekatan 3M (*rujuk Rajah 1.10*) diperkenalkan untuk memandu Kuala Lumpur sebagai peneraju utama dalam pengurangan perubahan iklim, di samping menetapkan satu contoh untuk strategi pengurangan pencemaran bagi pembangunan di peringkat tempatan. Sasaran pengurangan GHG bagi Kuala Lumpur menjadi keutamaan yang mana mengatasi hasrat pengurangan GHG Malaysia bagi memacu projek pengurangan GHG yang lebih berimpak dalam memenuhi sasaran.



Rajah 1.8: Tiga (3) Dimensi yang Tersenarai Dalam Rancangan Malaysia Ke-12, 2021-2025



Rajah 1.9: Laporan NLCCM Malaysia

PENGUKURAN (MEASUREMENT)
pelepasan GHG dengan mewujudkan satu garis dasar dan menyediakan pemantauan berkala

1

PENGURUSAN (MANAGEMENT)
pembangunan rendah karbon dalam bentuk dasar, sasaran dan perancangan

2

PENGURANGAN (MITIGATION)
pelepasan GHG melalui reka bentuk dan pelaksanaan program dan projek

3

Rajah 1.10: Pendekatan 3M NLCCM

Matlamat 1 **Inovatif dan Produktif**

Matlamat 2 **Inklusif dan Saksama**

Matlamat 3 **Sihat dan Vibran**

Matlamat 4 **Pintar Iklim dan Rendah Karbon**

Matlamat 5 **Mobiliti Cepak dan Mesra Alam**

Matlamat 6 **Pembangunan Bersepadu dan Mampan**

Rajah 1.11: Enam (6) Matlamat Utama untuk PSKL 2040

PSKL 2040 mengandungi perincian semua komponen berasingan yang saling berkaitan untuk membentuk bandar raya tersebut dengan mengamalkan pendekatan holistik, inklusif, boleh didiami dan mampan. Bagi merealisasikan sasaran, terdapat enam (6) matlamat yang telah dikenal pasti yang merangkumi sosial, ekonomi, kehidupan dan alam semula jadi, dan aspek perancangan fizikal (*rujuk Rajah 1.11*).

Matlamat Ke-4: Pintar Iklim dan Rendah Karbon dalam PSKL 2040 tertumpu kepada usaha ke arah mengurangkan pelepasan GHG dan mentransformasikan KL menjadi sebuah bandar raya global yang cekap mengurus sumber dan mempertingkatkan kecekapannya untuk memacu pertumbuhan hijau masa hadapan. Dokumen ini turut menekankan kepentingan bagi pembangunan infrastruktur cekap sumber dan penggunaan teknologi hijau dan bersih. Ke arah mencapai matlamat ini, pembangunan masa hadapan KL juga akan diberi perhatian untuk menambah baik sistem EE, pengurusan sisa dan air, pengangkutan serta bangunan rendah karbon dan hijau, memperkenalkan zon pelepasan pencemaran rendah, pembangunan teknologi pintar dan rendah karbon.

Bagi memastikan matlamat ini dicapai, Pelan Tindakan PPNK Wangsa Maju 2050 hendaklah sejajar dengan PSKL 2040 (*rujuk Rajah 1.12*) melalui pengenalpastian inisiatif atau projek yang akan dijadikan panduan kepada pusat pertumbuhan lain ke arah mencapai aspirasi KL sebagai bandar raya neutral karbon pertama di Asia menjelang 2050.



Rajah 1.12: PSKL 2040

Sebagai ibu negara dan bandar raya utama di Malaysia dalam aspek pembangunan ekonomi dan infrastruktur, penting bagi Kuala Lumpur menerajui laluan dan menjadi amalan terbaik untuk mewujudkan persekitaran hidup yang lebih baik pada masa hadapan di Malaysia. Bagi merealisasikan wawasan pertumbuhan KL dan pada masa yang sama menyumbang kepada usaha memenuhi komitmen global Malaysia untuk mengurangkan pelepasan karbon, maka Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 (PIMRK KL 2030) telah dirangka (*rujuk Rajah 1.13*).




Rajah 1.13: PIMRK KL 2030

PIMRK KL 2030 dilancarkan secara rasmi oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dan diterima pakai oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada Disember 2018. Dengan sasaran untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon KDNK di bandar raya sehingga 70% menjelang 2030, maka 3 teras (*rujuk Rajah 1.14*), 10 tindakan, 37 tindakan kecil, 82 langkah dan 245 program dikenal pasti untuk pelaksanaan.

PIMRK KL 2030 secara berkesan menetapkan laluan yang jelas dan praktikal untuk membimbing Kuala Lumpur ke arah menjadi masyarakat rendah karbon menjelang 2030, bersedia ke arah neutral karbon menjelang 2040, dan neutral karbon menjelang 2050 (*rujuk Rajah 1.15*). Melangkaui 2030, Kuala Lumpur berhasrat untuk mencapai neutral karbon menjelang 2050 melalui peralihan kepada masa hadapan rendah karbon, mampan dan berdaya tahan terhadap iklim. Ini memerlukan usaha yang serius dan bersepadu merentasi industri, ekonomi, dan masyarakat. Kuala Lumpur akan meneruskan usahanya untuk memaksimumkan pengurangan pencemaran yang berpotensi daripada semua sektor. Oleh itu, penting untuk membuktikan pelaksanaan program PIMRK KL 2030 dan membangunkan langkah-langkah yang perlu untuk menjadi bandar raya neutral karbon menjelang 2050.

Pendekatan transformasi yang melangkaui pemikiran konvensional adalah diperlukan. Ini meliputi pelbagai tindakan yang tegas dan bercita-cita tinggi yang rendah kos dan jangka pendek (hasil segera), di samping inisiatif transformasi jangka panjang yang memerlukan pelaburan signifikan. Mengambil kira pandangan ini, maka Pelan Tindakan PPNK Wangsa Maju 2050 yang dicadangkan ini dihasilkan. Projek yang bakal dicadangkan dalam Pelan Tindakan tersebut akan mengubah secara berperingkat Wangsa Maju daripada kebanyakannya mengandungi kawasan kejiranan kediaman subbandar kepada pusat pertumbuhan neutral karbon yang berkembang maju dan makmur.




Rajah 1.14: Tiga (3) Teras Dalam PIMRK KL 2030



Rajah 1.15: Sasaran Intensi Pelepasan GHG bagi Kuala Lumpur

1.4

Komitmen Kuala Lumpur ke Arah Perubahan Iklim





1.5

Bandar Raya Global ke Arah Neutral Karbon











Amalan terbaik rendah karbon dan neutral karbon yang melibatkan sepuluh bandar raya dunia merentasi skala ruangan yang sama (seperti ibu negara), telah diteliti. Setiap daripada pelan ini termasuk tindakan pengurangan karbon spesifik dan sasaran alam sekitar dan garis masa adalah ke arah mencapai bandar raya neutral karbon. Dasar-dasar ini mengenal pasti sektor utama yang berpotensi untuk mengurangkan sasaran pencemaran (*rujuk Rajah 1.1*).

Daripada semakan tersebut, dasar yang paling relevan dan terpakai dalam konteks Kuala Lumpur dan PPNK Wangsa Maju disusun dan diklasifikasikan ke dalam sektor termasuk tenaga boleh diperbaharui; bangunan hijau; pengangkutan, teknologi bersih dan hijau; pengurusan sisa mampan dan gaya hidup hijau. Sebagai contoh, dalam sektor tenaga yang boleh diperbaharui, pengenalan dan pelaksanaan sumber tenaga boleh diperbaharui telah dikenal pasti sebagai alternatif kepada tenaga yang boleh dilaksana di Kuala Lumpur dan PPNK Wangsa Maju. Bagi sektor bangunan hijau, kajian kes menunjukkan bahawa kebanyakan bandar raya telah merangka dan melaksanakan pelbagai dasar untuk sektor binaan berdasarkan sumbangan yang besar kepada penggunaan tenaga.

Dasar seperti mengamalkan reka bentuk pasif dan pengubahsuaian bangunan untuk kecekapan tenaga yang lebih tinggi boleh disepadukan dalam dasar Kuala Lumpur ke arah menjadi bandar raya neutral karbon. Bagi sektor pengangkutan, pengangkutan aktif, perancangan pengangkutan awam dan penggunaan kenderaan elektrik adalah antara inisiatif yang menjadi keutamaan yang boleh diterima pakai sebagai strategi PPNK Wangsa Maju. Kesimpulannya, sintesis daripada kajian penanda aras merentasi 10 bandar raya mampan global menyediakan rangka kerja yang nyata dan holistik dalam bentuk pilihan dan peluang rendah karbon dan neutral karbon yang tersebar luas boleh diterima pakai dalam mentransformasikan PPNK Wangsa Maju menjadi bandar raya neutral karbon menjelang 2050.



Jadual 1.1: Profil Bandar Raya Global Ke Arah Neutral Karbon

Bandar Raya Global ke arah Neutral Karbon										
Bandar Raya										
	CPH	AMT	BLN	HLS	BTN	TKY	LDN	NY	PRS	ADL
Penduduk	799,000 (2021)	821,175 (2015)	3.56m (2020)	656,250 (2021)	650,281 (2015)	37m (2020)	8.96m (2021)	8.43m (2015)	2.2m (2020)	25,456 (2019)
Keluasan Tanah (km ²)	180.0	219.3	891.8	213.7	232.1	2,190.90	1,572.0	783.8	105.0	15.57
Kepadatan (orang/km ²)	4,400	3,744	3,991	3,070	2,801	16,888	5,701	10,751	20,952	1,634
KDNK (US\$ Juta)	127,000 (2020)	233,000 (2015)	181,322 (2020)	59,289 (2018)	380,000 (2015)	1.8tn (2020)	691,146 (2019)	1.7tn (2019)	804,009 (2020)	194,700 (2020)
Tahun Diterima Pakai	2015	2020	2014	2018	2019	2019	2018	2017	2016	2019
Tahun Asas	2009	1990	2010	1990	2015	2013	1990	2005	2004	2015
Tahun Sasaran	2025	2030, 2050	2050	2035	2050	2050	2050	2050	2050	2050
Sasaran Pengurangan	Neutral Karbon 2025	55% menjelang 2030, 95% by 2050	Neutral Iklim 2050 (85%)	Neutral Karbon (80%)	Neutral Karbon 2050	Neutral Karbon 2050	Neutral Karbon (80%)	Neutral Karbon (80%)	Neutral Karbon (80%)	Neutral Karbon 2050
Skala Ruangan	Ibu Negara	Ibu Negara	Ibu Negara	Ibu Negara	Ibu Negara	Ibu Negara	Ibu Negara	Bandar Raya	Ibu Negara	Ibu Negara

Sumber: UTM-LCARC

Nota: CPH: Copenhagen, AMT: Amsterdam, BLN: Berlin, HLS: Helsinki, BTN: Boston, TKY: Tokyo, LDN: London, NY: New York, PRS: Paris, ADL: Adelaide

Jadual 1.2: Sektor Utama dan Sektor Strategik

Bandar Raya Global ke arah Neutral Karbon		CPH	AMT	BLN	HLS	BTN	TKY	LDN	NY	PRS	ADL
Bandar Raya											
Tenaga	Tenaga Boleh Diperbaharui	✓	✓	✓		✓	✓		✓		✓
	Solar PV	✓	✓	✓	✓	✓		✓	✓		
	Sistem Penyejukan/ Pemanasan Daerah	✓	✓	✓							
	Teknologi Pintar							✓			✓
Pengangkutan	Pejalan Kaki dan Berbasikal	✓	✓	✓	✓	✓		✓		✓	
	Perkhidmatan Pengangkutan Awam	✓	✓	✓	✓	✓		✓	✓	✓	✓
	Kenderaan Elektrik	✓	✓	✓	✓		✓	✓	✓	✓	✓
	Pengurusan Letak Kereta			✓							
Bangunan	Bangunan Hijau	✓	✓		✓	✓	✓				✓
	Bangunan Cepak Tenaga		✓	✓	✓	✓		✓	✓	✓	✓
	Penaiktarafan Bangunan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	
Komuniti	Kesedaran dan Pendidikan Awam	✓	✓								
	Rakan Strategik	✓					✓				
	Pendidikan di Sekolah	✓			✓						
	Kebun Dalam Bandar				✓						
Hijau	Menambahkan Kawasan Hijau	✓									✓
	Sistem Pelaporan Karbon				✓						
Pembangunan Bandar	Bandar Raya Sesak dan Padat	✓									
	Perancangan Mampan	✓									
Sisa	Pembakaran Sisa	✓				✓					
	Kitar Semula Sisa				✓	✓	✓			✓	✓
	Pengurusan Sisa				✓		✓			✓	✓

Sumber: UTM-LCARC

Nota: CPH: Copenhagen, AMT: Amsterdam, BLN: Berlin, HLS: Helsinki, BTN: Boston, TKY: Tokyo, LDN: London, NY: New York, PRS: Paris, ADL: Adelaide




1.6

Senario Kuala Lumpur Neutral Karbon 2050

Kuala Lumpur memacu laluan untuk mengurangkan pelepasan GHG daripada pertumbuhan ekonomi pesat melalui penghasilan dan pelaksanaan PIMRK KL 2030. Konsep Masyarakat Rendah Karbon (MRK) menyokong falsafah asas untuk pelaksanaan PIMRK KL 2030, dan dengan itu meneraju pembangunan Kuala Lumpur sehingga 2030. Sehingga hari ini, Kuala Lumpur meneruskan usaha untuk memaksimumkan pengurangan pencemaran yang berpotensi daripada semua sektor. Ini sejajar dengan matlamat Perjanjian Paris untuk mengurangkan kemuncak peningkatan pelepasan gas rumah hijau global seberapa segera yang mungkin untuk mencapai iklim dunia yang neutral menjelang pertengahan abad.

PIMRK KL 2030 meletakkan sasaran Kuala Lumpur di atas laluan ke arah sasaran yang lebih berambisi untuk menjadi neutral karbon menjelang 2050. Justeru, penting untuk langkah ini pergi lebih jauh dari pembangunan rendah karbon ke arah bersedia neutral karbon menjelang 2040, dan meletakkan laluan yang kukuh untuk mencapai neutral karbon menjelang 2050 (*rujuk Rajah 1.16*). Hasrat untuk mencapai neutral karbon menjelang 2050 ini adalah penting dan sejajar dengan Persidangan Pemimpin mengenai Iklim di mana negara-negara mengumumkan sasaran iklim baharu yang disasarkan untuk dicapai dan komited untuk mengurangkan pencemaran bagi memastikan matlamat mengehadkan pemanasan global sehingga 1.5 darjah C tercapai. Pemimpin iklim global menekankan keperluan mendesak ekonomi utama untuk mengukuhkan cita-cita mereka di samping menuju laluan ke Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (COP 26) pada November 2021 di Glasgow.






Rajah 1.16: Laluan Neutral Karbon Kuala Lumpur

Sumber: Unjuran UTM-LCARC

Merujuk kepada *Rajah 1.17* dan *Rajah 1.18*, Kuala Lumpur berpotensi mengurangkan intensiti pelepasan GHG (berbanding dengan tahap tahun 2010) sehingga 72% menjelang 2030, (bersamaan dengan pengurangan mutlak sebanyak 26,119 ktCO₂eq dari senario BaU), termasuk 82% menjelang 2040 (bersamaan pengurangan mutlak sebanyak 39,130 ktCO₂eq dari BaU) dan 92% menjelang 2050 (bersamaan pengurangan mutlak sebanyak 57,594 ktCO₂eq dari BaU). Berdasarkan anggaran permodelan dalam tempoh selama 20 tahun (dari 2030 sehingga 2050), terdapat peningkatan signifikan dan tetap dalam bentuk pengurangan GHG mutlak daripada senario BaU di mana 2050 CM termasuk penyerap karbon dijangkakan mempunyai pengurangan mutlak tertinggi (iaitu, 58,176 ktCO₂eq). Peningkatan trend pengurangan pelepasan ini sesuai dengan trajektori neutral karbon, untuk merealisasikan sasaran 2050 tersebut secara boleh dilaksanakan (sebagai contoh, menjadi bandar raya neutral karbon sepenuhnya), Kuala Lumpur bersedia untuk beralih menjadi bandar raya rendah karbon menjelang 2030, dan menjelang 2040, bandar raya ini dijangkakan menjadi lebih bersedia untuk neutral-karbon.


Keputusan ini diperolehi daripada model AIM dan berdasarkan data rasmi terkini dan trend masa hadapan faktor keluaran dalam negeri kasar (KDNK), penduduk dan pelepasan pencemaran daripada penjaan tenaga elektrik. Pengurangan yang paling signifikan dalam pelepasan GHG pada 2050 CM terhasil daripada sektor komersial berbanding dengan senario BaU 2050. Dijangkakan pencemaran bersih yang tertinggal sebanyak 16,540 ktCO₂eq akan diimbangi oleh penyerap karbon termasuk kaedah teknologi dan mekanisme pertukaran karbon lain yang akan disediakan secara berperingkat kepada Kuala Lumpur.

Oleh itu, pelaksanaan PIMRK KL 2030 dan Pelan Tindakan Neutral Karbon Kuala Lumpur yang wajar adalah penting untuk membolehkan Kuala Lumpur menyumbang secara signifikan kepada komitmen global Malaysia untuk mengurangkan perubahan iklim dan mencapai neutral karbon sambil mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh.



Rajah 1.17: Intensiti Pelepasan GHG KDNK Dan Potensi Pengurangan Bagi 2010, 2020, 2030, 2040 dan 2050

Sumber : Unjuran UTM- LCARC



Rajah 1.18: Pelepasan GHG Mutlak Kuala Lumpur Bagi 2010, 2020, 2030, 2040 dan 2050

Sumber : Unjuran UTM- LCARC



BAB 2

PELAN TINDAKAN PUSAT
PERTUMBUHAN NEUTRAL
KARBON WANGSA MAJU –
BANDAR PERINTIS

2.1


Latar Belakang Pelan Tindakan Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju 2050

Kuala Lumpur adalah sebuah Wilayah Persekutuan dan pusat ekonomi Malaysia. Bandar raya ini adalah yang terbesar di Malaysia, merangkumi kawasan seluas 242.2 km² dengan jumlah penduduk dianggarkan sebanyak 1.98 juta pada 2030 (Sumber: PSKL 2040) yang diunjurkan untuk meningkat sehingga lebih daripada 2.46 juta menjelang 2050.

Bagi perancangan pertumbuhan cekap, berkesan, dan mampan, bandar raya ini terbahagi kepada enam zon strategik (*rujuk Rajah 2.1*). Zon strategik utama yang menunjukkan pertumbuhan yang stabil dan mewakili lebih daripada 20% penduduk Kuala Lumpur ialah Zon Strategik Wangsa Maju-Maluri yang berada di bahagian timur utara bandar raya (Sumber: PTKL 2040).

Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 mengenal pasti PPNK Wangsa Maju yang meliputi kawasan seluas 2,649.20 ekar dan bertempat di bahagian utara Zon Strategik sebagai pusat pertumbuhan utama. Sejalan dengan hasrat Kuala Lumpur untuk menjadi bandar raya neutral karbon menjelang 2050, maka usaha untuk meneroka peluang pertumbuhan mampan, inovatif, hijau, dan pintar untuk mentransformasikan PPNK Wangsa Maju daripada fungsi kediaman menjadi presint yang berkembang maju, makmur, neutral karbon yang pertama di Malaysia adalah strategik dan tepat pada masanya. PPNK Wangsa Maju akan berperanan sebagai pusat perintis yang penting untuk menerajui lima zon strategik yang lain di Kuala Lumpur, di samping bandar raya Malaysia lain, untuk beralih secara progresif kepada neutral karbon menjelang 2050.





Rajah 2.1: Enam (6) Zon Strategik di Kuala Lumpur

2.2

Profil Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju

2.2.1 Guna Tanah

Berdasarkan *Rajah 2.2*, terdapat tiga (3) guna tanah yang utama di PPNK Wangsa Maju iaitu perumahan (31.53%), pengangkutan (30.24%) dan tanah kosong (16.28%) (Sumber: DBKL, 2021). Kawasan kajian ini tidak terhad kepada kawasan PPNK Wangsa Maju sahaja, malah kajian ini turut mempertimbangkan kawasan tadahan (dengan parameter 2km) sebagai kawasan yang berpotensi dalam kajian untuk memastikan inisiatif yang dicadangkan boleh dilaksanakan.

2.2.2 Pengangkutan dan Akses

Terdapat beberapa jenis jalan raya yang menghubungkan PPNK Wangsa Maju dengan kawasan persekitaran dan zon strategik lain di Kuala Lumpur.

Terdapat dua (2) lebuh raya yang boleh dilalui, dan PPNK Wangsa Maju boleh juga dihubungkan melalui jalan utama sedia ada seperti Jalan Genting-Kelang, Jalan Mohamad Yatim Yahya, Jalan Setiawangsa dan Jalan Kilang.

2 Lebuhraya

Lebuhraya Duta-Ulu Kelang (DUKE)
Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2)

4 Jalan Raya Utama


Jalan Genting-Kelang
Jalan Mohamad Yatim Yahya
Jalan Setiawangsa
Jalan Kilang




Penyediaan laluan pejalan kaki dan berbasikal di kawasan perumahan dan komersial perlu ditambah baik untuk meminimumkan gangguan laluan kenderaan dan memperingkat keselamatan pejalan kaki dan penunggang basikal. Terdapat keperluan untuk menghubungkan pejalan kaki dan penunggang basikal kepada kawasan nod pengangkutan dan

rekreasi seperti Tasik Sri Rampai, Sungai Bunus dan Bukit Dinding. Rangkaian pejalan kaki dan berbasikal hendaklah menghubungkan pengguna kepada perkhidmatan atau tempat dengan persekitaran yang selesa dan selamat.

Terdapat dua (2) jenis perkhidmatan pengangkutan awam yang menyediakan perkhidmatan untuk penduduk PPNK Wangsa Maju: bas awam dan Transit Aliran Ringan (LRT). Dua (2) stesen LRT sedia ada iaitu Stesen LRT Wangsa Maju (platform bertingkat) dan Stesen LRT Sri Rampai (platform subpermukaan) menyediakan perkhidmatan laluan Kelana Jaya yang menghubungkan Gombak ke Petaling Jaya ke bahagian Selatan melalui KLCC dan KL Sentral.





RAJAH 2.2

Pusat Pertumbuhan Wangsa Maju dan Kawasan Tadahan Dengan Parameter 2km

- | | | |
|-----------|---------------------------|---------------------------------|
| Perumahan | Infrastruktur dan Utiliti | Sempadan PPNK Wangsa Maju |
| Komersial | Kawasan Hijau | 2km Penampungan Kawasan Tadahan |
| Kemudahan | Tasik/Sungai | |
| Industri | Tanah Kosong | |
| Institusi | Pengangkutan | |



TIADA SKALA



2.2.3 Infrastruktur dan Utiliti

Infrastruktur dan utiliti dalam bahagian ini terbahagi kepada enam (6) kategori iaitu: i) bekalan tenaga, ii) bekalan air, iii) bekalan gas, iv) sisa pepejal, v) sistem pembentungan dan vi) telekomunikasi.

Terdapat infrastruktur dan utiliti sedia ada dalam radius 500 meter sekitar PPNK Wangsa Maju. Bekalan elektrik disediakan melalui pencawang masuk utama (PMU) sedia ada dengan kapasiti 132/33kV yang mencukupi untuk mencakupi kawasan PPNK Wangsa Maju. PPNK Wangsa Maju mendapat akses kepada bekalan gas asli daripada Petronas Gas Utilization (PGU), Sektor 1 (Pelabuhan Kelang-Lumut). Selain itu, terdapat empat (4) loji rawatan pembentungan (STP) di PPNK Wangsa Maju yang diuruskan oleh Indah Water Konsortium Sdn Bhd.

Sisa pepejal diuruskan oleh SW Corporation Sdn Bhd. Sisa pepejal yang dikumpul akan dihantar ke Stesen Pemindahan Taman Beringin (1,800 tan sehari) sebelum dilupuskan di Tanah Isian Sanitari Bukit Tagar, Selangor.

2.2.4 Bangunan

Terdapat lima (5) penggunaan dominan bangunan iaitu bangunan komersial, kemudahan, industri dan institusi di PPNK Wangsa Maju. Kebanyakan bangunan di PPNK Wangsa Maju adalah bangunan kediaman yang terbahagi kepada 17 kawasan kediaman dan kebanyakannya merangkumi perumahan kos rendah dan sederhana. Selain itu, bagi bangunan komersial, terdapat tiga (3) jenis bangunan iaitu kedai pejabat setingkat, dua tingkat dan tiga tingkat, dan aktiviti utama kebanyakannya ialah peruncitan dan perkhidmatan. Institusi merujuk kepada bangunan agensi kerajaan. Lima (5) bangunan institusi di PPNK Wangsa Maju ialah pejabat DBKL, JPJ, kem tentera, balai bomba, dan balai polis.

Bangunan institusi dan komersial yang besar menawarkan potensi untuk pemasangan Solar PV atas bumbung. Kajian awal menunjukkan Aeon Big Mall dan Wangsa Walk Mall mempunyai kawasan atas bumbung yang terbesar (lebih daripada 100m²) dan kawasan bebas teduh di PPNK Wangsa Maju. Ini boleh menjana lebih banyak bekalan tenaga dengan menggunakan sumber tenaga boleh diperbaharui

pada bangunan. Kesimpulannya, program tenaga boleh diperbaharui pada bangunan boleh dicadangkan khususnya Solar PV pada bumbung adalah antara teknologi yang paling strategik boleh dilaksanakan untuk menjana tenaga hijau untuk PPNK Wangsa Maju.

Kemudahan di PPNK Wangsa Maju termasuk empat (4) kategori iaitu kompleks pendidikan, kesihatan, keagamaan, dan komuniti. Terdapat sebuah hospital, lima (5) kompleks komuniti, enam (6) sekolah rendah dan lima (5) sekolah menengah (*rujuk Rajah 2.3*). Semua kemudahan tersebut terletak dalam 500 meter dan memberi potensi baik untuk program komuniti berkaitan neutral karbon.



Kawasan Kejiranan

1. Wangsa Maju (Seksyen 1-10)
2. Taman Andaman
3. Taman Sri Rampai
4. Taman Desa Setapak
5. Taman Wangsa Melawati
6. Taman Setapak Jaya
7. Taman Setapak Permai
8. Taman Megan Setapak



Perumahan Awam

1. PPR Wangsa Sari
2. PPR Seri Semarak
3. PPR Desa Rejang
4. Flat WM Seksyen 1-10



Kompleks Komuniti

1. Dewan Awam Seksyen 1 Wangsa Maju
2. Dewan Awam Seksyen 2 Wangsa Maju
3. Dewan Awam Seksyen 4 Wangsa Maju
4. Dewan Awam Seksyen 10 Wangsa Maju
5. Pusat Komuniti Taman Ibu Kota



Sekolah

1. SR Desa Setapak
2. SRK Taman Sri Rampai
3. SRK Sek 10 Wangsa Maju
4. SRK Sek 4 Wangsa Maju
5. SRK/M Wangsa Melawati
6. SR Sek 1 Wangsa Maju
7. SMK Sek 2 Wangsa Maju
8. SMK Sek 1 Wangsa Maju
9. SMK Sek 5 Wangsa Maju
10. SM Tmn Sri Rampai
11. SMK Setiawangsa



Rajah 2.3: Senarai Bangunan Berdasarkan Kategori di PPNK Wangsa Maju

2.2.5 Kawasan Hijau dan Kawasan Rekreasi

Kawasan hijau dalam bandar mempunyai pelbagai tujuan penggunaan, daripada kawasan kejiranan dan taman bandar raya, hingga ke sungai, laluan pejalan kaki dan berbasikal dan pokok (*street trees*) yang membantu mengurangkan pelepasan GHG.

Kawasan hijau di PPNK Wangsa Maju boleh dikategorikan kepada empat(4) iaitu kawasan lapang, landskap jalan, tanah hijau dan hutan. Ruang hijau meliputi 27% keseluruhan kawasan tanah di PPNK Wangsa Maju.

Terdapat satu kawasan rekreasi utama iaitu Tasik Sri Rampai terletak di Setapak Jaya yang boleh dihubungkan dengan laluan pejalan kaki. Terdapat dua (2) kawasan taman hijau juga di PPNK Wangsa Maju iaitu Bukit Dinding dan Bukit Wangsa Maju dengan jumlah kawasan seluas 372.22 ekar. Berdasarkan analisis tersebut, jika Bukit Dinding dipilih sebagai salah satu kawasan rekreasi di PPNK Wangsa Maju, terdapat keperluan untuk menambah baik rangkaian pejalan kaki dan berbasikal bagi menyediakan akses berterusan ke Tasik Sri Rampai dan taman kejiranan lain.

Adalah penting untuk memanfaatkan Sungai Bunus sebagai salah satu kawasan rekreasi. Pada masa ini, laluan pejalan kaki dan berbasikal disediakan di

sepanjang Sungai Bunus tetapi tidak disambung ke Jalan Ayer Keroh. Gabungan kawasan hijau, penanaman pokok jalan raya dan laluan pejalan kaki dan berbasikal akan mewujudkan sambungan di PPNK Wangsa Maju. Ini akan memberi peneduhan dan perlindungan, mengurangkan kesan pulau haba bandar dan sekuestrasi karbon.

Kawasan Hijau di PPNK Wangsa Maju

Kawasan Lapang

103.57 ekar

(kawasan taman kejiranan dan rekreasi)



Kawasan Hijau

184.70 ekar

(tanah tidak dibangunkan atau tanah kosong)



Taman Bandar

246.68 ekar

(Bukit Dinding dan Bukit Wangsa Maju)



2.3

Peletakan Pelan Tindakan Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju 2050

Kuala Lumpur dirancang dan diposisikan dengan baik berhubung dengan peralihan kepada neutral karbon menjelang 2050 dan menjadi bandar raya utama yang akan mendorong bandar raya Malaysia dan bandar raya Asia membangun yang lain untuk mencapai cita-cita yang sama. Ini bermula dengan pengagasan dan penerimgunaan rasmi PIMRK KL 2030 oleh DBKL pada 2018. PIMRK KL 2030 meletakkan Kuala Lumpur atas satu trajektori untuk mengurangkan intensiti pelepasan GHG KDNK bandar raya sebanyak 70% menjelang 2030 berdasarkan tahap pencemaran 2010.


PIMRK KL 2030 menyediakan rangka kerja dasar yang kukuh untuk menyahkarbonkan pelan pembangunan berkanun: Pelan Struktur Kuala Lumpur (PSKL 2020) dan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur (KLCP 2020) (*rujuk Rajah 2.4*).

PIMRK KL 2030 juga mengarus perdana menjadi pelan pembangunan berkanun baharu bandar raya ini: Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL 2040) dan Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL 2040), akan digunakan sebagai asas untuk kawalan perancangan dan kelulusan pembangunan di bandar raya ini bagi tempoh 20 tahun (*rujuk Rajah 2.5*).



Rajah 2.4: Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur (PBRKL 2020)





Rajah 2.5: Peletakan Pelan Tindakan Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju 2050

2.4

Matlamat dan Objektif Pelan Tindakan Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju 2050

Berdasarkan latar belakang di atas, Pelan Tindakan Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju 2050 bermatlamat untuk:

Matlamat

Membangunkan Pusat Pertumbuhan Wangsa Maju menjadi presint bandar yang berdaya maju, makmur, dan neutral karbon, yang menjadi contoh perintis yang boleh dipertingkat kepada Zon Strategik Kuala Lumpur lain untuk transformasi progresif Kuala Lumpur menjadi bandar raya neutral karbon menjelang 2050.

Objektif 1

Merangka hala tuju pembangunan Pusat Pertumbuhan Wangsa Maju sebagai bandar Neutral karbon menjelang tahun 2050 mengikut model dan laluan yang ditetapkan.

Objektif 2

Untuk mengenal pasti konsep dan projek pembangunan yang sesuai untuk Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju yang akan menjadi rujukan amalan yang terbaik untuk peningkatan kepada lima zon strategik yang lain di Kuala Lumpur.

2.5

Skop Pelan Tindakan Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju 2050

Keseluruhan skop projek ini ialah:

1 Mengira pelepasan GHG untuk Kuala Lumpur dan Zon Strategik Wangsa Maju dengan 2010 sebagai tahun asas dan 2050 sebagai tahun sasaran

2 Mencadangkan projek neutral karbon berkejayaan pantas (*quick win*), mengubah rentak (*game changing*) dan boleh dilaksanakan di Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju

Skop untuk setiap sektor strategik telah digariskan dan akan digunakan sebagai panduan untuk mengenal pasti inisiatif atau projek yang sesuai dan boleh dilaksanakan di Pusat Pertumbuhan Wangsa Maju.



Tenaga

- 1 Mengurangkan **penggunaan tenaga** untuk bangunan dan aset DBKL yang terpilih
- 2 Mengetahui pasti sumber sedia ada untuk **EE dan RE**
- 3 Mengetahui pasti lokasi untuk **penyejukan daerah dan penjanaan RE**
- 4 Melaksanakan **SARE** (Perjanjian Pembekalan Tenaga Boleh diperbaharu), NEDA (Pengaturan Penghantaran Dipertingkat Baharu), **SELCO** (Penggunaan Sendiri), **undang-undang utiliti, pakej insentif dan cukai**, menggalakkan pelaburan dalam perkhidmatan cepak




Sisa

- 1 Merancang **kemudahan kitar semula** untuk kejiranan komuniti
- 2 Mencadangkan **loji pengkomposan** untuk medan selera atau pasar basah
- 3 Mencadangkan **loji Anaerobic Digester**




Pengangkutan

- 1 Merancang **rangkaian laluan basikal yang komprehensif**
- 2 Cadangan **infrastruktur berbasikal dan pejalan kaki** yang selamat dan selesa
- 3 Menaik taraf laluan **bas pengantara** dan mempromosi **bas elektrik**
- 4 Menambah baik stesen LRT dengan memperkenalkan **Perancangan Kawasan Stesen (SAP)**
- 5 Merancang **infrastruktur dan pusat perkhidmatan pengecasan kenderaan elektrik** yang komprehensif dan boleh diakses



Komuniti

- 1 Mempromosikan kempen **pendidikan dan kesedaran orang awam** (komuniti dan sekolah) mengenai kepentingan gaya hidup dan persekitaran rendah karbon
- 2 Mempromosikan **pelibatan pihak berkepentingan** dalam program pembangunan rendah karbon dan pemuliharaan alam sekitar
- 3 Memperkenalkan konsep **Taman Eko** (hidroponik, kebun bandar, IoT, solar PV, pengkomposan dan biogas)



Hijau


- 1 Meyediakan panduan pengurusan **infrastruktur hijau** seperti hutan, taman, dan badan air sebagai sebahagian daripada rangkaian koridor hijau yang tidak mengganggu dalam bandar raya termasuk penyerap karbon
- 2 Menjalankan langkah untuk **meningkatkan penghijauan bandar raya** (seperti bumbung hijau, hijau menegak - *vertical green*)
- 3 Mempromosikan **penanaman dan penanaman semula pokok** untuk meningkatkan liputan hijau dan sekuestrasi karbon

2.6

Laluan Ke Arah Neutral Karbon : Zon Strategik Wangsa Maju-Maluri

Pelepasan GHG Zon Strategik Wangsa Maju-Maluri diunjurkan meningkat daripada 4,334 ktCO₂eq pada 2010 kepada 13,357 ktCO₂eq di bawah senario 2050 BaU. Analisis awalan menunjukkan potensi untuk pelepasan GHG untuk mengurangkan 2,960 ktCO₂eq di bawah senario CM 2050 CM (*rujuk Rajah 2.6*).

Pelepasan GHG dari sektor komersial akan berkisar di sekitar empat (4) kali ganda jumlah berbanding tahun 2010 dalam senario BaU 2050 dan agihannya dalam sekitar 47% jumlah pelepasan GHG. Pelepasan GHG daripada pengangkutan penumpang dalam BaU 2050 mendapati juga hampir tiga kali ganda jumlah pada 2010 dan agihannya akan menjadi 29% daripada jumlah pelepasan GHG. Ini menunjukkan potensi besar untuk pengurangan pelepasan GHG Wangsa Maju dengan memfokuskan secara strategik mengenai neutral karbon dalam sektor komersial dan pengangkutan.



Rajah 2.6: Pelepasan GHG Oleh Sektor Guna-akhir Zon Strategik Wangsa Maju-Maluri
 Sumber: Unjuran UTM- LCARC



BAB 3


KE ARAH PELAN
TINDAKAN PUSAT
PERTUMBUHAN
NEUTRAL KARBON
WANGSA MAJU 2050


3.1

Potensi Neutral Karbon di Pusat Pertumbuhan Wangsa Maju

Dengan sumber, kewangan, teknologi dan kekangan masa yang biasa dihadapi terutamanya dalam pembangunan bandar, keutamaan strategik bagi pengurangan pelepasan adalah tindakan balas melalui fokus "pendekatan pecutan" adalah sangat penting. Fokus bagi "pendekatan pecutan" adalah memastikan bandar untuk memberikan tumpuan sepenuhnya dalam melaksanakan sebilangan kecil projek yang bernilai tinggi, memberi kesan kepada kapasiti bandar sedia ada dengan potensi untuk mencapai sehingga 90% daripada pengurangan pelepasan. Ini termasuk projek dalam sektor kuasa dan tenaga, sisa, pengangkutan, hijau dan komuniti.

Melalui Pelan Tindakan Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju, 20 inisiatif yang dicadangkan untuk menerajui zon ke arah neutral karbon menjelang 2050 telah dikenal pasti dan ditetapkan (*rujuk Rajah 3.1*). Peluang atau tindakan neutral karbon ini dikenal pasti berdasarkan pertimbangan yang berikut, iaitu potensi pengurangan pelepasan bahan cemar, ketahanan iklim, manfaat saksama, promosi penglibatan komuniti, dan yang paling penting, kebolehlaksanaan projek dengan mengambil kira keupayaan DBKL dalam merealisasikan dan memampkannya.





Rajah 3.1: Lima (5) Sektor dan 20 Inisiatif yang Dicadangkan Dalam PPNK Wangsa Maju 2050



Tiga (3) Cadangan Inisiatif Bagi Sektor Tenaga

-  Solar pada Infrastruktur
-  Solar PV Terapung
-  Sistem Penyejukan Daerah
-  Lokasi Berpotensi
-  Sempadan PPNK Wangsa Maju



3.2

Lima (5) Sektor ke arah Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju

3.2.1 Tenaga

Mengurangkan permintaan tenaga melalui penjimatan "guna-akhir" dan langkah peningkatan kecekapan mengurangkan keperluan untuk menjana seberapa banyak tenaga yang sepatutnya diperlukan. Ia juga menyederhanakan jejak karbon. Walaupun dengan langkah yang cekap, permintaan untuk tenaga akan sentiasa ada dan penduduk yang bertambah dan pembangunan ekonomi akan mengenakan lebih tekanan kepada permintaan. Dalam konteks neutral karbon, usaha mengurangkan intensiti karbon baki pembekalan tenaga melalui peralihan yang signifikan kepada tenaga bersih dan boleh diperbaharu adalah penting. Gabungan projek tenaga boleh diperbaharu dan penambahbaikan kecekapan tenaga adalah penting untuk mengeluarkan pertumbuhan masa hadapan Wangsa Maju daripada masalah pelepasan karbon yang meningkat, dengan mengurangkan agihan bahan bakar fosil dalam penggunaan tenaga. Terdapat empat (4) inisiatif yang dicadangkan seperti dalam sektor tenaga berikut:

INISIATIF YANG DICADANGKAN

1. **Pemasangan Solar pada Infrastruktur**
2. **Memperkenalkan Solar PV Terapung**
3. **Memperkenalkan Sistem Penyejukan Daerah**

1 Pemasangan Solar pada Infrastruktur


(a) Pemasangan Solar Atas Bumbung

Sistem fotovolt solar (PV), yang dipasang di atas bumbung atau disepadukan ke muka bangunan adalah pemasangan elektrik yang menukarkan tenaga solar menjadi tenaga elektrik. Sistem ini

boleh digunakan untuk memenuhi keperluan penggunaan tenaga bangunan tersebut atau, dalam beberapa keadaan, disalurkan kembali ke dalam grid elektrik. Satu contoh solar PV yang dipasang pada bumbung bangunan ialah 91 kWp solar PV yang terletak di Alor Setar. Terdapat beberapa sebab yang menyerlahkan lagi kelebihan pemasangan panel solar pada bumbung bangunan, seperti penjimatan kos, pelaburan selamat, peningkatan dalam akses kepada tenaga, pengurangan jejak karbon, sumber hijau tenaga dan penghapusan keperluan ruang tambahan untuk pemasangan.

Sistem solar PV atas bumbung adalah pilihan penjaan tenaga elektrik teragih, yang membantu untuk memenuhi keperluan tenaga sebuah bangunan, atau menyediakan tenaga elektrik dalam rangkaian pengagihan sedia ada. Saiz pemasangan boleh berubah dengan ketara, dan bergantung pada saiz bangunan, jumlah bekalan elektrik yang diperlukan, pembiayaan yang tersedia untuk projek tersebut, dan kesanggupan pengendali grid untuk menerima kapasiti lebihan. Sebagai panduan asas, kawasan seluas 5m² diperlukan untuk 1 kWp kapasiti sistem solar PV. Kapasiti 1 kWp sistem solar PV boleh menjana dalam lingkungan 1200 - 1500 kWh tenaga elektrik setahun.

Purata jam sinaran matahari sehari di Malaysia adalah dalam lingkungan 4-6 jam sehari. Komponen utama sistem solar PV termasuk modul PV, struktur kekudanya dan penyongsang. Bagaimanapun, komponen lain juga boleh digabungkan ke dalam sistem, bergantung pada saiz dan kekompleksannya. Ini termasuk papan suis lapangan (string boxes), bateri, generator, transformer dan meter. Susun atur dan konfigurasi sistem boleh berbeza, bergantung pada jenis beban dan keperluan bekalan tenaga. Susun atur penunjuk digambarkan pada *Rajah 3.2*.



Rajah 3.2: Sistem Konfigurasi Solar PV

Sumber: Solar Vest

KOMPONEN PROJEK

- (a) Sitem tenaga teragih
- (b) Modul PV
- (c) Struktur Kekuda
- (d) Penyongsang
- (e) Pengendali grid
- (f) Pemilik bangunan

AMALAN TERBAIK

1. Loji tenaga solar Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Malaysia

- ▲ **Kapasiti yang dipasang:** 19 MWp
- ▲ **Perihal:** Menggabungkan pemasangan atas tanah, sistem kanopi letak kereta dan atas bumbung.
- ▲ **Komponen projek:** Sistem tenaga teragih, modul PV, struktur kekuda, penyongsang, pengendali grid, pemilik bangunan

2. Top Glove, Klang, Selangor, Malaysia

- ▲ **Kapasiti yang dipasang:** 2.2 MW
- ▲ **Perihal:** PPA di antara Shizen Malaysia dan Top Glove pada November 2021
- ▲ **Komponen projek:** Sistem tenaga teragih, modul PV, struktur kekuda, penyongsang, pengendali grid, Pemilik bangunan

ASAS PERKIRAAN

- (a) Pengurangan Karbon: 0.741 kg CO₂/ kWh tenaga elektrik solar yang digunakan
- (b) Penjimatan berpotensi: 36.5 se/kWh tenaga elektrik solar yang digunakan (tarif C1)

Pada masa ini, terdapat beberapa insentif solar PV di Malaysia seperti yang dibincangkan di bawah.

● Program NEM Rakyat

Di bawah Program NEM Rakyat, pengguna domestik yang memasang sistem fotovolta suria (PV) di bumbung premis akan menggunakan tenaga yang dihasilkan terlebih dahulu dan lebih tenaga yang dihasilkan akan dieksport ke grid TNB. Kredit yang diterima daripada lebih tenaga tersebut akan digunakan semula untuk mengimbangi bil elektrik berdasarkan imbangan “one-on-one offset” dalam tempoh 10 tahun pengoperasian.

● NEM GoMEn

Di bawah Program NEM GoMEN, Agensi Kerajaan yang memasang sistem fotovolta suria (PV) di bumbung premis akan menggunakan tenaga yang dihasilkan terlebih dahulu dan lebih tenaga yang dihasilkan akan dieksport ke grid TNB. Kredit yang diterima daripada lebih tenaga tersebut akan digunakan semula untuk mengimbangi bil elektrik berdasarkan imbangan “one-on-one offset” dalam tempoh 10 tahun pengoperasian.

● NOVA NEM

Konsep Program Penggabungan Maya Pengimbangan Bersih (*Net Offset Virtual Aggregation atau NOVA*) ialah tenaga yang dijanakan daripada pemasangan solar PV pada premis penggunaan NOVA dan hendaklah digunakan dan direka bentuk secara amnya untuk penggunaan sendiri. Apa-apa lebihan yang tidak digunakan di premis tersebut di mana pemasangan PV diletakkan kerana kekangan operasi atau perubahan bulanan atau bermusim dalam permintaan beban di premis tersebut boleh dihantar melalui sistem pembekalan tersebut.

Butiran maklumat NEM Rakyat, NEM GoMEN dan NOVA NEM dilampirkan pada Lampiran 4.

Butiran status pelaksanaan projek yang melibatkan potensi yang dianggarkan, perkongsian kawasan dan bangunan untuk Solar PV Atas Bumbung dijelaskan pada *Jadual 3.1* dan *Jadual 3.2*.

Jadual 3.1: Potensi yang Dianggarkan dan Kawasan untuk Solar PV Atas Bumbung

Lokasi	Kawasan yang Dianggarkan (m ²)	Ciri-ciri PV	Potensi yang Dianggarkan (MWP)	Tenaga yang Dianggarkan (MWh)
Wangsa Walk	10,000 (atas bumbung dan tempat letak kereta)	Kecekapan= 20.8% Output= 4.85 m ² /kWp	2	7.2
Aeon Big	30,000	Model= Q.Peak Duo ML-GP	6	21.6
Wangsa Maju LRT Station	1,300		0.27	1
Giant hypermarket Setapak	10,000 (atas bumbung dan tempat letak kereta)		2	7.2
Puspakom	800		0.16	0.58
Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan	5,000		1	3.6

Sumber: Anggaran oleh UTM-LCARC berdasarkan Google Maps

Jadual 3.2: Rakan Strategik Bagi Membangunkan Solar PV Atas Bumbung

Rakan Strategik	
Pendekatan Pelaksanaan	Pemasangan terus pada bangunan, tempat letak kereta dan laluan pejalan kaki
Anggaran Kos	RM 3000-4000/ kWp sistem solar PV
Garis Masa	▲ 2021-2025 ▲ 2026-2030
Pelaksana	Pemilik bangunan, Agensi Kerajaan (NEM, GoMEn)
Agensi	Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), Suruhanjaya Tenaga (ST), Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI), Pusat Perubahan Iklim dan Teknologi Hijau Malaysia (MGTC), Majlis Bangunan Hijau Malaysia (MGBC), Persatuan Syarikat Perkhidmatan Tenaga Malaysia (MAESCO), Tenaga Nasional Berhad (TNB)
Jabatan DBKL	JKME, JKB, JKAWS, JPLR, JPPH, JPPPB

GARIS PANDUAN/RUJUKAN

Pemeteran Tenaga Bersih
(Net Energy Metering atau NEM)

LOKASI BERPOTENSI


Beberapa lokasi berpotensi dikenal pasti dan dibahagikan ke dalam:

Jangka Pendek

- Pemasangan pada bangunan kediaman dan bangunan komersial (Wangsa Walk dan Aeon Big, Aeon Wangsa Maju, Pasaraya Besar Giant, Puspakom, Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan) (rujuk Rajah 3.3 dan Rajah 3.4) melalui NEM Rakyat, GoMEN dan NOVA.
- Kawasan letak kereta terbuka di sekeliling Pusat Beli-belah Wangsa Walk boleh dipasang dengan solar PV yang menyediakan teduhan untuk kereta.
- Stesen LRT Wangsa Maju

Jangka Sederhana

- Pemasangan PV atas bumbung pada tempat berteduh perhentian bas untuk paparan maklumat masa nyata, lokasi pengecasan USB, dan pencahayaan waktu malam dengan sokongan sistem bateri. Teknologi bateri akan matang dan kos pemasangan dijangka berkurangan dengan ketara dalam 5-10 tahun akan datang.
- Laluan pejalan kaki tertutup (Stesen LRT Wangsa Maju dan Stesen LRT Taman Sri Rampai)



PELAN TINDAKAN PUSAT PERTUMBUHAN NEUTRAL KARBON WANGSA MAJU 2050

RAJAH 3.3

Kawasan Berpotensi Bagi Solar PV Atas Bumbung


- | | | |
|-----------|---------------------------|---------------------------|
| Perumahan | Infrastruktur dan Utiliti | Sempadan PPNK Wangsa Maju |
| Komersial | Kawasan Hijau | |
| Kemudahan | Tasik/Sungai | |
| Industri | Tanah Kosong | |
| Institusi | Pengangkutan | |





RAJAH 3.4

Pandangan Udara Kawasan Berpotensi Bagi Solar PV Atas Bumbung

-  Solar PV
-  Lokasi Berpotensi
-  Sempadan PPNK Wangsa Maju



(b) Solar untuk Sistem Semburan Kabus (*Mist Walk*) di Laluan Pejalan Kaki

Sistem semburan kabus telah digunakan secara meluas untuk memberi penyejukan dan sesuai untuk dilaksanakan pada laluan pejalan kaki. Memandangkan air hanya diperlukan oleh sistem kabut hanya semasa siang hari, lazimnya dari 9:00 pagi sehingga 5:00 petang, penyepaduan sistem solar PV akan berupaya menyediakan tenaga hijau dan boleh diperbaharu dengan kebergantungan minimum pada grid tenaga. Tapak yang dicadangkan iaitu dari LRT Wangsa Maju dan di sepanjang Jalan 3/27A berukuran 1km panjang. Sistem semburan kabus boleh dipasang di sepanjang tapak ini untuk memberikan penyejukan kepada pejalan kaki, di mana solar PV boleh dipasang pada bumbung atau berselang-seli di sepanjang laluan, seperti yang ditunjukkan pada *Rajah 3.5*.

Berdasarkan spesifikasi tersebut, jumlah tenaga yang diperlukan untuk mengendalikan sistem selama 8 jam sehari ialah 27.4976 kWh. Solar PV boleh membekalkan tenaga ini untuk sistem tersebut. Bagaimanapun, untuk menyediakan 100% bekalan tenaga solar sepanjang hari, sistem bateri diperlukan supaya tidak membebankan sistem solar PV tersebut. Secara alternatif, gabungan tenaga daripada solar dan grid tenaga boleh juga digunakan. Berdasarkan solar PV dengan penyinaran solar purata sebanyak 3.5 kWh/kWp (Solargis, 2022), kapasiti solar PV sebanyak 7.86 kWp diperlukan untuk menampung sistem tersebut selama sehari. Memandangkan solar PV diselangselikan di sepanjang laluan pejalan kaki, panel solar PV 300kWp diperlukan bagi setiap 30-40m yang disepadukan dengan bateri. Sebaliknya, berdasarkan sinaran solar puncak sebanyak 1 kWh/kWp, solar PV berkapasiti 3.44 kWp boleh dipasangkan. Solar PV boleh dipasang pada jarak 80-90m, Butiran status pelaksanaan projek yang melibatkan rakan strategik untuk laluan pejalan kaki dengan sistem semburan kabus dijelaskan pada *Jadual 3.3*

Jadual 3.3: Rakan Strategik Bagi Sistem Semburan Kabus (*Mist Walk*) di Laluan Pejalan Kaki

Rakan Strategik	
Pendekatan Pelaksanaan	Pemasangan secara terus
Anggaran Kos	<ul style="list-style-type: none"> ▲ RM 3000-4000/ kWp sistem solar PV, ▲ RM 6000-8000 untuk dilengkapi dengan bateri
Garis Masa	2026-2030, >2030
Pelaksana	DBKL
Agensi	Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), Suruhanjaya Tenaga (ST), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Pusat Perubahan Iklim dan Teknologi Hijau Malaysia (MGTC), Majlis Bangunan Hijau Malaysia (MGBC), Persatuan Syarikat Perkhidmatan Tenaga Malaysia (MAESCO), Tenaga Nasional Berhad (TNB)
Pihak Berkepentingan	DBKL
Jabatan DBKL	JPPPB, JKB, JKAWS, JKME, JPPH, JPLR

SPESIFIKASI PROJEK

- (a) Penggunaan Tenaga:** 0.454 kWj/m³ (Narumi et al.)
- (b) Jarak Nozel:** 0.5m
- (c) Bil. Nozel untuk jarak 1km:** 2000 Nozel
- (d) Air untuk setiap nozel setiap jam:** 0.003785 m³

AMALAN TERBAIK

1. Laluan Berkabus (*Mist Walk*) di Marina Bay, Singapura

Di Singapura, sistem semburan kabus (*Mist Walk*) menggunakan air dari takungan untuk memberikan penyejukan penyejukan kepada pejalan kaki pada waktu siang dan memberikan pencahayaan yang menarik pada waktu malam.



Sumber: linealight.com



Sumber: linealight.com



RAJAH 3.5

Laluan Pejalan Kaki dari LRT Wangsa Maju dan di Sepanjang Jalan 3/27A

Laluan Pejalan kaki

Lokasi Berpotensi

Perhentian Bas



2 Solar PV Terapung


Sistem solar terapung ialah sistem yang inovatif, boleh dipercayai dan salah satu penyelesaian yang sesuai untuk PPNK Wangsa Maju di mana sumber tanah dan ruang fizikal adalah terhad. Dengan gabungan bersama solar PV, sistem solar terapung yang dicadangan akan berpotensi untuk menyumbang kepada penggunaan lebih signifikan tenaga boleh diperbaharui di PPNK Wangsa Maju.

Panel solar terapung yang dikenali juga sebagai fotovolta terapung (FPV), ialah apa-apa jenis panel solar yang terapung di permukaan air. Panel solar perlu dipasang kepada struktur yang akan mengekalkan kedudukan di atas permukaan air. Sekiranya anda pernah melihat pemasangan panel solar terapung, kebanyakannya ia terletak dalam sebuah tasik atau kawasan tadahan kerana airnya secara am lebih tenang daripada lautan.

Sudah menjadi kebiasaan juga pemasangan panel solar terapung akan diletakkan di kawasan air buatan manusia, seperti kawasan tadahan di Jepun dan Kerala. Selain kelebihan am solar PV, kelebihan memasang sistem solar terapung termasuk juga:

- Peningkatan kecekapan dan penghasilan tenaga elektrik yang lebih tinggi bagi panel solar, memandangkan air mempunyai kesan penyejukan semula jadi ke atas panel solar
- Memulihara tanah yang berharga
- Kurang penyejatan air, pemasangan panel solar terapung menyediakan penejukan kepada permukaan air dan mengurangkan penyejatan
- Pengurangan pertumbuhan alga dan meningkatkan kualiti air

Rajah 3.6 menunjukkan rajah konsep solar terapung. Sistem tenaga solar (PV) mengandungi komponen yang berikut: (i) sistem terapung (sama ada sebuah pontun atau pengapung berasingan), (ii) sistem tambatan, (iii) panel solar dan (iv) kabel.



Rajah 3.6: Struktur Konsep Solar Terapung

Sumber: www.azom.com

AMALAN TERBAIK

1. Dengkil, Selangor, Malaysia

- ▲ **Kapasiti yang di pasang:** 13 MWp
- ▲ **Kawasan:** 53 hektar permukaan tasik
- ▲ **Rakan Strategik:** Solarvest, WD Solar Sdn Bhd
- ▲ **Komponen projek:** Sistem terapung dengan sebuah pontun atau pengapung berasingan, sistem tambatan untuk menambat kelengkapan tersebut, komponen elektrik seperti kabel, bateri dan penyongsang untuk sambungan tenaga elektrik

2. Loji Rawatan Air Sg Labu, Sepang, Selangor, Malaysia

- ▲ **Kapasiti yang dipasang:** 100 kWp
- ▲ **Rakan Strategik:** Tenaga National Bhd (TNB), Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik Malaysia
- ▲ **Luas:** 1000 m²
- ▲ **Komponen projek:** Sistem terapung dengan sebuah pontun atau pengapung berasingan, sistem tambatan untuk menambat kelengkapan tersebut, komponen elektrik seperti kabel, bateri dan penyongsang untuk sambungan tenaga elektrik

Pada masa ini, tidak ada peraturan untuk pemasangan solar terapung di Malaysia. Bagaimanapun, teknologi tersebut semakin menarik minat dan beberapa contoh telah dibuat di Malaysia. Butiran tentang status pelaksanaan projek yang melibatkan anggaran keluasan, potensi tenaga solar dan rakan strategik bagi Solar PV Terapung dijelaskan pada *Jadual 3.4* dan *Jadual 3.5*. Melihat kepada kepentingan semasa, teknologi ini akan berdaya maju dalam senario berjangka panjang. Tiga (3) lokasi berpotensi dikenal pasti seperti berikut:

- Taman Tasik Danau Kota

Solar PV Terapung meliputi tidak lebih daripada 50% tasik yang berpotensi menjana lebih kurang 3 Mwp untuk pembekalan kepada lot kedai komersial di sekitar tasik tersebut. Dengan permintaan yang berpotensi untuk lebih tinggi daripada kapasiti solar PV anggaran (rujuk *Jadual 3.4*, *Rajah 3.7* dan *Rajah 3.8*).

- Tasik Titiwangsa

Penggunaan bahagian yang lebih kecil dan kurang digunakan di Tasik Titiwangsa dan penjanaan tersebut boleh dibekalkan kepada bangunan milik DBKL yang berhampiran. Ini mempunyai potensi penjanaan sebanyak 1Mwp tenaga boleh diperbaharu (rujuk *Jadual 3.4*, *Rajah 3.7* dan *Rajah 3.8*).

- Kolam Air Leleh, Setapak

Penggunaan bahagian yang lebih kecil dan kurang digunakan di Kolam Air Leleh, Setapak, berpotensi menjana 1Mwp tenaga boleh diperbaharu (rujuk *Jadual 3.4*, *Rajah 3.7* dan *Rajah 3.8*).

Jadual 3.4: Anggaran Kawasan dan Potensi Tenaga Solar Bagi Kawasan Berpotensi yang Dicadangkan

Lokasi	Anggaran Potensi	Anggaran Luas (m ²)	Nota
Taman Tasik Danau Kota	3 MWP	180 m x 80 m= 14,400	Kawasan liputan = tidak lebih daripada 50% tasik Kecekapan = 20.8 % Output = 4.85 m ² /kWp Model = Q.Peak Duo ML-GP
Tasik Titiwangsa	1 MWp	60 m x 80 m= 4,800	
Kolam Air Leleh, Setapak	1 MWp	60 m x 80 m= 4,800	

Sumber: Anggaran oleh UTM-LCARC berdasarkan Google Maps

Jadual 3.5: Rakan Strategik untuk Solar PV Terapung


Rakan Strategik	
Pendekatan Pelaksanaan	Pemasangan secara terus, EPC, pajakan
Anggaran Kos	RM 3000-4000/ kWp sistem solar PV
Garis Masa	2026-2030, >2030
Pelaksana	Pemilik bangunan, Agensi Kerajaan (NEM, GoMEn)
Agensi	Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), Suruhanjaya Tenaga (ST), Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI), Pusat Perubahan Iklim dan Teknologi Hijau Malaysia (MGTC), Majlis Bangunan Hijau Malaysia (MGBC), Persatuan Syarikat Perkhidmatan Tenaga Malaysia (MAESCO), Tenaga Nasional Berhad (TNB)
Pihak Berkepentingan	Pemilik bangunan, agensi kerajaan, DBKL
Jabatan DBKL	JPPPB, JKB, JKAWS, JPLR, JPPH, JKME

KOMPONEN PROJEK

- (a) Sistem terapung dengan pontun atau pengapung berasingan
- (b) Sistem tambatan untuk mengikat kelengkapan
- (c) Panel solar
- (d) Komponen elektrik seperti kabel, bateri dan penyongsang untuk sambungan elektrik

ASAS PERKIRAAN

- (a) Pengurangan Karbon: 0.741 kg CO₂/ kWj tenaga elektrik solar yang digunakan
- (b) Penjimatan berpotensi 36.5 sen/ kWj tenaga elektrik solar yang digunakan (tarif C1)



PELAN TINDAKAN PUSAT PERTUMBUHAN NEUTRAL KARBON WANGSA MAJU 2050

RAJAH 3.7

Kawasan Berpotensi Bagi Solar Terapung

- | | | |
|---|---|---|
|  Perumahan |  Infrastruktur dan Utiliti |  Sempadan PPNK Wangsa Maju |
|  Komersial |  Kawasan Hijau | |
|  Kemudahan |  Tasik/Sungai | |
|  Industri |  Tanah Kosong | |
|  Institusi |  Pengangkutan | |





RAJAH 3.8

Pandangan Udara Kawasan Berpotensi Bagi Solar PV Terapung

-  Solar PV Terapung
-  Lokasi Berpotensi
-  Sempadan PPNK Wangsa Maju




3 Sistem Penyejukan Daerah

Konsep Sistem Penyejukan Daerah (DCS) bermula dengan menyejukan air di loji berpusat. Terdapat dua (2) kategori DCS iaitu DCS bawah tanah (*rujuk Rajah 3.9*) dan DCS atas tanah (*rujuk Rajah 3.10*). Air yang disejukan kemudiannya dipam melalui rangkaian paip yang panjang secara bawah tanah ke penukar haba di bangunan yang berlainan. Penukar haba digunakan untuk memindahkan tenaga penyejukan daripada air (lazimnya dikenali sebagai Lingkaran Utama) ke lingkaran air disejukan bangunan dalaman pelanggan (lazimnya dikenali sebagai Lingkaran Sekunder). Air sejuk kemudiannya diuraikan di dalam bangunan melalui unit Gegalung Kipas yang biasa dan unit Pengendalian Udara. Air suam kembali kepada penukar haba untuk proses pendinginan lingkaran tertutup yang berterusan sekali lagi.


Manfaat utama yang disediakan oleh DCS ialah:

- Sistem Pelbagai-Tenaga, menggunakan beberapa sumber tenaga (termasuk tenaga daripada sisa) dan dengan itu mengoptimalkan ketersediaan sumber dan mengurangkan kos operasi dan alam sekitar.
- Mengoptimalkan perbelanjaan modal, hasil daripada perbezaan dalam skala operasi dan dalam permintaan beban.
- Mengoptimalkan perbelanjaan operasi menerusi peningkatan kecekapan sistem.

- Pengurusan sistem, operasi, dan penyenggaraan berpusat oleh profesional yang berkeupayaan dan cekap, yang mengoptimalkan kos kitaran hayat.
- Kecekapan sistem tinggi, dengan penggunaan rendah tenaga utama dan mengurangkan pencemaran
- DCS membantu alam sekitar dengan meningkatkan kecekapan tenaga dan mengurangkan pencemaran alam sekitar termasuk pencemaran udara, GHG dan bahan penyejuk yang merosakkan ozon. DCS boleh mengurangkan pelepasan CO₂ tahunan sebanyak lebih kurang 1 tan permintaan bahan penyejuk pendinginan daerah yang dibekalkan.
- DCS secara pentingnya memberi manfaatnya melalui ekonomi skala. Penyejuk lebih besar dan lebih cekap boleh dipasang di tempat di mana penyejuk yang lebih kecil dan kurang cekap berada di merata tempat yang diperlukan dalam sistem konvensional.
- Sistem kecekapan yang lebih tinggi dapat dilihat secara langsung dalam penjimatan modal dan kos pengendalian. Penjimatan yang serupa boleh dicapai untuk kelengkapan loji lain seperti menara dan pam pendinginan. DCS menawarkan kefleksibelan operasi, memandangkan setiap bangunan boleh menggunakan seberapa banyak atau sedikit pendinginan seperti yang diperlukan, tanpa bimbang tentang alat penyejuk.



Rajah 3.9: Konsep Sistem Penyejukan Daerah Bawah Tanah



Rajah 3.10: Konsep Sistem Penyejukan Daerah Atas Tanah

Sumber: EMSD Energy Land

KOMPONEN PROJEK

DCS yang tipikal terdiri daripada komponen berikut:

- (a) Loji Penyejuk Pusat (untuk mengeluarkan air sejuk bagi tujuan pendinginan)
- (b) Rangkaian Penyaluran (untuk menyalurkan air sejuk ke bangunan)
- (c) Pencawang Pengguna (antara muka dengan sirkit penghawa dingin bangunan)

AMALAN TERBAIK


1. Kawasan Atas Bumbung The Curve, Mutiara Damansara, Selangor

DCS mengeluarkan air sejuk untuk memenuhi permintaan pendinginan kepada pelanggan berdekatan untuk tujuan pendinginan ruang. Loji Sistem Penyejukan Daerah mengandungi tiga lingkaran tertutup yang digerakkan oleh jenis cecair yang berlainan iaitu air pendinginan, air sejuk, dan glycol. Sistem tersebut termasuk juga tangki simpanan ais yang mengandungi campuran air sejuk dan ais pepejal.



Sistem bawah tanah, seperti yang ditunjukkan pada *Rajah 3.11* juga merupakan pilihan yang berpotensi. Kelebihan sistem bawah tanah adalah sistem ini tidak akan menyebabkan isu estetik. Sistem ini juga memerlukan kawasan tanah yang kurang berbanding

sistem atas tanah, yang mana merupakan strategi yang baik untuk lokasi padat seperti Kuala Lumpur. Bagaimanapun, cabaran utama ialah sistem bawah tanah sukar untuk diubah suai dan mahal.



Rajah 3.11: Rajah Ilustrasi DCS Bawah Tanah

LOKASI BERPOTENSI

1. Jabatan Pengangkutan Jalan dan Bazaria Genting (rujuk Rajah 3.12 dan Rajah 3.13).
 - Pusat beli-belah dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) boleh menjadi lokasi baik untuk DCS.
 - Terdapat ruang mencukupi untuk membina loji DCS yang baharu
2. Stesen LRT Wangsa Maju termasuk perkarangannya dalam jarak berjalan kaki sejauh 400m sebagai projek perintis.
 - Untuk disepadukan dengan Perancangan Kawasan Stesen (SAP) dalam bahagian 3.2.2 (halaman 81)
 - Lokasi yang dipilih untuk projek kerana ketersampaian dan pengangkutan aktif
3. Wangsa Walk dan AEON Big
 - Dalam Wangsa Walk dan AEON Big, lot kedai yang mempunyai beberapa pemilik adalah tidak sesuai, kecuali perubahan signifikan dilakukan



Melihat kepada kepentingan semasa, teknologi ini akan menjadi berdaya maju dalam senario jangka panjang. Butiran status pelaksanaan projek yang melibatkan rakan strategik untuk DCS diterangkan pada *Jadual 3.6*.

Jadual 3.6: Rakan Strategik bagi Sistem Penyejukan Daerah (*District Cooling System* atau *DCS*)


Rakan Strategik	
Pendekatan Pelaksanaan	Syarikat Swasta; DCS boleh menggantikan mana-mana penyejuk sedia ada yang memerlukan penggantian
Anggaran Kos	Tidak Berkenaan
Garis Masa	>2030
Pelaksana	Syarikat swasta, pemilik bangunan
Agensi	Suruhanjaya Tenaga (ST), Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), Petronas Sdn Bhd (Bahagian Pendinginan Daerah), Daikin Malaysia Sales Sdn Bhd
Pihak Berkepentingan	Pemilik bangunan, agensi kerajaan, DBKL
Jabatan DBKL	JPPP, JKB, JKAW, JPLR, JPPH

SASARAN/KEBERHASILAN

Dijangkakan DCS boleh menyumbang kepada pengurangan Karbon sebanyak 30% daripada penyejuk konvensional.

GARIS PANDUAN/RUJUKAN

MS 1525 untuk prestasi penyejuk



RAJAH 3.12

Kawasan Berpotensi Bagi Sistem Penyejukan Daerah

- | | | |
|---------------------------|---------------|---------------------------|
| Perumahan | Kawasan Hijau | Sempadan PPNK Wangsa Maju |
| Komersial | Tasik/Sungai | |
| Kemudahan | Tanah Kosong | |
| Industri | Pengangkutan | |
| Institusi | | |
| Infrastruktur dan Utiliti | | |









PELAN TINDAKAN PUSAT PERTUMBUHAN NEUTRAL KARBON WANGSA MAJU 2050

RAJAH 3.13

Pandangan Udara Kawasan Berpotensi Bagi Sistem Penyejukan Daerah

-  Tapak Sistem Penyejukan Daerah
-  Lokasi Berpotensi:
-  Sempadan PPNK Wangsa Maju





Tiga (3) Cadangan Inisiatif Bagi Sektor Sisa

-  Anaerobic Digester
-  Pengkomposan Sisa
-  Titik Kitar Semula Sisa
-  Lokasi Berpotensi
-  Sempadan PPNK Wangsa Maju



3.2.2 Sisa

Sisa adalah bahan buangan di akhir kitaran hayat sesuatu produk. Penjanaan sisa memerlukan rawatan, yang menggunakan sumber dan tenaga. Tapak pelupusan sampah juga merupakan pemancar metana yang ketara dan, apabila dibakar, sisa menyebabkan pelepasan karbon. Pelupusan sisa memberikan beban yang berat pada infrastruktur bandar dan memerlukan penggunaan tenaga untuk membina serta mengendalikan infrastruktur pelupusan sisa. Sisa juga boleh menggandakan impak negatif terhadap iklim tempatan, sebagai contoh, dengan keadaan saluran perparitan yang tersumbat atau tersekat menyebabkan berlakunya banjir. Oleh itu, pengurusan sisa yang mampan dan holistik adalah dimensi utama dalam kemajuan ke arah neutral karbon.

Malaysia menghasilkan hampir 1.14 juta tan (Mt) sisa domestik setiap bulan, Kerajaan mensasarkan untuk mencapai kadar kitar semula sebanyak 40% menjelang 2025 di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Malaysia mempunyai 161 tapak pelupusan sisa, di mana 14 daripadanya adalah sanitari (SWCorp, 2021). Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Tagar direka bentuk dengan kapasiti ruang udara 120 Mt dan 150,000 tan isipadu agregat, berfungsi untuk pengurusan sisa pepejal di wilayah tengah Selangor dan Kuala Lumpur. Beberapa taman WtE berpusat yang besar telah beroperasi. Sebagai contoh, Taman Eko Ladang Tanah Merah di Negeri Sembilan boleh menampung sehingga 600 tan sehari sisa pepejal, *Anaerobic Digester* dengan kapasiti pemprosesan sebanyak 5 tan sehari dan tapak pelupusan sanitari dengan kapasiti pemprosesan sebanyak 80 tan sehari. Stesen Pemindahan Taman Beringin dilengkapi juga dengan kapasiti pengendalian sebanyak 2,100 tan sehari dengan loji WtE dengan kapasiti pemprosesan sebanyak 1,000tan sehari.


INISIATIF YANG DICADANGKAN

1. Memperkenalkan *Anaerobic Digester*
2. Membangunkan Loji Pengkomposan Sisa
3. Menyediakan Titik Kitar Semula Sisa

Buat masa ini, sisa pepejal di KL diuruskan oleh SW Corporation Sdn Bhd. Sisa pepejal yang dikumpul akan dihantar ke Stesen Pemindahan Taman Beringin sebelum dilupuskan di Tapak Pelupusan Sampah Sanitari Bukit Tagar, Selangor. Berdasarkan Laporan Pelan Tindakan KL 2040 (DBKL 2020), sisa pepejal

masih tinggi di KL (1,800 tan sehari), termasuk Wangsa Maju, dan tidak ada kemudahan rawatan setempat di Wangsa Maju. Walaupun sistem berpusat disediakan, lebih banyak sistem terpecar dan setempat hendaklah disediakan untuk menyokong persekitaran dan suasana kehidupan yang bersih dengan mengurangkan jumlah sisa dipunca. Sistem terpecar melibatkan juga komuniti dalam mengasingkan sisa di lokasi sumber dan mempunyai pelbagai kemudahan sisa setempat yang lebih kecil. Pengasingan sisa di lokasi sumber (memendekkan jarak pengangkutan sisa ke tapak pelupusan) dianggap sebagai salah satu komponen paling kritikal untuk pengurusan sisa mampan. Di Malaysia, Inisiatif Pemisahan Pada Sumber (PPS) di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) digubal pada September 2015 oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) bagi beberapa wilayah, termasuk Kuala Lumpur, Putrajaya, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah dan Perlis. Sisa dipisahkan ke dalam sisa bahan buangan (bahan makanan, bahan basah dan bahan kotor) dan item boleh kitar semula (plastik, kertas dan lain-lain).

Komposisi Sisa Pepejal di Malaysia



Kandungan sisa pepejal Malaysia terdiri daripada 45% sisa makanan, 24% sisa plastik, 7% kertas, 6% besi dan kaca (JSPN), (2013). Bagi senario sisa pada 2030 dan pelan pengurusan sisa pendek-sederhana, penduduk Wangsa Maju (WM) dianggarkan menjadi 0.4 J (dianggap sebagai 20% daripada penduduk KL yang berjumlah 1.98 J). Kadar penghasilan sisa dianggarkan pada 1.62 kg setiap populasi sehari (UNESCAP,2020). Bagi senario sisa pada 2050 dan pelan pengurusan sisa jangka panjang, penduduk WM dianggarkan menjadi 0.5 J (dianggap sebagai 20% penduduk KL yang berjumlah 2.46 J). Kadar penghasilan sisa diunjurkan akan meningkat kepada 2 kg setiap populasi sehari, berdasarkan kadar penghasilan semasa di Malaysia dan negara maju seperti AS. Di bawah senario ini, jumlah sisa yang dihasilkan oleh WM sahaja akan menjadi 1,000 tan sehari, yang hampir kepada kapasiti pengendali Stesen Pemindahan Sisa Taman Beringin (1,800 tan sehari). Inisiatif pengurusan sisa mampan hendaklah dirancang untuk mengurangkan, mengguna semula dan mengitar semula jumlah sisa. Tiga inisiatif dicadangkan, iaitu *Anaerobic Digester* dan pengkomposan bahagian organik dan kemudahan kitar semula untuk bahan yang boleh dikitar semula.

Teknologi ini dicadangkan berdasarkan daya laksana dan kajian kes yang berjaya diamalkan pada masa kini dalam pelbagai skala. Teknologi lain boleh dipertimbangkan tertakluk kepada perubahan kandungan sisa dan daya maju teknologi. Bagi jumlah sisa organik yang dihasilkan (450 tan sehari), dianggapkan bahawa 50% (225 tan sehari) akan dikendalikan melalui loji rawatan yang besar dan berpusat oleh kerajaan persekutuan (sebagai contoh Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Tagar), 10% (25 tan sehari) di peringkat tempatan oleh pihak perbandaran tempatan, dan 40% (200 tan sehari) melalui pengagihan kuasa dengan menyewakan kepada pelabur dan industri melalui Kerjasama Awam Swasta (PPP) dan Bina, Kendalikan & Pemindahan (*built-operation-transfer* atau *BOT*). Sasaran yang dicadangkan di bawah pelan pendek-sederhana dan jangka panjang didasarkan pada jumlah sisa yang dialihkan dari tapak pelupusan dan pelepasan GHG (bersamaan dengan CO₂) yang dielakkan dari pencemaran pada tapak pelupusan. Faktor pelepasan (EF) yang digunakan ialah 0.63 t CO₂-eq setiap tan sisa organik (Lim et al., 2019), yang diambil daripada model IPCC, dengan potensi pemanasan global sebanyak CH₄ dari 21 dalam tempoh masa 100 tahun.

1 Anaerobic Digester atau AD

Anaerobic Digester (AD) adalah proses biologi di mana mikrob menguraikan jirim organik tanpa oksigen. Dua bahan utama ialah metana (CH₄) yang mengandungi biogas dan pencerna kaya nutrien. Biogas tersebut boleh digunakan sebagai gas memasak atau menjanakan tenaga melalui sistem dandang dan loji haba dan tenaga digabungkan (*combined heat and power* atau *CHP*). *Anaerobic Digester* menjadi alternatif yang lebih hijau untuk tapak pelupusan dalam mengendalikan sisa organik. Ia mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan limpahan bahan larut lesap berasid sambil menjana biotenaga boleh diperbaharu dan pencerna sebagai perapi tanah dan baja biologi.

Sisa organik diasingkan sumber melalui pengumpulan berasingan boleh menjadi cara yang berkesan untuk memastikan kualiti proses, seperti meminimumkan bahan cemar dan bahan tidak dikehendaki dalam pencerna yang dihasilkan yang akan digunakan untuk penggunaan tanah atau baja. Amalan seperti ini menawarkan juga peluang untuk kitar semula sumber dan bahan. Tapak AD lazimnya mengandungi kawasan penerimaan sisa untuk urusan merekod

kuantiti. Kawasan penstoran diperlukan jika sisa yang dikumpulkan melebihi kapasiti pemprosesan pencerna. Secara mudah, sisa makanan terbiodegradasikan tidak boleh disimpan lama dan oleh itu boleh dialihkan kepada pengkomposan (*rujuk Rajah 3.14*).



Rajah 3.14: Gambaran Keseluruhan Yang Ringkas Untuk Model Rantaian Pembekalan AD

Berikut diperkenalkan dua amalan terbaik untuk pelaksanaan AD, Model 1 untuk skala kecil (jangka pendek-sederhana) dan Model 2 untuk skala besar (jangka panjang).

AMALAN TERBAIK

1. Model 1: Kampung Permas Besar, Johor

Penyedia teknologi: I-TECH Farming Solution (ITFS)

Objektif: Projek bermatlamat untuk mengalih sisa organik dari tapak pelupusan sambil menghasilkan biogas sebagai gas memasak.

Kapasiti pemprosesan: 8 kg sisa makanan

Kapasiti pengeluaran: Gas memasak sehingga 8 jam penggunaan

2. Model 2: The South Shropshire Biodigester, Ludlow, UK

Penyedia teknologi: Biogen Greenfinch,

Perkongsian: Projek tersebut telah dibiayai oleh Jabatan Makanan dan Hal Ehwal Luar Bandar (Department of Food and Rural Affairs atau Defra), Advantage West Midlands untuk mengendali sisa dapur isi rumah diasingkan di lokasi sumber.

Objektif: Projek bermatlamat untuk mengalih sisa organik dari tapak pelupusan sambil menghasilkan tenaga boleh diperbaharu dan baja biologi.

Kapasiti pemprosesan: 5,000 tan setahun

Kapasiti pengeluaran: 0.12 MW (1,500 MWh tenaga elektrik setahun). 90% tenaga elektrik yang dihasilkan dihantar ke grid dan bakinya untuk penggunaan di tapak.

Reka bentuk loji: Loji mempunyai dua *Anaerobic Digester* dengan saiz 900 m³ setiap satu, dan tangki penstoran gas sebanyak 150 m³.

Bagi jangka pendek-sederhana (2021-2030), unit AD berskala kecil (Model 1) boleh ditempatkan di kawasan komuniti tempatan, seperti pasar basah komuniti. AD berskala kecil boleh mengambil sehingga 50kg sisa makanan. Sistem ini boleh memupuk perubahan tingkah laku dalam pengasingan sisa makan di sumber untuk prestasi sistem baik. Dua inisiatif boleh dicadangkan apabila amalan semakin matang selepas tempoh lebih lama (2021 -2030). Pertama sekali, unit berskala kecil boleh dihantar kepada kumpulan yang lebih besar di sekitar Wangsa Maju. Penglibatan pihak berkepentingan yang berpotensi untuk memasang unit sedemikian di premis mereka boleh dilakukan pada peringkat awal selepas berjaya memasang unit AD yang pertama.

Selain itu, loji AD berskala besar boleh dipertimbangkan dengan penerimaan awam lebih tinggi, amalan pengasingan sisa, rawatan dan penggunaan pasca pencernaan, grid kebangsaan dan sambungan paip gas. Potensi biogas daripada sisa makanan adalah 0.2-0.3 m³/ kg sisa makanan. Dengan 50 - 60% metana (CH₄) dalam kandungan biogas, 1m³ biogas mengandungi 6 kWj tenaga kalori. Ini akan menjana 2 kWj tenaga elektrik boleh digunakan, dan selainnya akan bertukar menjadi haba (Biogas World, 2021). Dengan kapasiti pemprosesan sehingga 5 tan sehari sisa makanan, potensi tenaga boleh diperbaharu (RE) dianggarkan untuk menjadi 550-700 Mwj setahun. Berdasarkan satu laporan dari AS, AD 100 tan sisa makanan sehari boleh menjana tenaga yang mencukupi untuk membekal sehingga 1,400 rumah setiap tahun (EESI, 2021).

PELAN JANGKA PENDEK-
SEDERHANA (MENJELANG 2030)

- Mewujudkan loji AD berskala kecil (0.05 tan sehari) sebagai projek perintis (Model 1)
- Libat urus komuniti mengenai pengasingan sisa dan penggunaan AD
- Mereplikasi loji AD berskala kecil kepada lebih banyak lokasi dengan sasaran mencapai kapasiti pemprosesan sebanyak 1 tan sehari melalui PPP dan BOT.
- Asas Perkiraan untuk penghindaran karbon berpotensi: Pengeluaran sisa organik = 0.4J Penduduk x 1.62kg setiap orang setiap hari x 45% (sisa organik) x 50% (terpencar) = 150 tan sehari bersamaan 94.5 tan CO₂eq (20% penduduk KL sebanyak 1.98J menjelang 2030= 0.4J, EF= 0.63 tCO₂-eq setiap tan sisa organik)

AD akan menghasilkan sejumlah besar kuantiti sisa pencernaan (sisa berlumpur). Sehingga kini, Malaysia tidak mengawal selia sisa pencernaan bagi tujuan kegunaan tanah atau tujuan pertanian. Sisa pencernaan berkualiti tinggi untuk pembajaan ditentukan oleh kandungan nutrien, pH, jisim kering organik, bebas daripada ketaktulenan dan patogen. Pasca rawatan sisa pencernaan lazimnya melibatkan pemisahan pepejal-cecair. AD boleh disepadukan dengan pengkomposan untuk pasca rawatan pecahan pepejal.

Pecahan pepejal boleh digunakan untuk penggunaan tanah secara terus tetapi memerlukan garis panduan penggunaan yang lebih mendalam dan terperinci. Sebagai contoh, penghindaran/pengasingan sisa toksik di punca. Butiran status pelaksanaan projek yang melibatkan rakan strategik, peringkat pelaksanaan dan komponen projek untuk pengenalan AD diterangkan pada *Jadual 3.7* dan *Jadual 3.8*.

Jadual 3.7: Rakan Strategik Bagi *Anaerobic Digester*

Rakan Strategik	
Pendekatan Pelaksanaan	Kerjasama Awam Swasta (PPP) / Bina, Kendalikan & Pemindahan (BOT)
Anggaran Kos	RM 5-6 j untuk 5 tan sehari
Garis Masa	<ul style="list-style-type: none"> ▲ Jangka Pendek: 2021-2025 (unit berskala kecil) ▲ Jangka Panjang: >2026 (unit berskala besar)
Pelaksana	Perunding/Penyedia Teknologi
Agensi	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SW Corp), Alam Flora Sdn Bhd, Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK)
Pihak Berkepentingan	Agensi DBKL, agensi Kerajaan (JPSPN) SEDA, SWCorp dan sebagainya), Pengendali sisa/tenaga, Pelabur, Komuniti
Jabatan DBKL	JPRB (LA21 KL), JKAS, JPPPK, JPPP

LOKASI BERPOTENSI

Justifikasi pemilihan tapak:

Lokasi dipilih untuk projek tersebut kerana kebolehcapaian (berhampiran kawasan perumahan), pemilihan, dan kesesuaian (rujuk Rajah 3.15 dan Rajah 3.16).

Lokasi:

1. Taman Eko (2.67 ekar)
2. Pusat Penjaja Wangsa Maju

PELAN JANGKA PANJANG (MENJELANG 2050)

- Mewujudkan loji AD komuniti berskala besar dengan kapasiti 5 tan sehari (Model 2)
- Berbincang dengan pelabur dan industri untuk menguruskan baki sisa melalui pajakan, PPP, dan mekanisme BOT (Model 2)
- Asas Perkiraan untuk penghindaran karbon berpotensi: Pengeluaran sisa organik = 0.5 J Penduduk x 2 kg setiap orang setiap hari x 45 % (sisa organik) x 50 % (terpencar) = 225 tan sehari bersamaan 141.8 tan CO₂eq (20 % penduduk KL sebanyak 2.46 J menjelang 2050= 0.5 J, EF=0.63 tan CO₂-eq setiap tan sisa organik)

GARIS PANDUAN/RUJUKAN

1. RMK 12 (2021-2025)
 - Bab 6: Menambah baik Keseimbangan dan Keterangkuman Wilayah: Strategi B3: Mengutamakan Pengurusan Bandar Berdaya Tahan dan Hijau: Memperkukuh Pengurusan Sisa (hlm, 6-20)
 - Bab 8: Memajukan Pertumbuhan Hijau untuk Kemampanan dan Ketahanan: Strategi A2: Mempercepat Peralihan kepada Ekonomi Kitaran: Mewujudkan Ekonomi Pemboleh Daya untuk Ekonomi Kitaran (hlmn. 8-15)
2. Akta 672 untuk Pengasingan Sisa Dipunca
3. Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 (SEDA)
4. Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 mengenai Pengurusan Sisa Mampan (Tindakan 8)
5. Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)
6. Garis panduan mengenai AT&PA Loji Tenaga Biogas untuk Projek FIT (SEDA)

PANDUAN PELAKSANAAN UNTUK AD

- Ketersediaan bahan mentah: Stok bahan mentah yang stabil dan mencukupi sebanyak 10kg/sehari
- Ketersediaan Permintaan: Biogas yang dihasilkan boleh digunakan sama ada untuk gas memasak atau penjaanaan tenaga elektrik.
- Penggunaan biogas: Penunu biogas yang direka bentuk secara khusus atau perkakas pengguna yang diubah suai.
- Langkah keselamatan: Pemeriksaan berkala dan penyenggaraan untuk meminimumkan risiko kebocoran dan peletupan.
- Pasca Rawatan: Tangki simpanan untuk pencernaan dan pengangkutan ke lokasi kemudahan lain (sebagai contoh pengkomposan)
- Undang-undang dan inventori: pendaftaran/pelesenan unit AD kecil dan inventori data oleh pihak berkuasa

Jadual 3.8: Komponen Projek Utama untuk Mewujudkan dan Melaksanakan Loji AD

No	Komponen Projek	Projek Komponen	Rakan Utama
1	Libat urus komuniti	<ul style="list-style-type: none"> ▲ Kempen hijau dan bengkel yang berterusan untuk mendapatkan penglibatan kumpulan yang lebih besar/ramai, sebagai contoh, pengasingan sisa, tenaga boleh diperbaharu, baja biologi dan tanaman/produk lain menggunakan baja biologi, contoh berskala kecil dan sebagainya. 	<p>Peneraju dan penyelaras: Pakar/perunding subjek, agensi DBKL</p> <p>Pihak berkepentingan: Masyarakat tempatan, Agensi Kerajaan (JPSPN, SEDA, SWCorp dan sebagainya) Pengendali sisa/tenaga, penyedia Teknologi/ perkhidmatan, Pelabur, NGO, sekolah dan universiti.</p>
2	Kajian kebolehlaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> ▲ Analisis ciri-ciri dan komponen sisa, kuantiti sisa. ▲ Pengenalpastian amalan terbaik, pemetaan pihak berkepentingan dan rangka kerja peraturan. ▲ Ketersediaan infrastruktur, sebagai contoh, kesalinghubungan atau saluran grid ke rangkaian gas negara. 	<p>Peneraju dan penyelaras: Pakar/perunding subjek, agensi DBKL</p> <p>Pihak berkepentingan: Masyarakat tempatan, Agensi Kerajaan (JPSPN), SEDA, SWCorp dan sebagainya) Pengendali sisa/tenaga, penyedia Teknologi/perkhidmatan, Pelabur, NGO, sekolah dan universiti</p>
3	Rakan strategik dari pelbagai pihak berkepentingan	<ul style="list-style-type: none"> ▲ Membina sepersetujuan mengenai perkongsian dan model perniagaan meliputi pengurusan rantai pembekalan, peluang pelaburan, penerimaan awam mengenai lokasi penempatan. ▲ Membolehkan inisiatif dasar dan pasaran, sebagai contoh, tarif galakan (feed-in-tariff), dan mekanisme beli semula produk, pelabelan dan pemasaran produk, skim pensijilan, kredit hijau. ▲ Garis panduan dan pemetaan amalan terbaik. 	<p>Peneraju dan penyelaras: Pakar/perunding subjek, agensi DBKL</p> <p>Pihak berkepentingan: Masyarakat tempatan, Agensi Kerajaan (JPSPN), SEDA, SWCorp dan sebagainya) Pengendali sisa/tenaga, penyedia Teknologi/perkhidmatan, Pelabur, NGO, sekolah dan universiti</p>
4	Reka bentuk loji AD	<ul style="list-style-type: none"> ▲ Kawasan penerimaan sisa dan pemeriksaan kualiti bahan mentah. ▲ Pencerna AD dan parameter operasi. ▲ Prosedur permohonan permit (jika perlu), sebagai contoh, pengisytiharan bahan mentah dan produk, pemeriksaan kesihatan dan keselamatan mengenai kebocoran gas. 	<p>Peneraju dan penyelaras: Penyedia Teknologi/ perkhidmatan, pakar/perunding subjek</p> <p>Pihak berkepentingan: Agensi DBKL, agensi Kerajaan (JPSPN, SEDA, SWCorp dan sebagainya), Pengendali sisa/tenaga, Pelabur.</p>
5	Pelaksanaan dan pemantauan	<ul style="list-style-type: none"> ▲ Memantau kualiti biogas, pencerna dan baja biologi hasil pencernaan ▲ Untuk mempunyai garis panduan yang jelas tentang bahan mentah yang boleh digunakan dan berdasarkan aplikasi terakhirnya (tanaman, tanah, landskap). ▲ Ketersediaan infrastruktur, sebagai contoh, kesalinghubungan atau saluran grid ke rangkaian gas negara. ▲ Pengumpulan data inventori mengenai sisa yang dikumpulkan dan dialihkan dari tapak pelupusan ke unit <i>Anaerobic Digester</i>. 	<p>Peneraju dan penyelaras: Penyedia Teknologi/ perkhidmatan, pakar/perunding subjek</p> <p>Pihak berkepentingan: Komuniti tempatan dan NGO, agensi DBKL, Perusahaan, Agensi Kerajaan (SEDA dan sebagainya).</p>




RAJAH 3.15

Kawasan Berpotensi Bagi Anaerobic Digester

- | | | |
|-----------|---------------------------|---------------------------|
| Perumahan | Infrastruktur dan Utiliti | Sempadan PPNK Wangsa Maju |
| Komersial | Kawasan Hijau | |
| Kemudahan | Tasik/Sungai | |
| Industri | Tanah Kosong | |
| Institusi | Pengangkutan | |





RAJAH 3.16

Pandangan Udara Kawasan Berpotensi Bagi Anaerobic Digester

-  Anaerobic Digester
-  Lokasi Berpotensi
-  Sempadan PPNK Wangsa Maju



2 Membangunkan Loji Pengkomposan Sisa

Pengkomposan ialah proses biologi di mana sisa organik, seperti sisa makanan dan sisa hijau dikomposkan menjadi bahan seperti humus yang digunakan sebagai perapi tanah atau baja biologi. Proses pengkomposan menawarkan alternatif lebih hijau berbanding tapak pelupusan dalam mengendalikan sisa organik seperti sisa makanan. Pengalihan sisa organik dari tapak pelupusan menyumbang kepada pengurangan GHG. Produk, kompos, boleh digunakan sebagai alternatif untuk baja dan pemulihan tanah, sekali gus meningkatkan pemuliharaan sumber dengan mengitar semula nutrien daripada sisa organik dan mengurangkan penggunaan baja. Proses pengkomposan berlaku dalam beberapa reka bentuk proses. Bab ini mengemukakan tiga model pengkomposan, iaitu pengkomposan dalam tong, pengkomposan tebas-susun (open windrow), dan pengkomposan pelarik (turner). Sisa organik yang diasingkan sumbernya melalui pengumpulan berasingan memainkan peranan penting dalam mengeluarkan kompos berkualiti tinggi sebagai pemulihan tanah dan baja biologi. Amalan seperti ini menawarkan juga peluang untuk kitar semula sumber dan bahan.

AMALAN TERBAIK

1. Model 1: Mini-RTC Layang-Layang, Johor, Malaysia

Penyedia teknologi: Universiti Teknologi Malaysia (UTM),

Perkongsian: Komuniti tempatan, Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Strategi Lautan Biru Nasional (NBOS), sekolah.

Objektif: Untuk mentransformasi secara biologi sisa makanan dan sisa hijau untuk menghasilkan kompos nilai tambah dan biocecair (leachate) melalui pengkomposan, yang mengurangkan sisa ke tapak pelupusan dan mempromosi pertanian mampan

Kapasiti pemprosesan: Sehingga 200kg sisa sehari

Kapasiti pengeluaran: Sehingga 80kg kompos sehari

Reka bentuk loji: Tapak tersebut mempunyai kawasan seluas 200 m², dengan kawasan penerimaan sisa, kawasan tong pengkomposan, pengumpulan biocecair dan kawasan penapaian, kawasan mematangkan kompos dan kawasan penstoran produk. Projek dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan, termasuk bangunan kesepakatan, pemindahan pengetahuan, bengkel dan persediaan tapak (pencarian lokasi, pembelian kelengkapan dan bahan, dan pembinaan di tapak) (rujuk Rajah 3.17).



Rajah 3.17: Loji Pengkomposan Skala Komuniti di RTC Mini Layang-Layang, Johor, Malaysia

AMALAN TERBAIK

2. Model 2: Pengkomposan sisa hijau oleh Dewan Bandaraya Madrid, Sepanyol

Objektif: Untuk menerima sisa hijau dan sisa landskap di sekitar bandar raya, dikomposkan kemudian digunakan sebagai pemulihan tanah untuk kerja landskap.

Kapasiti pemprosesan: 60,000m³ sisa setahun

Kapasiti pengeluaran: 9,000m³ kompos setahun

Reka bentuk loji: Tapak pengkomposan menempati kawasan seluas 15,000m², yang dibahagikan kepada kawasan penerimaan sisa, kawasan prarawatan sisa, pengkomposan, kawasan penstoran produk dan ruang pematangan. Proses pengkomposan boleh mengambil masa sehingga 4 bulan (rujuk Rajah 3.18)



Rajah 3.18: Carta Alir Pengkomposan Untuk Pengkomposan Tebas-Susun oleh Dewan Bandaraya Madrid, Sepanyol

AMALAN TERBAIK

3. Model 3:Loji Pengkomposan di Sandakan dan Kota Bahru


Penyedia teknologi: SS Microbial Sdn Bhd

Objektif: Untuk mengurangkan sisa memasuki tapak pelupusan dan untuk menghasilkan baja biologi.

Kapasiti pemprosesan: Sehingga 80,000 tan MSW/(120 tan sehari)

Kapasiti pengeluaran: 25,000 tan setahun

Reka bentuk loji: Loji mempunyai kawasan seluas 2500-3000m². Loji menggunakan proses dua peringkat, peringkat 1 untuk dalam tong dan peringkat 2 untuk pelarik tebas-susun. Syarikat menggunakan Teknologi Mikroorganisma PLG untuk mencapai kecekapan proses lebih tinggi, yang boleh disempurnakan dalam masa 14-15 hari dan sehingga 98% pengurangan sisa. Tapak pengkomposan mempunyai sebuah kawasan penerimaan dan jambatan timbang, pemecah/penghancur, sistem pengkomposan utama dan sekunder, sistem pencegah bau, sistem pembungkusan baja automatik, dan kelengkapan lain (rujuk Rajah 3.19).



Rajah 3.19: Carta Alir Pengkomposan Untuk Pengkomposan Pelarik oleh SS Microbial

Dalam jangka pendek, tong pengkomposan (50L) dicadangkan untuk penggarapan dan pelaksanaan. Sistem ini telah berjaya dilaksanakan di RTC Mini Layang-Layang dan SJK (C) Pulai, Johor. Satu lagi pengkomposan sistem terbuka dilakukan juga di Kampus UTM. Di RTC Layang-layang, satu tong biru (50L) boleh menampung sehingga 60kg sisa makanan, dilapiskan dengan jumlah yang sama daun kelapa sawit yang dicarik-carik dan disemburkan dengan mikob berkesan. Model ini boleh dijalankan dengan melibatkan vendor dalam pasar basah dan sukarelawan daripada komuniti. Projek ini dicadangkan untuk pelaksanaan berjangka pendek sehingga sederhana (2021-2030).

Sistem ini boleh dijalankan pada skala yang kecil (1-10 isi rumah) pada mulanya (sehingga 50kg sehari), kemudiannya ditingkatkan secara perlahan-lahan (> 10 isi rumah) (sehingga 100kg sehari). Unit berskala kecil (tong 50L) disyorkan untuk meminimumkan kebimbangan komuniti tentang bau dan untuk tujuan estetik. Sistem ini boleh memupuk perubahan tingkah laku dalam pengasingan sisa makanan di punca menggunakan tong kompos. Setelah amalan tersebut menjadi matang dalam tempoh yang lebih lama, pengkomposan berskala besar boleh dipertimbangkan dengan penerimaan awam yang lebih tinggi dan memudahkan pengumpulan tong kompos berskala besar. Butiran peringkat pelaksanaan dan komponen projek jangka pendek diterangkan pada *Jadual 3.9*.

Bagi pelaksanaan operasi jangka panjang, beberapa pilihan boleh dipertimbangkan. Salah satunya adalah peningkatan tong pengkomposan (Model 1) untuk melibatkan bilangan peserta yang lebih besar. Memandangkan terdapat kapasiti yang tinggi (sebagai contoh >50 tong), Aplikasi pintar boleh dibangunkan, di mana pemilik tong (sebagai contoh, pengendali pasar besar, keluarga, sekolah dan sebagainya) boleh melaporkan kepada syarikat kontrak atau agensi tempatan melalui Aplikasi untuk pengumpulan tong. Satu lagi pilihan ialah pengkomposan tebas-susun atau pengkomposan pelarik terbuka berskala besar, dengan kapasiti pemprosesan sehingga 5 tan sehari. Loji ini boleh menerima sisa daripada tong pengkomposan (untuk mengkompos dan mematang lebih lanjut) atau daripada pengumpul sisa (untuk pengkomposan).

PELAN JANGKA PENDEK-SEDERHANA (MENJELANG 2030)

- Mewujudkan loji AD berskala kecil (0.05 tan sehari) sebagai projek perintis (Model 1)
- Libat urus komuniti mengenai pengasingan sisa dan penggunaan AD
- Mereplikasi loji AD berskala kecil kepada lebih banyak lokasi dengan sasaran mencapai kapasiti pemprosesan sebanyak 1 tan sehari melalui PPP dan BOT.
- Asas Perkiraan untuk penghindaran karbon berpotensi: $\text{Pengeluaran sisa organik} = 0.4 \text{ Penduduk M} \times 1.62\text{kg} \text{ setiap orang setiap hari} \times 45\% \text{ (sisa organik)} \times 50\% \text{ (terpencar)} = 150 \text{ tan sehari bersamaan } 94.5 \text{ tan CO}_2\text{eq}$ (20% penduduk KL sebanyak 1.98] menjelang 2030 = 0.4 M , $\text{EF} = 0.63 \text{ t CO}_2\text{-eq}$ setiap tan sisa organik)

Jadual 3.9: Peringkat Pelaksanaan dan Komponen Projek Jangka Pendek Untuk Mewujudkan Pengkomposan Komuniti Berskala Kecil

No	Komponen Projek	Projek Komponen	Rakan Utama
1	Libat urus komuniti	<ul style="list-style-type: none"> ▲ Libat urus bersama komuniti tempatan, pihak berkuasa dan pihak berkepentingan untuk membina sepersetujuan, pengenalpastian konflik kepentingan dan kerjasama berpotensi <ul style="list-style-type: none"> ▲ Bengkel perkongsian pengetahuan mengenai pengasingan sisa makanan isi rumah dipunca dan pengetahuan pengkomposan ▲ Rakan logistik pengumpulan sisa makanan dan tanggungjawab ▲ Bengkel hijau aktif dan bengkel amali pengkomposan untuk menterjemahkan sains kepada topik mesra awam. ▲ Mewujudkan majlis pengkomposan/jawatankuasa pemacu 	<p>Peneraju dan penyelarar: Pakar/perunding subjek, agensi DBKL.</p> <p>Pihak berkepentingan: Komuniti tempatan, agensi Kerajaan (JPSPN, SWCorp dan sebagainya), Pengendali sisa, Penyedia teknologi/perkhidmatan, Pelabur, NGO, sekolah dan universiti.</p>
2	Kajian kebolehlaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> ▲ Analisis ciri-ciri dan komponen sisa, Kuantiti sisa ▲ Pengenalpastian amalan terbaik, pemetaan pihak berkepentingan dan rangka kerja peraturan 	
3	Pengkomposan	<ul style="list-style-type: none"> ▲ Pembangunan tapak pengkomposan, penyediaan tong pengkomposan dan bahan lain, membimbing komuniti mengenai proses pengkomposan ▲ Bengkel hijau kerap untuk menyebarkan kesedaran hijau kepada komuniti lebih besar seperti tapak komersial, sekolah dan perusahaan/usahawan 	
4	Pelaksanaan dan pemantauan	<ul style="list-style-type: none"> ▲ Proses pengkomposan dan pemantauan kualiti, pengujian penggunaan lapangan ▲ Mewujudkan pasaran produk, sebagai contoh, belian balik kompos oleh komuniti tempatan untuk kegunaan sendiri atau pihak berkuasa untuk landskap, perkongsian dengan usahawan untuk pemasaran produk. ▲ Pengumpulan data inventori mengenai sisa yang dikumpulkan dan dialihkan dari tapak pelupusan ke unit pengkomposan. 	<p>Peneraju dan penyelarar: Penyedia Teknologi/perkhidmatan, Pakar/perunding subjek.</p> <p>Pihak berkepentingan: Komuniti tempatan dan NGO, DBKL, agensi, Perusahaan, agensi Kerajaan.</p>

PELAN JANGKA PANJANG (MENJELANG 2050)

- Mewujudkan loji pengkomposan komuniti berskala besar dengan kapasiti 5 tan sehari (Model 2 dan 3)
- Berbincang dengan pelabur dan industri untuk menguruskan baki sisa melalui pajakan, PPP, dan mekanisme BOT
- Asas Perkiraan untuk penghindaran karbon berpotensi: Pengeluaran sisa organik = 0.5 Penduduk M x 2 kg setiap orang setiap hari x 45 % (sisa organik) x 50 % (terpencar) = 225 tan sehari bersamaan dengan 141.8 tan CO₂e (20 % penduduk KL sebanyak 2.46J menjelang 2050 = 0.5J, EF = 0.63 t CO₂-eq setiap tan sisa organik)

GARIS PANDUAN/RUJUKAN

1. RMK 12 (2021-2025)
 - Bab 6: Menambah baik Keseimbangan dan Keterangkuman Wilayah: Strategi B3: Mengutamakan Pengurusan Bandar Berdaya Tahan dan Hijau: Memperkukuh Pengurusan Sisa (hlm, 6-20)
 - Bab 8: Memajukan Pertumbuhan Hijau untuk Kemampanan dan Ketahanan: Strategi A2: Mempercepat Peralihan kepada Ekonomi Kitaran: Mewujudkan Ekonomi Pemboleh Daya untuk Ekonomi Kitaran (hlm. 8-15)
2. Akta 672 untuk Pengasingan sisa di lokasi sumber Organik / Baja Biologi Malaysia Skim Pensijilan
3. Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 mengenai Pengurusan Sisa Mampan (Tindakan 8)

Model perniagaan untuk pengumpulan tong pengkomposan boleh dirangkakan melalui PPP dengan perusahaan untuk mengumpul sehingga 5 tan sehari sisa makanan daripada isi rumah dan komersial. Tong kecil boleh disediakan kepada komuniti untuk pengumpulan sekerap makanan dan sisa makanan. Sisa yang dikumpulkan kemudiannya dihantar ke tapak pengkomposan untuk tebas-susun terbuka atau pengkomposan pelarrik. Memandangkan kawasan yang lebih besar diperlukan untuk penerimaan, pengkomposan, pematangan sisa, dan penstoran produk, maka tapak sisa landskap DBKL boleh menjadi lokasi yang berpotensi. Ini membantu juga untuk mengesahkan sumber sisa hijau sebagai bahan mentah bantuan untuk pengkomposan. Model ini juga boleh digabungkan dengan pengurusan pencerna AD (Bahagian 1: Tenaga). Begitu juga, melalui pembudayaan berterusan amalan hijau dalam kalangan komuniti, loji pengkomposan berskala besar boleh dipertimbangkan dengan penerimaan awam, amalan pengasingan sisa yang lebih tinggi, dan pasaran kompos yang diperluas. Butiran komponen projek untuk jangka panjang dan ringkasan projek pengkomposan diterangkan pada *Jadual 3.10* dan *Jadual 3.11*.

Jadual 3.10: Peringkat Pelaksanaan dan Komponen Projek Jangka Panjang Untuk Pengkomposan Berskala Besar

No	Komponen Projek	Projek Komponen	Rakan Utama
1	Libat urus komuniti	<ul style="list-style-type: none"> ▲ Kempen dan bengkel hijau yang sedang berjalan untuk mencapai kumpulan yang lebih luas, sebagai contoh, pengasingan sisa, pengetahuan pengkomposan dan penggunaan kompos. ▲ Pengkomposan kediaman boleh dilaksanakan apabila komuniti dibiasakan dengan pengkomposan melalui kempen hijau dan pengendalian tapak pengkomposan. 	<p>Peneraju dan penyelaras: Pakar/ perunding subjek, Agensi DBKL.</p> <p>Pihak berkepentingan: Masyarakat tempatan, Agensi Kerajaan (JPSPN, SWCorp dan sebagainya) pengendali Sisa, penyedia Teknologi/ perkhidmatan, Pelabur, NGO, sekolah dan universiti.</p>
2	Kajian kebolehlaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> ▲ Analisis ciri-ciri dan komponen sisa, Kuantiti sisa ▲ Pengenalpastian amalan terbaik, pemetaan pihak berkepentingan dan rangka kerja peraturan 	
3	Rakan strategik dari pelbagai pihak berkepentingan	<ul style="list-style-type: none"> ▲ Membina sepersetujuan mengenai perkongsian dan model perniagaan <ul style="list-style-type: none"> ▲ Sebagai contoh, model perniagaan meliputi pengurusan rantai pembekalan (logistik, proses, penjualan produk dan penggunaan bahan mentah (sebagai contoh, mekanisme belian (bahan mentah) dan belian balik (kompos)). ▲ Inisiatif pemasaran untuk mempromosi perniagaan mampan, sebagai contoh, pelabelan dan pemasaran produk, skim pensijilan, kredit hijau. 	
4	Reka bentuk loji kompos	<ul style="list-style-type: none"> ▲ Penerimaan awam mengenai lokasi penempatan ▲ Kawasan yang diperlukan untuk kemudahan penerimaan sisa, penstoran sisa, zon penampungan, pengkomposan, pematangan kompos, pembungkusan kompos; ▲ Pemilihan Teknologi Pengkomposan berdasarkan jisim sisa dan saiz tapak pengkomposan ▲ Prosedur permohonan permit dan garis panduan operasi untuk operasi berskala besar 	
5	Pelaksanaan dan pemantauan	<ul style="list-style-type: none"> ▲ Pemantauan kualiti kompos yang dikeluarkan ▲ Untuk mempunyai garis panduan jelas di mana bahan mentah boleh digunakan dan berdasarkan atas penggunaan terakhirnya (tanaman, tanah, landskap) ▲ Pengumpulan data inventori mengenai sisa yang dikumpulkan dan dialihkan dari tapak pelupusan ke unit pengkomposan 	





Jadual 3.11: Rakan Strategik untuk Loji Pengkomposan Sisa

Rakan Strategik	
Pendekatan Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> ▲ Kerjasama Awam Swasta (PPP) ▲ Bina-Kendali-Pindah (BOT)
Anggaran Kos	<ul style="list-style-type: none"> ▲ Fasa 1: RM 10 ribu setiap tapak bandar ▲ Fasa 2: RM 4-5 j
Garis Masa	<ul style="list-style-type: none"> ▲ Untuk jangka pendek- kawasan kebun komuniti atau pasar basah ▲ Untuk jangka panjang- kawasan sisa landskap, stesen pindahan sisa
Pelaksana	Perunding/Penyedia Teknologi
Agensi	Jabatan Alam Sekitar (DOE), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SW Corp), Alam Flora Sdn. Bhd .
Pihak Berkepentingan	Masyarakat tempatan, agensi Kerajaan (JPSPN, SEDA, SWCorp dan, Pengendali sisa, Teknologi/ penyedia perkhidmatan, Pelabur, NGO (sebagai contoh, Yayasan Tzu Chi), sekolah dan universiti.
Jabatan DBKL	JPRB (LA21 KL) , JKAS, JPPP, JPPPK


LOKASI BERPOTENSI

Justifikasi pemilihan tapak:

Lokasi dipilih untuk projek tersebut kerana kemudahsampaian (berhampiran kawasan perumahan), pemilikan, dan kesesuaian.

Lokasi:

1. Komersial (Pusat Penjaja Wangsa Maju)
2. Kebun komuniti dan Taman Eko
3. Perumahan awam (PPR Wangsa Sari, Flat Wangsa Maju Seksyen 1, Flat Wangsa Maju Seksyen 2) (rujuk Rajah 3.20 dan Rajah 3.21).




PELAN TINDAKAN PUSAT PERTUMBUHAN NEUTRAL KARBON WANGSA MAJU 2050

RAJAH 3.20

Kawasan Berpotensi Bagi Loji Pengkomposan Sisa

- | | | |
|---|---|---|
|  Perumahan |  Infrastruktur dan Utiliti |  Sempadan PPNK Wangsa Maju |
|  Komersial |  Kawasan Hijau | |
|  Kemudahan |  Tasik/Sungai | |
|  Industri |  Tanah Kosong | |
|  Institusi |  Pengangkutan | |







PELAN TINDAKAN PUSAT PERTUMBUHAN NEUTRAL KARBON WANGSA MAJU 2050

RAJAH 3.21

Pandangan Udara Kawasan Berpotensi Bagi Tapak Pengkomposan Sisa

-  Tapak Pengkomposan Sisa
-  Lokasi Kebun Komuniti dan Taman Eko


-  Sempadan PPNK Wangsa Maju



TIADA SKALA



Rajah 3.22 yang berikutnya menyediakan ringkasan berilustrasi mengenai senario pengurusan sisa keseluruhan untuk rawatan sisa organik, di samping sasaran jangka pendek dan jangka panjang untuk mencapai neutral karbon menjelang 2050 melalui pengalihan tapak pelupusan sisa organik.



Rajah 3.22: Ringkasan Program AD dan Pengkomposan

3 Menyediakan Titik Kitar Semula Sisa

Kitar semula adalah satu lagi pendekatan untuk mendapatkan semula bahan berharga untuk guna semula dan penggunaan semula, yang mengurangkan pengeluaran sisa dan penggunaan bahan mentah. Titik kitar semula boleh berbentuk skala yang lebih kecil dan mempunyai bilangan tong yang lebih kecil berbanding pusat kitar semula, tetapi ia menawarkan pengurusan yang lebih mudah. Jenis utama bahan boleh kitar semula yang boleh dilupuskan adalah berbeza. Berikut menunjukkan beberapa contoh titik atau kios kitar semula yang boleh memudahkan program kitar semula tersebut.

Komponen projek pusat kitar semula sisa boleh dibahagikan kepada bahagian mudah (libat urus komuniti dan pendidikan) dan bahagian sukar (teknikal). Bahagian libat urus komuniti dibincangkan dalam Komuniti Sektor bahagian 3.2.4 (halaman 101). Dari sudut teknikal, fasa pelaksanaan boleh dibahagikan kepada jangka pendek (fasa 1) dan jangka sederhana/panjang (fasa 2). Bagi jangka pendek, titik kitar semula yang menerima bahan seperti kaca, pakaian terpakai, dan kertas boleh ditempatkan di tapak letak kereta pusat beli-belah. Garis panduan dan penglibatan komuniti yang sesuai diperlukan untuk mengekalkan kebersihan kawasan kitar semula dan memastikan kualiti yang boleh diterima untuk diproses oleh kontraktor dan kemudahan kitar semula.

SASARAN/KEBERHASILAN

- (a) Jangka Pendek-Sederhana: Kadar kitar semula 25-40%
- (b) Jangka panjang: Kadar kitar semula 50%



AMALAN TERBAIK

1. UK

- ▲ UK mempunyai pusat atau titik kitar semula tepi jalan yang kecil di sekitar kejiranan mereka, yang secara amnya diletakkan berdekatan dengan perkhidmatan awam, tapak letak kereta tempatan dan pasar raya.
- ▲ Kawasan kitar semula ini boleh menerima bahan boleh kitar semula seperti kertas, plastik, kaca, logam, pakaian, e-sisa, berdasarkan kapasitinya. Terdapat Sisa Isi Rumah dan Pusat Kitar Semula juga di sekitar kejiranan yang menyediakan perkhidmatan kutipan sampah dan kitar semula.
- ▲ Pihak Berkuasa tempatan juga menyediakan bekas kecil kepada isi rumah untuk lebih makanan sebagai sebahagian daripada pengumpulan kitar semula isi rumah mereka. Ini juga boleh menggalakkan pengkomposan kediaman.

2. Singapore

- ▲ Agensi Alam Sekitar Nasional (National Environmental Agency atau NEA) Singapura dan syarikat ALBA menghantar 300 unit kios kitar semula dan pengumpulan e-sisa, termasuk komputer riba, telefon bimbit, dan bateri mudah alih.
- ▲ Orang awam boleh mendapat mata ganjaran yang boleh ditebus untuk baucar beli-belah.

3. Malaysia

- ▲ Syarikat peringkat permulaan di Malaysia, KLEAN, Janz Technologies, membangunkan kios kitar semula botol plastik. Mesin seperti ini telah dihantar ke lokasi pelancong popular seperti Resort World Genting dan kawasan berkepadatan tinggi seperti stesen minyak Shell dan pusat beli-belah Lotus's.
- ▲ Kios disepadukan dengan perkhidmatan e-dompet seperti Boost, Go dan Grab. Mata ganjaran boleh dikumpul sebagai pertukaran untuk baucar cukai dan hadiah apabila memasukkan bekas botol menerusi Aplikasi KLEAN mereka. Syarikat tersebut menawarkan juga pengesanan masa nyata data dan pelaporan melalui papan pemuka KLEAN.

4. Nanjing, China

- ▲ Tong kitar semula pintar keluaran JW Vending Technology menggambarkan mesin kitar semula dan pengisian sisa pintar di Nanjing, China.
- ▲ Rakyat boleh mengisih dan mengasingkan sisa mereka, sambil menimbangnyanya dan mengumpul wang melalui telefon bimbit mereka. Unit tersebut mempunyai tujuh kotak, satu daripadanya ialah skrin paparan beroperasi elektronik, dan enam yang lain sebagai tong pengumpulan untuk logam, plastik, kain, kertas, kaca, bahan berbahaya dan e-sisa.
- ▲ Barang yang berlainan mempunyai kadar jualan yang spesifik. Orang awam boleh mengeluarkan wang tunai melalui bank yang berkaitan apabila kredit mereka mencecah jumlah tertentu.

5. New York City

- ▲ Bandar raya New York telah bergabung dengan syarikat pengurusan sisa Bigbelly untuk menghantar tong sisa pintar untuk menangani isu limpahan sisa.
- ▲ Tong pintar berkuasa 170 solar telah dipasang. Setiap bekas dilengkapi dengan satu cip. Pemasangan sensor memberi data masa nyata dan amaran pengisian yang boleh memperkemas pengumpulan sisa, membolehkan sampah diambil apabila sangat diperlukan. Ini juga boleh membantu mengoptimumkan logistik pengumpulan sisa.
- ▲ Syarikat tersebut membentuk perkongsian dengan Pakatan Dalam Bandar (Downtown Alliance) New York untuk projek berskala perintis. Unit Wi-Fi dipasang dalam dua bekas dan dijadikan sebagai titik capaian (hotspot) Wi-Fi. Tong tersebut juga membantu kerajaan mengumpul data tentang pengurusan sisa atau memaparkan perkhidmatan awam. Tong sampah dan kitar semula boleh menjadi titik capaian wayarles di seluruh bandar raya.

Tambahan lagi, di pusat beli-belah, kios kitar semula individu, seperti botol plastik, e-sisa dan plastik, boleh dipasang juga untuk kemudahan pelanggan mengitar semula bahan ini secara serta-merta selepas penggunaan. Bagi jangka masa lebih panjang, kios kitar semula pintar boleh dipasang di kawasan kejiranan apabila amalan kitar semula dipupuk dalam aktiviti harian dan dengan penyertaan awam yang tinggi. Kios berasaskan komuniti seperti ini boleh berbentuk pakej kitar semula yang lengkap. Dengan tong masing-masing disediakan untuk bahan boleh kitar semula yang berbeza. Aplikasi pengesanan berguna untuk membantu pengguna menghitung aktiviti kitar semula mereka dan untuk pihak berkuasa tempatan menganggar kadar kitar semula kawasan/bandar raya tersebut.

Beberapa ciri-ciri yang akan dimasukkan boleh berbentuk penjaan oleh sisa (pengkomposan sisa), kitar semula sisa, sistem mata ganjaran, penilaian sebagai pengeluar dan pengitar semula sisa (tinggi, sederhana, rendah). Ini boleh disepadukan juga dengan sistem pengkomposan kediaman dan komuniti (*rujuk Rajah 3.21*). Aplikasi pengesanan berguna untuk membangunkan inventori kitar semula sisa. Ini boleh disepadukan juga dengan sisa yang dihantar kepada *Anaerobic Digester* dan pengkomposan dan menggunakan produk yang berkenaan. Sistem pengurusan sisa pintar telah membantu majlis tempatan untuk mengurus sisa dan mengurangkan kos secara berkesan.

Kemudahan kitar semula bahan (material recycling facilities atau MRF) adalah sistem berskala besar di mana bahan boleh kitar semula yang dikumpulkan diasingkan ke dalam aliran sisa berlainan. Matlamatnya adalah untuk mencapai pemulihan bahan maksimum sambil menghasilkan bahan yang mempunyai pendapatan yang berkemungkinan tinggi. Berdasarkan Pelan Strategik Nasional untuk Pengurusan Sisa Pepejal oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), terdapat beberapa kemudahan MRF yang dirancang, termasuk MRF Gombak (1,600 tan sehari), MRF Kajang/Putrajaya (1,540 tan sehari) Petaling Jaya (2,390 tan sehari), dan MRF Klang (1,220 tan sehari).

Diandaikan bahawa sistem MRF berskala besar oleh Kerajaan Persekutuan boleh mengambil sehingga 50% sisa boleh kitar semula yang dihasilkan untuk kawasan tersebut. Untuk baki 50%, disasarkan bahawa 20% boleh dirawat secara tempatan oleh perbandaran tempatan, dengan mengambil kira bahan boleh kitar semula tersedia yang ada seperti surat khabar lama, manakala 30% lagi hendaklah dikumpul dan diproses melalui PPP dan BOT dengan pelabur dan industri. Butiran status pelaksanaan projek yang melibatkan rakan strategik untuk Titik Kitar Semula Sisa diterangkan pada *Jadual 3.12*.

GARIS PANDUAN/RUJUKAN

1. 40% kadar kitar semula menjelang 2025 di bawah RMK-12
2. RMK 12 (2021-2025)
 - Bab 6: Menambah baik Keseimbangan dan Keterangkuman Wilayah: Strategi B3: Mengutamakan Pengurusan Bandar Berdaya Tahan dan Hijau: Memperkukuh Pengurusan Sisa (hlmn, 6-20)
 - Bab 8: Memajukan Pertumbuhan Hijau untuk Kemampanan dan Ketahanan: Strategi A2: Mempercepat Peralihan kepada
3. Ekonomi Kitaran: Mewujudkan dan Membolehkan Ekosistem untuk Ekonomi Kitaran (hlmn. 8-15)
4. "Akta 672 – Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 1972 (Pengasingan Sisa di lokasi Sumber)

LOKASI BERPOTENSI

Justifikasi pemilihan tapak:

Lokasi dipilih untuk projek tersebut kerana kemudahsampaian (berhampiran kawasan perumahan), pemilihan, dan kesesuaian.


Lokasi:

1. Perumahan Awam (sebagai contoh, PPR Wangsa Sari (*rujuk Rajah 3.24 dan Rajah 3.25*).
2. Kawasan Komersial (Wangsa Walk dan Aeon Big, stesen minyak)




Jadual 3.12: Rakan Strategik untuk Titik Kitar Semula Sisa

Rakan Strategik	
Pendekatan Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> ▲ Kerjasama Awam Swasta (PPP) ▲ Bina-Kendali-Pindah (BOT)
Anggaran Kos	Tidak Berkenaan
Garis Masa	<ul style="list-style-type: none"> ▲ Fasa 1: 2021-2025- Perumahan Awam (PPR Wangsa Sari, Flat Wangsa Maju Seksyen 1, Flat Wangsa Maju Seksyen 2) ▲ Fasa 2: 2026- 2030- Kawasan Komersial (Wangsa Walk dan Aeon Big, stesen minyak)
Pelaksana	Perunding/Penyedia Teknologi
Agensi	Jabatan Alam Sekitar (DOE), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SW Corp), Alam Flora Sdn. Bhd .
Pihak Berkepentingan	Komuniti tempatan, agensi Kerajaan (JPSPN, SEDA, SWCorp dan sebagainya), Pengendali sisa, Penyedia teknologi/perkhidmatan, Pelabur, NGO, sekolah dan universiti.
Jabatan DBKL	JPRB (LA21 KL), JKAS, JPPP



Rajah 3.23: Ringkasan Program Kitar Semula




RAJAH 3.24

Kawasan Berpotensi Bagi Titik Kitar Semula Sisa

- | | | |
|-----------|---------------------------|---------------------------|
| Perumahan | Infrastruktur dan Utiliti | Sempadan PPNK Wangsa Maju |
| Komersial | Kawasan Hijau | |
| Kemudahan | Tasik/Sungai | |
| Industri | Tanah Kosong | |
| Institusi | Pengangkutan | |








PELAN TINDAKAN PUSAT PERTUMBUHAN NEUTRAL KARBON WANGSA MAJU 2050

RAJAH 3.25

Pandangan Udara Kawasan Berpotensi Bagi Titik Kitar Semula Sisa

-  Titik Kitar Semula
-  Sempadan PPNK Wangsa Maju





PELAN TINDAKAN PUSAT PERTUMBUHAN NEUTRAL KARBON WANGSA MAJU 2050

Tiga (3) Cadangan Inisiatif Bagi Sektor Pengangkutan

-  Stesen Bas
-  Laluan Bas EV
-  Rangkaian Pejalan Kaki & Berbasikal
-  Perancangan Kawasan Stesen (400m)
-  Sempadan PPNK Wangsa Maju



3.2.3 Pengangkutan

Pergerakan orang dan pengangkutan barang-barang adalah aktiviti yang paling asas di bandar raya. Pengangkutan dianggarkan melibatkan lebih daripada satu pertiga pelepasan GHG Kuala Lumpur pada 2010 dan memainkan peranan utama dalam peralihan bandar raya ke arah neutral karbon menjelang 2050.

Projek perancangan ruang yang mengurangkan keperluan penduduk untuk perjalanan dan pada masa yang sama menggalakkan pengangkutan aktif, di samping penggunaan meluas mod bahan api bukan fosil pengangkutan untuk perjalanan yang diperlukan dalam bandar raya adalah cara utama ke arah menghapuskan lebih kurang 40% pelepasan GHG Kuala Lumpur menjelang 2050. Pusat Pertumbuhan Wangsa Maju menyediakan peluang yang baik untuk memulakan projek rintis projek pengangkutan neutral karbon seperti itu yang boleh dipertingkatkan ke zon strategik lain di Kuala Lumpur termasuk bandar raya Malaysia yang lain. Terdapat tiga (3) inisiatif yang dicadangkan seperti yang berikut:

INISIATIF YANG DICADANGKAN

1. Menambah baik Rangkaian Pejalan Kaki & Berbasikal
2. Menambah baik Pengangkutan Awam
3. Mengamalkan Perancangan Kawasan Stesen (SAP)


Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 telah mengklasifikasikan perkongsian mod pengangkutan awam (PT) sebagai gabungan PT berasaskan rel, e-panggilan dan PT berasaskan jalan raya lain di samping berjalan kaki/perjalanan pengangkutan aktif. Hala tuju strategik pengangkutan aktif untuk menambah baik kemudahan secara amnya bersasaran untuk menyediakan rangkaian pejalan kaki selamat, berkualiti dan terhubung, sambil menyediakan kemudahan pengangkutan mikro dan menjalankan kempen kesedaran dan keselamatan.

Pecahan Mod (Modal Split) Semasa dan Disasarkan di Kuala Lumpur

Taman Kejiranan	2	3,000 -12,000 orang
Padang Permainan	0.6	1,000 - 3,000 orang
Lot Permainan	0.2	300 - 1,000 orang



Sumber: Photo by Abbilyn Zavgorodniaia on Unsplash

Taman dan kawasan lapang adalah penting. Dirian pokok di taman dan kawasan lapang memainkan peranan signifikan dalam mengimbangkan karbon menerusi peleraian pelepasan karbon dioksida di bandar raya. Menurut Chave et al. (2005) pokok di taman bandar boleh meleraikan sehingga 179.0 tCO₂ setiap hektar. Menurut Laporan Ringkasan Boston Bebas Karbon (2019), pengimbangan karbon akan diperlukan untuk mencapai Neutral Karbon. Taman dan kawasan lapang juga mampu mengurangkan suhu permukaan udara dan tanah serta pencemaran udara. Tambahan lagi, ia adalah sumber penting untuk peneduhan dan biokepelbagaian. Malaysia telah diiktiraf sebagai salah satu daripada 12 negara 'mega-diversity' yang terkenal di dunia (Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, 2016). Bandar dengan lebih banyak taman dan kawasan lapang meningkatkan perpaduan dan hubungan sosial. Ia meningkatkan kesejahteraan dan kesihatan rakyat (melegakan tekanan kehidupan di kota).

Malangnya, untuk menyediakan taman dan kawasan lapang adalah mencabar khususnya di Kuala Lumpur. Ini disebabkan kekurangan tanah dan nilai tanah yang tinggi. Perbandaran membawa kepada pertumbuhan bandar dan penduduk. Untuk menampung pertumbuhan penduduk, tanah dibangunkan menjadi bangunan, permukaan tiruan dan permukaan kalis air. Oleh itu, ia menghadkan ketersediaan tanah untuk taman dan kawasan lapang. Buat masa ini, teduhan kanopi pokok di Kuala Lumpur adalah lebih kurang 17% (PIMRK KL 2030).

Secara perbandingan, Bandar Raya Melbourne menetapkan 40% teduhan pokok menjelang 2040, (Melbourne 2014). Selain penyerap karbon, kanopi pokok juga dapat meningkatkan nilai hartanah sehingga 38% di peringkat negara dan 30% di peringkat hartanah di United Kingdom (Siriwardena et al. (2016).

AMALAN TERBAIK

1. Helsinki, Finland

- ▲ Anggaran yang dibuat pada 2014, dirian pokok, tumbuh-tumbuhan dan tanah kawasan bandar Helsinki meleraikan hampir 1,250 kiloton karbon.
- ▲ Hutan dan kawasan berhutan milik Bandar Raya Helsinki (termasuk kawasan milik Bandar Raya di luar sempadan Bandar Raya) akan dikekalkan bertumbuh-tumbuhan, berteduh dan berpelbagai dengan pelbagai spesies pokok dan perhutanan mampan. Sementara itu, rangkaian hutan di Pelan Bandar Helsinki (termasuk kawasan pemuliharaan dan hutan dalam rangkaian hijau) akan dilaksanakan dengan program penghutanan semula dan melengkapkan struktur bandar dengan dirian pokok yang tidak menghalang potensi tenaga solar.
- ▲ Tempoh atau garis masa pelaksanaan: Mengikut Penggal (2017-2021) secara berterusan

KOMPONEN PROJEK

(a) Semakan dasar, garis panduan, undang-undang dan akta berkaitan

Taman dan kawasan lapang menyediakan nilai semula jadi dan ekonomi kepada penduduk bandar. Mengurus dan melindungi taman dan kawasan lapang bukanlah tugas mudah. Semakan mengenai dasar atau undang-undang kecil yang berkaitan dengan pemuliharaan dan perlindungan pokok dapat membantu mengurus dan melindungi taman dan kawasan lapang (rujuk jadual 3.27). Ia membantu dalam penjelasan dan pengurusan yang lebih baik, melindungi fungsi penting taman dan kawasan lapang, termasuk menghalang penceroboh daripada menjalankan aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti pemotongan pokok secara haram.

Jadual 3.27: Semakan Mengenai Dasar atau Undang-Undang Kecil Yang Berkaitan Dengan Pemuliharaan dan Perlindungan Pokok

Dasar dan Undang-undang Kecil dan Butiran

<p>Akta Wilayah Persekutuan (perancangan), 1982 (Akta 267)</p>	<p>Bahagian V PEMELIHARAAN DAN PENANAMAN POKOK</p> <p>Perintah pemuliharaan pokok.</p> <p>35. Jika Datuk Bandar berpendapat bahawa adalah suai manfaat bagi kepentingan keselesaan untuk membuat peruntukan bagi pemeliharaan mana-mana pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok dalam Wilayah Persekutuan, dia boleh bagi maksud itu membuat suatu perintah yang dalam Akta ini disebut —perintah pemeliharaan pokok— berkenaan dengan pokok, atau kumpulan pokok sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu, dan khususnya, peruntukan boleh dibuat oleh mana-mana perintah itu—</p> <p>(a) untuk melarang daripada memotong, memangkas, mencantas atau merosakkan pokok dengan sengaja, kecuali dengan persetujuan Datuk Bandar; dan</p> <p>(b) untuk memastikan penanaman semula mengikut cara sebagaimana yang diarahkan oleh atau di bawah perintah itu: Dengan syarat bahawa seksyen ini tidak terpakai bagi memotong, memangkas, mencantas pokok yang hampir mati atau telah mati atau untuk mengelakkan bencana yang mendesak.</p>
<p>Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)</p>	<p>Bahagian XII</p> <p>101. Kuasa tambahan pihak berkuasa tempatan</p> <p>(1) Selain daripada apa-apa kuasa lain yang diberi kepada sesuatu pihak berkuasa tempatan oleh Akta ini atau oleh mana-mana undang-undang bertulis lain, sesuatu pihak berkuasa tempatan mempunyai kuasa bagi melakukan segala atau mana-mana daripada perkara yang berikut, iaitu:</p> <p>(a) mendirikan, menyenggara dan memelihara bangunan sebagaimana dikehendaki bagi maksud pihak berkuasa tempatan dan untuk tempat tinggal kakitangan pihak berkuasa tempatan;</p> <p>(b) menanam, memangkas atau membuang pokok;</p> <p>(c) (i) membina, menyenggara, menyelia dan mengawal taman awam, taman bunga, esplanad, taman rekreasi, padang permainan, taman permainan kanak-kanak, tempat terbuka, tempat bercuti, kolam renang, stadium, akuarium, gimnasium, pusat masyarakat dan bilik makan-minum;</p> <p>(ii) memajak, memperolehi, menyewakan, menyusun atur, memajukan, melengkapkan, menyenggara dan menanam pokok di tanah bagi maksud digunakan sebagai taman awam, taman bunga, esplanad, taman rekreasi, padang permainan, taman permainan kanak-kanak, tempat terbuka, tempat ber0-cuti, kolam renang, stadium, akuarium, gimnasium dan pusat masyarakat dan mendirikan di atasnya apa-apa astaka, bilik rekreasi atau bilik makan-minum atau bangunan lain;</p> <p>(iii) menanggung penyenggaraan atau memberi sumbangan kepada tanggungan menyenggara taman awam, kebun bunga, esplanad, taman rekreasi, padang permainan, taman permainan kanak-kanak, tempat terbuka, tempat bercuti, kolam renang, stadium, akuarium, gimnasium, pusat masyarakat dan pertubuhan atau institusi khairat, agama, pendidikan, sosial atau kebajikan;</p>
<p>Garis panduan Perancangan untuk Kawasan Lapang, Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur (2015)</p>	<p>6.0. PIAWAIAN</p> <p>(i) Kawasan Lapang Awam</p> <p>Dikenakan bagi cadangan pembangunan yang melibatkan keluasan tapak kasar melebihi 10 ekar. Spesifikasi kawasan lapang awam adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▲ 5% daripada keluasan tapak bersih. ▲ Ditandakan dan diserahkan untuk kawasan lapang awam. ▲ Kawasan lapang juga boleh disediakan dalam bentuk pemilihan strata.* <p>* Ruang kawasan lapang yang dikeluarkan petak strata perlu diselenggara dan diuruskan oleh pemaju atau Perbadanan Pengurusan yang ditubuhkan. Ruang ini boleh diserahkan pemilikannya kepada DBKL tanpa dikenakan yuran penyenggaraan. Satu perjanjian bagi tujuan ini hendaklah ditandatangani antara Datuk Bandar dengan pemaju sebelum Borang B (Memulakan Kerja) dikemukakan.</p> <p>(ii) Kawasan Lapang Berpusat</p> <p>Dikenakan bagi cadangan pembangunan melibatkan keluasan tapak bersih melebihi 20,000 kaki persegi. Spesifikasi kawasan lapang berpusat adalah seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▲ 10% daripada keluasan tapak bersih. ▲ Keluasan kawasan lapang berpusat tidak kurang daripada 8% atas tanah boleh dibenarkan dengan syarat menyediakan sekurang-kurangnya 16% (tapak bersih) kawasan lapang di aras podium. ▲ Ditandakan pada pelan kelulusan dan diselenggarakan oleh pemilik atau MC yang akan ditubuhkan. ▲ Keperluan kawasan lapang berdasarkan plot berasingan selepas proses pemecahan lot tanah.

KOMPONEN PROJEK

(b) Program Inventori Pokok

Inventori pokok perlu dijalankan untuk memahami situasi semasa seperti komposisi spesies dan keadaan pokok di Wangsa Maju. Inventori pokok mewujudkan juga pangkalan data yang berharga untuk DBKL dan orang awam untuk mengenal pasti, memantau, menyenggara dan melaporkan apa-apa kejadian pada pokok tersebut.

Buat masa ini inventori yang lengkap dan komprehensif ini belum disediakan walaupun inventori atau direktori taman awam telah disediakan. DBKL telah memulakan penandaan Sistem Penentuan kedudukan Global bagi pokok yang ditanam sejak 2011 di bawah Greener KL dan telah melengkapkan penandaan Sistem Kedudukan Global (GPS) bagi ~85,000 pokok (PEMANDU, 2013). Menurut Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi (JPLR), DBKL, sebanyak 12,319 pokok di Wangsa Maju telah diinventorikan. Dengan pangkalan data yang lebih lengkap dan komprehensif, satu penguatkuasaan Perintah Pemuliharaan Pokok boleh menjadi kenyataan pada masa hadapan untuk melindungi pokok-pokok di Kuala Lumpur.

- ▲ Inventori pokok yang terdapat di bandar raya Kuala Lumpur termasuk spesies, umur, lokasi, saiz, kesihatan dan fungsinya
- ▲ Menggunakan teknologi geospasial seperti dron, imej satelit dan GIS dapat membantu proses inventori pokok di Wangsa Maju
- ▲ Membangunkan Laporan Ringkasan Inventori Pokok. Laporan tersebut membincangkan komposisi spesies, keadaan pokok dan pengesyoran penyenggaraan (rujuk Rajah 3.62).



Rajah 3.62: Contoh Laporan Ringkasan Inventori Pokok

(c) Pelan penanaman pokok melalui program 'Seorang Penduduk Satu Pokok'

Penanaman pokok diperlukan untuk mengekalkan teduhan kanopi dan menggantikan pokok yang telah dibuang atau hilang disebabkan jangka hayat semula jadi (dijangkakan sebanyak 1-3% setiap tahun) atau ancaman lain (sebagai contoh, pembinaan, makhluk perosak penceroboh, atau impak daripada kejadian bencana cuaca seperti ribut, angin, kebanjiran, dan kemarau).









Setiap penduduk Wangsa Maju hendaklah digalakkan menanam satu pokok di dalam kawasan kediaman mereka atau menyertai aktiviti penanaman pokok. Standard bagi pemilihan spesies pokok yang sesuai untuk ditanam di sesebuah lokasi yang khusus boleh dirangka. Beberapa langkah hendaklah diambil dipertimbangkan dan diambil kira semasa pemilihan pokok tersebut iaitu;

- ▲ Spesies pokok dan fungsinya
- ▲ Spesies tempatan dan bukan tempatan. Spesies tempatan dengan kelebihan jangka hayat panjang, kos penyenggaraan rendah, menarik secara visual, keupayaan penyesuaian tinggi, dan sesuai dengan keadaan tapak lebih digalakkan untuk ditanam di Kuala Lumpur.
- ▲ Bentuk dan saiz pokok tersebut, memandangkan pokok tersebut mungkin berdepan dengan kekangan ruang bila matang. Pokok peneduhan besar adalah sesuai untuk taman terbuka, manakala pokok tinggi dengan silara rapat adalah terbaik untuk ditanam di antara bangunan. Sebagai contoh, *Hopea Odorata* sangat sesuai ditanam di sepanjang laluan pejalan kaki dan bahu jalan kerana boleh disenggara dengan mudah dan boleh menyediakan teduhan dengan silaranya yang tebal. Sementara itu, *Samanea Saman* yang mempunyai teduhan yang besar dan menarik boleh menjadi pilihan yang baik untuk taman awam.
- ▲ Penyenggaraan pokok yang mudah termasuk memotong dahan dan pokok berakar pendek
- ▲ Keadaan tanah, pendedahan kepada cahaya matahari yang ada dan keadaan alam sekitar di kawasan persekitaran
- ▲ Bagi kesihatan jangka panjang, memilih spesies yang berdaya tahan terhadap serangga dan penyakit sangatlah penting.

Jadual 3.28 menunjukkan contoh spesies pokok dan sifatnya sebagai panduan am untuk pertimbangan penanaman. Butiran status pelaksanaan projek yang melibatkan rakan strategik untuk melindungi taman dan kawasan lapang sedia ada dijelaskan dalam Jadual 3.29.

KOMPONEN PROJEK

Jadual 3.28: Contoh Spesies Pokok Dengan Sifat Amnya dan Lokasi Yang Sesuai

No.	Spesis Nama Saintifik	Bentuk	Ketinggian	Kadar pertumbuhan (setiap tahun)	Pengurusan	Lokasi Bersesuaian
1	Cinnamomum iners <i>Kayu Manis Hutan</i>		10 - 15 m	1.5 - 2.5 m	Sederhana	(1) bahu jalan/laluan kereta api; (2) taman; (3) kediaman; (4) tapak letak kereta; (5) kemudahan; (6) industri; (7) sungai; (8) bangunan awam
2	Delonix regia <i>Semarak api</i>		10 - 15 m	> 2.5 m	Sederhana	(1) taman; (2) industri; (3) sungai
3	Fagraea fragrans <i>Tembusu</i>		> 15 m	< 1.5 m	Sederhana	(1) taman; (2) industri; (3) sungai; (4) kemudahan; (5) tanah perkuburan; (6) bangunan awam
4	Khaya senegalensis <i>Khaya</i>		10 - 15 m	1.5 - 2.5 m	Mudah	(1) taman; (2) industri; (3) sungai; (4) bangunan awam; (5) kediaman; (6) laluan pejalan kaki/basikal; (7) tapak letak kereta
5	Melaleuca leucadendron <i>Gelam</i>		10 - 15 m	1.5 - 2.5 m	Sederhana	(1) bahu jalan/laluan kereta api kediaman; (2) taman; (3) kemudahan; (4) industri; (5) sungai; (6) bangunan awam
6	Mimusops elengi <i>Tanjung</i>		10 - 15 m	< 1.5 m	Sederhana	(1) bahu jalan/laluan kereta api kediaman; (2) taman; (3) bangunan awam; (4) kemudahan; (5) sungai; (6) laluan pejalan kaki/ awam; (7) ruang letak kereta
7	Pterocarpus indicus <i>Angsana</i>		> 15 m	1.5 - 2.5 m	Sederhana	(1) taman; (2) sungai; (3) kemudahan (4) industri
8	Adenanthera pavonina <i>Saga</i>		10 - 15 m	< 1.5 m	Mudah	(1) bahu jalan/laluan kereta api; (2) taman; (3) sungai; (4) laluan pejalan kaki/ awam; (5) industri

Jadual 3.29: Rakan Strategik untuk Melindungi Taman dan Kawasan Lapang Sedia Ada

Rakan Strategik	
Pendekatan Pelaksanaan	DBKL berkerjasama dengan MNS, LA21 dan Komuniti
Anggaran Kos	Penanaman pokok : RM 10-15 juta (setiap tahun) Teknologi (Inventori pokok) : RM 200,000- RM 2,000,000
Garis Masa	<ul style="list-style-type: none"> ▲ 2022-2025 : penanaman pokok, inventori tapak (termasuk tapak pemaju dan swasta) ▲ > 2030 : Menggunakan teknologi geospasial untuk inventori pokok
Pelaksana	DBKL (JPLR), Persatuan Penduduk / Perbadanan Pengurusan, Sektor Swasta
Agensi	-
Jabatan DBKL	JPLR, JPPH, JPRB (LA21 KL), JKAS

LOKASI BERPOTENSI

- Kawasan lapang (rujuk Rajah 3.63, Rajah 3.64 dan Rajah 3.65)
 - Kawasan Lapang Awam (OS1): 165.54 ekar
 - Kawasan Lapang Persendirian (OS2): 354.05 ekar
- Bukit Wangsa Maju
 - Keluasan: 38.88 ekar
 - Ketinggian: 190 meter
 - Lot 28143
- Bukit Dinding (Sebahagian daripada)
 - Keluasan: 50.61 ekar
 - Ketinggian: 290 meter




PELAN TINDAKAN PUSAT PERTUMBUHAN NEUTRAL KARBON WANGSA MAJU 2050

RAJAH 3.63

Lokasi Taman dan Kawasan Lapang

- Tanah Kosong
- Sempadan PPNK Wangsa Maju
- Taman dan Kawasan Lapang






PELAN TINDAKAN PUSAT PERTUMBUHAN NEUTRAL KARBON WANGSA MAJU 2050

RAJAH 3.64

Status Taman dan Kawasan Lapang

- Kawasan Lapang Awam (OS1)
- Sempadan PPNK Wangsa Maju
- Kawasan Lapang Persendirian (OS2)





RAJAH 3.65

Pandangan Udara Taman dan Kawasan Lapang

-  Kawasan Lapang Persendirian
-  Sempadan PPNK Wangsa Maju
-  Kawasan Lapang Awam



TIADA SKALA



2 Memperkenalkan Taman Menegak dan Taman Atas Bumbung

Langkah pertama ke arah menjadikan bandar raya lebih sihat adalah dengan merancang untuk ruang hijau pada bila-bila masa di mana yang boleh. Menambahkan satu lapisan tumbuh-tumbuhan kepada ruang bumbung dan mewujudkan bumbung hijau, sebagai contoh, telah membuktikan dapat mengurangkan kesan pulau haba bandar.

Sementara itu, penghijauan menegak, yang turut dikenali sebagai penghijauan permukaan bangunan, dinding hijau, taman menegak, atau dinding hidup, adalah sistem hidup dan lapisan luar dinding yang mampu regenerasi diri yang boleh digunakan pada dinding dalaman dan luaran bangunan. Dinding tersebut akan diselaputi kehijauan dengan melekat atau tumbuh di atas struktur sokongan yang dikenali sebagai penghijauan menegak.

Tanah, tumbuh-tumbuhan, dan kehijauan pada penutup bangunan (bumbung dan dinding) akan mengurangkan suhu permukaan sambil bertindak juga sebagai penebat untuk struktur di bawah, dengan mengurangkan jumlah tenaga yang diperlukan untuk memanaskan dan menyejukkan bangunan. Bumbung hijau dan dinding menegak juga dapat membantu mengawal air hujan dengan menadahnya apabila hujan turun dan menapisnya untuk mengeluarkan bahan pencemar.

Penghijauan menegak dan atas bumbung dapat membantu menyerap karbon dioksida dalam kawasan bandar yang kemudiannya menggantikan oksigen untuk menambah baik Neutral Karbon. Dinding hijau menggambarkan kemampuan, bukan sekadar untuk bangunan tersebut, tetapi untuk mereka yang menggunakannya juga, dan menjadi bahagian penting bangunan hijau atau pergerakan pembinaan mampan, yang telah berkembang popularitinya sejak awal 90-an. Justeru, cadangan penggunaan taman hijau menegak dan taman atas bumbung bermatlamat untuk mengurangkan kesan rumah hijau di Wangsa Maju, Kuala Lumpur ke arah bandar raya rendah karbon menjelang 2050.

AMALAN TERBAIK

1. Menara Etiqa, KL (Veritas, 2020)

- ▲ Menara Pejabat Etiqa adalah sebuah pembangunan pejabat yang mengandungi 35 tingkat menara pejabat dengan 8 tingkat podium letak kereta yang terletak di atas tapak 50,000 m.per di sepanjang Jalan Bangsar, Kuala Lumpur.
- ▲ Projek tersebut sedang berusaha untuk mendapatkan dua pensijilan kemampuan: pensijilan emas di bawah Indeks Bangunan Hijau (GBI) dan pensijilan platinum di bawah GreenRe.
- ▲ Ciri-ciri tersendiri salah satu bangunan tersebut ialah permukaan bangunan berwarna hijau menawan, yang meliputi hampir 1,000 meter persegi dan mengelilingi satu bucu podium tempat letak kereta tersebut.
- ▲ Ia menutupi semua bucu luaran bangunan tersebut dan mewujudkan kesan menyelubung apabila ditumbuhi sepenuhnya dengan Panel Dulang Berkekuda VersiWall® GP 2060 (VGP).
- ▲ Dulang VGP 2060 dipasang pada muka bangunan luaran Menara Etiqa. Setiap dulang boleh disenggara daripada garaj letak kenderaan pelbagai tingkat. Dinding hijau 1,000 m² tersebut dibina menggunakan 1,200 Dulang VGP.
- ▲ Setiap dulang mengandungi 1,200 dulang VGP yang diisi dengan 34 spesis tumbuhan. Air dan baja dimasukkan ke dalam setiap dulang secara terus dari paip pengairan, dibahagikan ke dalam zon untuk kecekapan dan jangka hayat panjang. Setiap dulang mempunyai plat sesekat dan dipasang takungan untuk mengekalkan pertumbuhan yang sihat.



AMALAN TERBAIK

2. Raffles Place, Singapore

- ▲ Tersergam setinggi 19 meter dan lebar 110 meter, dinding hijau yang mempersonakan ini pada Pusat Kewangan Ocean pada suatu masa dahulu memegang Rekod Dunia Guinness sebagai taman menegak terbesar di dunia yang terdiri daripada 57,000 pasu tumbuh-tumbuhan.
- ▲ Kesemua 25 spesis tumbuh-tumbuhan di taman ini digunakan untuk mewujudkan peta tiga dimensi Singapura, Asia Tenggara, dan dunia. Untuk mewujudkan kesan 3D, tumbuh-tumbuhan pelbagai saiz direka bentuk dengan bijak untuk menjulur, serta meniru banjaran gunung dan ombak.
- ▲ Selain keajaiban kejuruteraannya, dinding hijau tersebut memberi juga manfaat alam sekitar dengan menyingkirkan karbon dioksida dan bahan pencemaran dari atmosfera, menurunkan suhu dan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau. Sebagai tambahan untuk mengurangkan suhu permukaan, ia juga mengurangkan penggunaan tenaga di ruang dalaman kerana terletak di luar.
- ▲ Sebagai bangunan tinggi, Pusat Kewangan Ocean dikenali juga sebagai salah satu bangunan paling hijau di negara tersebut, maka hasil seni hijau ini adalah yang paling sesuai untuk bangunan tersebut.



Sumber: rafflesplace.sg



Sumber: www.archdaily.com

3. Singapore Pavilion, Dubai (Cutieru, 2021)

- ▲ Singapore Pavilion di Expo Dubai 2020 menonjolkan wawasan bandar raya tersebut untuk masa hadapan yang mampan yang menyepadukan seni bina, alam semula jadi, teknologi dan budaya. "Nature.Nurture.Future" "Alam Semula jadi. Menyemai.Masa Hadapan" adalah nama astaka yang direka bentuk oleh Salad Dressing dan WOHA Architects, yang menonjolkan wawasan Bandar raya Singapura dalam Alam Semula Jadi dengan mempamerkan sampel kecil landskap bandar raya tersebut.
- ▲ Teknologi dan alam semula jadi bergabung untuk mewujudkan ekosistem yang menyetengahkan konsep kemampanan dan berdaya tahan menerusi landskap lapisan berpelbagai.
- ▲ Hutan tropika Singapura, hutan paya bakau dan sungai hutan semuanya ditunjukkan dalam ruang hijau tiga dimensi astaka, yang termasuk lebih daripada 170 jenis tumbuh-tumbuhan dari habitat berpelbagai Singapura. Air penyahgaraman solar di tapak digunakan untuk pengairan titisan yang mengurangkan penggunaan air pada kadar yang signifikan.



Sumber: www.archdaily.com

KOMPONEN PROJEK

Penghijauan permukaan dinding/fasad bangunan bukan hanya sekadar menutup bahagian luaran struktur dengan tumbuh-tumbuhan. Penggunaan sistem penghijauan, seperti bumbung hijau dan dinding hijau semakin bertambah popular sebagai ciri seni bina. Walaupun dengan sistem canggih hari ini, tumbuh-tumbuhan masih boleh memberi manfaat yang signifikan kepada bangunan, dan ini boleh digunakan sebagai sebahagian daripada pendekatan jangka panjang kepada pemulihan bandar dan rekabentuk/pengubahsuaian bangunan.

(a) Jenis dinding hijau

Seperti yang ditunjukkan dalam sebilangan kajian yang dijalankan pada tahun-tahun sebelum ini, dinding hijau dapat membantu memulihkan keindahan semula jadi kawasan dan meningkatkan kecekapan tenaga (Manso dan Castro-Gomes, 2015). Menurut analisis kandungan tersebut, terdapat empat jenis dinding hijau menegak yang tersedia di pasaran, iaitu sistem kaset, sistem pasu, sistem poket dan sistem sokongan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.30. Jenis dinding hijau yang boleh digunakan dalam konteks Wangsa Maju termasuk permukaan bangunan, pagar sempadan bangunan, kemudahan dan infrastruktur awam. Pengelasan jenis dinding hijau menegak tertera seperti yang disenaraikan:

Jadual 3.30: Jenis Dinding Hijau Menegak

Sistem	Kaset	Pasu	Poket	Sokongan
				
Jenis	Dinding perhiasan Dalam, Luaran	Luaran	Luaran	Luaran
Kos Penyenggaraan	Tinggi	Pertengahan	Pertengahan	Rendah
Keutamaan	Hak milik persendirian	Hak milik persendirian	Hak milik persendirian	Kemudahan dan Infrastruktur Awam


(b) Peranan dinding hijau

Dinding hijau sahaja tidak akan menyelesaikan masalah yang berpunca daripada pembandaran. Bagaimanapun, ia boleh menjadi bahagian yang penting kepada strategi yang lebih besar untuk meningkatkan kemampuan persekitaran terbina: beberapa manfaat termasuk pengurangan pencemaran bunyi, penambahbaikan kualiti udara, dan penjimatan kos (Mulhen, 2020). Rajah 3.66, menunjukkan min suhu permukaan dinding dalam musim panas untuk a) dinding luaran dan b) dinding dalaman. Peranan dinding hijau dalam pengurangan perubahan iklim termasuklah yang berikut:

Mengawal Penggunaan Tenaga
Mengurangkan penggunaan tenaga bangunan dengan mewujudkan iklim mikro di dalam persekitaran bandar yang membantu mengawal suhu.

Bandar Raya Berparu-paru
Tumbuh-tumbuhan hijau meresap dan menyimpan karbon dioksida yang menjadi gas rumah hijau yang utama. Dengan keadaan bandar raya yang semakin sempit, ruang tersedia untuk tumbuh-tumbuhan hijau menjadi lebih terhad memandangkan keperluan untuk menyediakan tempat berteduh semakin meningkat.

Mengitar Semula Bangunan
Tarikan estetik dinding hijau tidak boleh diabaikan, walaupun ia tidak berkait secara langsung dengan pengurangan perubahan iklim.



Rajah 3.66: Min Suhu Permukaan Dinding Semasa Musim Panas untuk a) Dinding Luaran dan b) Dinding Dalaman

Sumber: Hoelscher, M.-T., Nehls, T., Jänicke, B. & Wessolek, 2016)

KOMPONEN PROJEK

(c) Perkiraan Sekuestrasi Karbon (Penutup tanah, pemanjat, penjalar):

Pelepasan karbon dioksida boleh memberikan impak negatif kepada alam sekitar kawasan sekeliling disebabkan peningkatan pelepasan karbon, yang menjadi penyumbang besar kepada kesan rumah hijau, khususnya dalam kawasan bandar. Sekuestrasi karbon ditakrifkan sebagai kaedah atau proses menyederhanakan karbon dioksida dalam atmosfera untuk mengelakkannya daripada menyebabkan pencemaran. (Othman and Kasim, 2016).

Kaedah ini memberangsangkan dalam mengurangkan pelepasan karbon dioksida ke dalam atmosfera dengan memilih spesis tumbuh-tumbuhan yang sesuai dan mengaturkan bahan tanaman dengan cara yang lebih cekap. Kadar sekuestrasi karbon sangat dipengaruhi oleh faktor seperti lokasi, usia, diameter, dan ketinggian sebagai tambahan kepada ciri tumbuh-tumbuhan. Formula di bawah menunjukkan perkaedahan sekuestrasi karbon terhadap pemanjat, pokok renek dan penutup tanah (Zaid et al., 2018).

Titik Sistem Peredaran Karbon (tCO₂e): tCO₂e I = TCO₂W/1000
 TCO₂W (Jumlah Berat CO₂) = TCW × 3.6663
 TCW (Jumlah Berat Karbon) = TDW × 0.427
 TDW (Jumlah Berat Kering) = 0.56 × kawasan dalam

1 sqm x VGS (Sistem Hijau Menegak)

tCO₂e: tCO₂e I = 0.877/1000 = 0.0009
 TCO₂W = 0.239 × 3.6663 = 0.877
 TCW = 0.56 × 0.427 = 0.239
 TDW = 0.56 × 1 = 0.56

(d) Jenis Tumbuh-Tumbuhan

Fotosintesis membolehkan semua tumbuh-tumbuhan memerangkap dan menyimpan karbon di dalamnya. Selanjutnya, tumbuh-tumbuhan dengan kadar sekuestrasi karbon tinggi sangat penting kepada pengurangan karbon secara berkesan dalam atmosfera. Tumbuh-tumbuhan dengan luas daun yang lebih besar dan daun hijau pekat, seperti *Petrea volubilis* (Sandpaper vine), *Argyrea nervosa* (Elephant creeper), *Quisqualis indica* (Akar Dani), *Cucumis sativus* (Timun), dan *Sechium edule* (Labu siam), mempunyai kadar pemerangkapan karbon lebih tinggi kerana ia mempunyai kawasan permukaan yang luas dengan jumlah klorofil yang tinggi untuk kadar fotosintesis maksimum (A. Abdullah, 2011). Tumbuh-tumbuhan dengan Indeks Luas Daun (ILD) yang tinggi mengasingkan CO₂ secara berkesan (Gratani, Varone and Bonito, 2016). Bagaimanapun, beberapa tumbuh-tumbuhan dengan luas daun kecil, seperti *Clitorea ternatea* (Bluebell vine) dan *Psedocalymma alliaceum* (Garlic vine), boleh mencapai kadar fotosintesis yang sama seperti tumbuh-tumbuhan berdaun lebih luas dengan mempunyai lebih banyak daun.

Selain daun, batang tumbuh-tumbuhan memainkan peranan penting dalam sekuestrasi karbon. Tumbuh-tumbuhan berkayu dengan dahan banyak menyimpan banyak karbon, lebih kurang 2.35-2.5 kali lebih banyak daripada tumbuh-tumbuhan berbatang lembut. Menurut pelbagai kajian, pokok dengan batang besar boleh mengasingkan lebih banyak karbon berbanding pokok yang mempunyai batang kecil (Othman and Kasim, 2016). (Isa et al., 2014, Terakunpisut et al., 2007).

Jadual 3.31 menunjukkan senarai beberapa pemanjat berbunga tropika untuk kadar sekuestrasi karbon berpotensi tinggi berdasarkan ciri tumbuh-tumbuhan, manakala Jadual 3.32 menunjukkan senarai beberapa sayur-sayuran pemanjat untuk tumbuh-tumbuhan pengasing karbon berpotensi di kawasan tropika.










GARIS PANDUAN/RUJUKAN




1. Panduan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau
2. Garis Panduan Taman atas Bumbung oleh PLANMalaysia
3. Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau
4. Buku Panduan mengenai Pembangunan Taman Tinggi Mampan [Membawa Kehijauan arah Ke Atas]

SASARAN/KEBERHASILAN






Penggunaan Sistem Dinding Hijau Menegak dianggarkan untuk mensasarkan jumlah sekuestrasi karbon lebih kurang 14.8 berdasarkan jumlah kawasan yang dianggarkan untuk kawasan VGS seluas 16,455 m.per di sekitar kawasan Wangsa Maju

Jadual 3.31: Senarai Beberapa Pemanjat Berbunga Tropika

Spesis	Ciri-ciri Tanaman	Keperluan Alam Sekitar	Lain-lain
 <p>Nama saintifik: <i>Clivria l'ernatea</i> Nama am: Bluebell vine</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ketinggian: 1.83m • Daun: kecil, banyak, hijau pekat, 3-5 sm • Batang: kurus, melilit, < 2sm diameter 	<ul style="list-style-type: none"> • Cahaya: matahari penuh/ berteduh sedikit • Air sederhana • Penjagaan sangat rendah 	<ul style="list-style-type: none"> • Pertumbuhan pantas • Digunakan untuk ubat tradisional dan sebagai agen perwarnaan makanan • Boleh tumbuh dalam banyak jenis tanah, bagaimanapun, sesuai ditanam dalam kelembapan dan pH tanah 6.6-7.5 • Indeks Toleransi Pencemaran Udara: 12.26-14.14 (Pandey et al., 2015) • Berasal dari Afrika dan Lautan Hindi (Cook et al., 2005)
 <p>Nama saintifik: <i>Congea wmenwsa</i> Nama am: Shower orchid</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ketinggian: boleh mencapai 6.1m • Daun: lebar, hijau muda • Batang: berkayu • Akar: Berserabut 	<ul style="list-style-type: none"> • Cahaya: matahari penuh/ berteduh sedikit • Kerap disiram air (sederhana) • Pencantasan mungkin diperlukan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pertumbuhan cepat • Bunga oada awalnya berwarna putih dan kemudian berubah menjadi merah jambu • Berasal dari benua kecil India (India, Bangladesh), China (Yunan), Indochina (Thailand, Myanmar, Laos, Vietnam) dan Malaysia (NParks, 2013)
 <p>Nama saintifik: <i>Argyreia nervosa</i> Nama am: Elephant creeper</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ketinggian: 9-15m • Daun: besar, hijau pekat • Batang: tebal dan menjadi berkayu bila semakin tua • Akar: Akar tunjang 	<ul style="list-style-type: none"> • Kerap disiram air (sederhana) • Cahaya: matahari penuh 	<ul style="list-style-type: none"> • Kadar pertumbuhan cepat • Tanaman perhiasan • Indeks Toleransi Pencemaran Udara: 13.03-15.13 (Pandey et al., 2015) • Berasal dari India (NParks, 2013)
 <p>Nama saintifik: <i>J'ri.s'lllateia australasiae</i> Nama am: Australian gold vine</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ketinggian: 10m • Daun: memanjang (7-12sm), hijau tebal • Batang: berkayu, pelbagai dahan panjang 	<ul style="list-style-type: none"> • Keperluan air tinggi • Cahaya: matahari penuh • Sedikit pencantasan mungkin diperlukan 	<ul style="list-style-type: none"> • Kadar pertumbuhan cepat • Jenis tanah liat atau pasir • Berasal dari Taiwan, Asia Tenggara hingga Australia, Pasifik Barat (NParks, 2013)
 <p>Nama saintifik: <i>Petrea volubilis</i> Nama am: Sandpaper vine</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ketinggian: mencapai 12m • Daun: lebar, hijau pekat di bahagian atas, hijau muda di bahagian bawah • Batang: batang berkayu melilit 	<ul style="list-style-type: none"> • Cahaya: matahari penuh • Keperluan air sederhana 	<ul style="list-style-type: none"> • Kadar pertumbuhan sederhana • Tanaman perhiasan • Lebih menggemari tanah subur dan bersaliran baik • Indeks Toleransi Pencemaran Udara: 16.69-19.21 (Pandey et al., 2015) • Berasal dari Amerika tropika (NParks, 2013)
 <p>Nama saintifik: <i>Pseudocalymma alliaceum</i> Nama am: Garlic vine</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ketinggian: sehingga 12m tetapi kebiasaannya 3m • Daun: kecil, hijau cerah • Batang: berkayu 	<ul style="list-style-type: none"> • Matahari penuh/ berteduh separuh • Air sederhana • Pembajaan sederhana • Pencantasan (jika perlu) 	<ul style="list-style-type: none"> • Pertumbuhan sederhana • Tanaman perhiasan, daun berwarna putih • Mempunyai khasiat perubatan • Berasal dari Amerika tropika (NParks, 2013)
 <p>Nama saintifik: <i>Thunbergia laurifolia</i> Nama am: Blue trumpet vine</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ketinggian: tumbuh sehingga 12m • Daun: hijau cerah, lebar • Batang: berkayu, tebal • Akar: Berubi 	<ul style="list-style-type: none"> • Matahari penuh • Air sederhana dan kerap • Memerlukan sedikit tanah berasid • Perlu Pencantasan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pertumbuhan cepat • Bunga perhiasan • Memerlukan tanah subur dan bersaliran baik • Berasal dari India dan Malaysia (NParks, 2013)
 <p>Nama saintifik: <i>Antigonon leptopus</i> Nama am: Honolulu creeper</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ketinggian: tumbuh sehingga 10-13m • Daun: lebar, hijau muda ke hijau pekat • Batang: bercadang, dahan tua menjadi berkayu • Akar: Berserabut 	<ul style="list-style-type: none"> • Matahari penuh • Lebih gemar air sedikit • Memerlukan pencantasan kerap 	<ul style="list-style-type: none"> • Pertumbuhan cepat • Boleh menyesuaikan dalam kebanyakan jenis tanah • Indeks Toleransi Pencemaran Udara: 21.07-23.98 (Pandey et al., 2015) • Berasal dari Mexico (NParks, 2013)
 <p>Nama saintifik: <i>Quisqualis indica</i> Nama am: Rangoon creeper</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ketinggian: tumbuh sehingga 15m • Daun: lebar, hijau pekat • Batang: berkayu 	<ul style="list-style-type: none"> • Matahari penuh/ sebahagian • Air sederhana 	<ul style="list-style-type: none"> • Pertumbuhan cepat • Keperluan tanah: tanah tebal, lembab dan bersaliran baik • Indeks Toleransi Pencemaran Udara: 18.20-20.15 (Pandey et al., 2015) • Berasal dari Filipina, India dan Malaysia (NParks, 2013)

Spesis	Sekuestrasi Karbon Maksimum	Ciri-ciri Tanaman	Keperluan Alam Sekitar	Lain-lain
 <p>Nama saintifik: <i>Vallis glabra</i> Nama am: Bread flower</p>	<ul style="list-style-type: none"> > 0.05 tCO₂e (Othman and Kasim, 2016) 	<ul style="list-style-type: none"> Ketinggian: 2-3m Batang: kurus, berkayu Daun: lebar Bunga: kecil berwarna putih, wangi, berjambak Akar: Akar Tunjang Mempunyai buah kering Tumbuh semula melalui akar dan pucuk baharu 	<ul style="list-style-type: none"> Air: kerap (sederhana) Cahaya: pendedahan matahari penuh Mungkin perlu dipangkas untuk mengawal bentuk dan saiz 	<ul style="list-style-type: none"> Kadar pertumbuhan sederhana Tumbuh dalam tanah lembab dan bersaliran baik Tanaman perhiasan Bunga menarik lebah, kupu-kupu dan burung Berasal dari Jawa, Indonesia (World Plants, 2015)
 <p>Nama saintifik: <i>Thunbergia grandiflora alba</i> Nama am: White sky vine</p>	<ul style="list-style-type: none"> > 0.05 tCO₂e (Othman and Kasim, 2016) 	<ul style="list-style-type: none"> Ketinggian: tumbuh sehingga 15 m Batang: berkayu, tebal Daun: hijau cerah, lebih besar Bunga: berwarna putih, Akar: Berubi Tumbuh semula melalui benih, pucuk baru dan akar 	<ul style="list-style-type: none"> Pendedahan matahari penuh Air yang sederhana 	<ul style="list-style-type: none"> Pertumbuhan cepat Tanaman perhiasan Memerlukan tanah subur dan bersaliran baik Berasal dari benua kecil India, selatan China dan Myanmar (BioNET-EAFRINET, 2011)
 <p>Nama saintifik: <i>Psophocarpus tetragonolobus</i> Common name: Winged bean</p>	<ul style="list-style-type: none"> 0.94 kg CO₂/year/ m² (Amir et al., 2014) 	<ul style="list-style-type: none"> Ketinggian: tumbuh sehingga 4 m Batang: kurus, melilit Daun: besar Bunga: biru muda/putih Akar: Berubi Mempunyai buah boleh dimakan Tumbuh semula melalui benih, 	<ul style="list-style-type: none"> Penerimaan cahaya matahari penuh Memerlukan banyak air Boleh tumbuh dalam pelbagai jenis tanah kecuali pasir atau kemasinan tinggi pH Tanah: 4.3-8.5 	<ul style="list-style-type: none"> Kadar pertumbuhan cepat, bagaimanapun kadar pertumbuhan semasa pembenihan (0-6 minggu) Mempunyai kandungan perubatan Tanaman boleh dimakan Pengimbang nitrogen Berasal dari Afrika Timur, Papua New Guinea dan India (NParks, 2013)

Jadual 3.32: Senarai Beberapa Sayur-Sayuran Pemanjat untuk Tumbuh-Tumbuhan Pengasing Karbon Berpotensi di Kawasan Tropika

Spesis	Ciri-ciri Tanaman	Keperluan Alam Sekitar	Lain-lain
 <p>Nama saintifik: <i>Phaseolus vulgaris</i> Nama am: Common bean</p>	<ul style="list-style-type: none"> Ketinggian: sehingga 3m Daun: Panjang & Lebar, hijau pekat Batang: kurus, melilit Akar: Berserabut 	<ul style="list-style-type: none"> Cahaya matahari penuh Air yang sederhana 	<ul style="list-style-type: none"> Pertumbuhan pantas Memerlukan tanah bersaliran baik, liat berpasir, liat berlumpur atau tanah geluh liat, kaya dengan kandungan organik pH tanah: 4-9 Berasal dari Peru (Amir et al., 2011)
 <p>Nama saintifik: <i>Vigna unguiculata sesquipedalis</i> Nama am: Long bean</p>	<ul style="list-style-type: none"> Ketinggian: sehingga 4m Daun: Panjang & Lebar, hijau pekat Batang: kurus, melilit Akar: Akar tunjang dengan banyak akar sisi 	<ul style="list-style-type: none"> Cahaya matahari penuh Kerap diairkan (sederhana) 	<ul style="list-style-type: none"> Pertumbuhan cepat Tumbuh dengan baik dalam tanah yang kurang baik dengan lebih daripada 85% pasir dan kurang daripada 0.2% kandungan organik dan tahap rendah fosforus. pH tanah: 4.4-7.5 Berasal dari Afrika dan Asia (Burnham, 2013)
 <p>Nama saintifik: <i>Pisum sativum</i> Nama am: Pea</p>	<ul style="list-style-type: none"> Ketinggian: sehingga 3.7m Daun: kecil, lebar, hijau pekat Akar: Akar tunjang 	<ul style="list-style-type: none"> Cahaya matahari penuh Air sederhana 	<ul style="list-style-type: none"> Pertumbuhan cepat Tanah yang sedikit berasid dan bersaliran baik. pH tanah: 6.0-7.0 Berasal dari Asia atau berkemungkinan Eropah dan Asia Barat Daya (Burnham, 2013)
 <p>Nama saintifik: <i>Cucumis salivus</i> Nama am: Cucumber</p>	<ul style="list-style-type: none"> Ketinggian: sehingga 2 m Daun: Luas, lebar, hijau pekat Batang: tebal Akar: Akar tunjang panjang, tebal 	<ul style="list-style-type: none"> Cahaya matahari penuh Air kerap 	<ul style="list-style-type: none"> Kadar pertumbuhan cepat Lebih menggemari tanah bersaliran baik dan sesuai untuk tanah berpasir sedikit, bergeluh sederhana dan tanah liat tebal. Berasal dari selatan Asia (Burnham, 2013)
 <p>Nama saintifik: <i>Sechium edule</i> Nama am: Chayote</p>	<ul style="list-style-type: none"> Ketinggian: sehingga 15 m Daun: Luas, lebar, hijau pekat Batang: tebal Akar: berubi 	<ul style="list-style-type: none"> Cahaya matahari penuh / sebahagian Air kadar biasa 	<ul style="list-style-type: none"> Pertumbuhan cepat Semua bahagian boleh dimakan Tumbuh dengan baik dalam tanah bersaliran baik, lebih menggemari tanah liat dan pasir. pH tanah: 5-6 Berasal dari Mexico, Guatemala (NParks, 2013)

KOMPONEN PROJEK

(e) Input Pengilang dan Pembekal

Bagi memahami butiran kebun bandar dan bumbung hijau menegak, temu bual telah dijalankan oleh pasukan projek. Dua pengilang atau pembekal produk kebun bandar dan pembekal dinding hijau menegak telah ditemui oleh pasukan tersebut. Dapatan daripada temu bual tersebut mengemukakan yang berikut:

(a) UFT TECH HUB (Perunding Kebun Bandar)

Kebun Akuaponik

Kelebihan prototaip kebun bandar yang dicadangkan termasuk:

- ▲ Boleh disepadukan dengan kolam ikan
- ▲ Tumbuh-tumbuhan boleh dimakan
- ▲ Meningkatkan interaksi dengan penggunaan (terutama sekali projek sekolah)
- ▲ Memerlukan penyenggaraan dan kawalan kualiti lebih tinggi
- ▲ Mempertimbangkan kitaran hayat tumbuh-tumbuhan (pertumbuhan, pematangan, kematian), boleh memberi kesan kepada penampakan fizikalnya.



Projek sekolah yang bertempat di Petaling Jaya, Kuala Lumpur. Pemasangan sistem Akuaponik dengan kolam ikan untuk menggalakkan kebun bandar di sekolah, interaksi pelajar dengan sistem diberikan perhatian daripada projek ini. Kos projek tersebut dalam anggaran RM7000 termasuk kos sistem, kos kelengkapan dan kos pemasangan.

Sumber : www.urbanfarmtech.my

(b) Belalang Inovasi

Berdasarkan Jadual 3.33, terdapat 2 jenis Sistem Dinding Hijau dan 1 jenis Sistem Bumbung Hijau yang diperkenalkan oleh Belalang Inovasi sebagai kajian kes, iaitu:

- ▲ **Sistem GWS Modular (Pasu)**
- ▲ **Sistem GaiaWall (Tanpa tanah)**
- ▲ **Sistem GaiaMat**

Jadual 3.33: Jenis Sistem Dinding Hijau dan Sistem Bumbung Hijau

Sistem		
Sistem GWS Modular	Sistem GaiaWall (Tanpa tanah)	Sistem GaiaMat
Jenis		
Sistem Pasu	Sekeping papan dipasang kepada permukaan sedia ada	Tikar boleh digulung pada permukaan bumbung
Kos/m.per		
RM1200 - RM1400	RM1000 - RM1200	RM250 - RM300
Lain-lain		
<ul style="list-style-type: none"> ● Disusun kemas ● Boleh disesuaikan (Perkataan, nama jenama) 	<ul style="list-style-type: none"> ● Pemasangan mudah ● Lebih Mampan ● Lebih kelihatan semula jadi 	<ul style="list-style-type: none"> ● Kecuraman bumbung maksimum 40° ● Tanaman tahan lasak ● Penyenggaraan kurang ● Pemasangan mudah

KOMPONEN PROJEK

▲ **Sistem GWS Modular (Pasu)**

Belalang Inovasi mempunyai pengalaman baik bekerja dalam konteks yang sama di bandar raya Singapura. Sistem ini sesuai untuk dilaksanakan secara di dalam dan di luar bangunan, dan boleh digunakan kepada konteks keadaan di Wangsa Maju. Penampakan sistem ini lebih teratur, dan kita boleh menyesuaikan tumbuh-tumbuhan tersebut untuk menunjukkan nama, penjenamaan, corak atau apa-apa perkataan.



Sumber: belalang.com.my

Sistem pasu dipasang di pagar di sepanjang jalan raya, lebih kurang sama dengan strategi cadangan kita di mana kita akan memasangnya di pagar sekolah dan institusi awam.

Sistem tersebut boleh bertindak sebagai dinding utama dan memaparkan nama kawasan tersebut. Pelbagai corak menarik boleh direka dengan sistem ini.

▲ **Sistem GaiaWall (Tanpa tanah)**

Satu penyelesaian yang lebih mampan yang tidak memerlukan bahan pasu plastik untuk menyimpan tumbuh-tumbuhan.

Sistem boleh dipasang dengan melekapkannya pada dinding sedia ada, menunjukkan sifat yang lebih semula jadi dan lembut kepada ruang, sambil meningkatkan suasana semula jadi tempat tersebut.



Sumber: belalang.com.my

▲ **Sistem GaiaMat (Bumbung Hijau)**

Sistem bumbung hijau ini fleksibel dan mudah untuk dipasang. Sekeping tikar sudah cukup untuk memberi sifat semula jadi dan hijau kepada bumbung bangunan tersebut. Sistem tersebut menggunakan tanaman tahan lasak sebagai penyelesaian yang lebih mampan untuk mengurangkan kos penyenggaraan.



Sumber: belalang.com.my

Bumbung tersebut hendaklah boleh diakses untuk pemasangan dan penyenggaraan, sudut kecuraman bumbung curam tidak boleh melebihi 40 darjah untuk sistem ini. Disyorkan untuk bertukar dengan VGS jika kecuraman sudut kecuraman bumbung curam melebihi 40 darjah.

Projek dilakukan di Johor Bahru, sistem ini boleh digunakan kepada bahan bumbung keluli, konkrit dan kaca. Sistem ini boleh memberikan rupa semula jadi kepada bumbung dan bangunan.




Sumber: belalang.com.my



Sumber: belalang.com.my

Penyepaduan VGS di kawasan bandar adalah satu strategi yang berkesan untuk mengurangkan impak UHI, memandangkan tumbuh-tumbuhan memberikan potensi sekuestrasi karbon, peneduhan dan pengurangan suhu bandar, dan udara dan oksigen segar kepada penduduk bandar di kawasan sekitar. Penggunaan sistem dinding hijau menegak dianggarkan dapat mensasarkan jumlah sekuestrasi karbon lebih kurang 14.8 berdasarkan anggaran jumlah keluasan VGS sebanyak 16,455 m.per di sekitar kawasan Wangsa Maju.

Faktor yang memberi kesan kepada nilai sekuestrasi karbon termasuk 1) Spesifikasi tumbuh-tumbuhan (ketinggian, ukur lilit, dan usia pokok) 2) Jenis kumpulan bahan tumbuh-tumbuhan (Pokok, palma, pokok renek) 3) Kuantiti dan kualiti bahan tanaman. 4) Peratusan kawasan hijau 5) Reka bentuk landskap (rujuk Rajah 3.67). Butiran status pelaksanaan projek yang melibatkan rakan strategik untuk taman menegak dan taman atas bumbung diterangkan dalam Jadual 3.34.



Rajah 3.67: Faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Bumbung Hijau

Jadual 3.34: Rakan Strategik untuk Taman Menegak dan Taman Atas Bumbung

Rakan Strategik	
Pendekatan Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> ▲ Mengetahui dan Memastikan pemilihan infrastruktur ▲ Menaik taraf permukaan bangunan awam / pagar / kemudahan sedia ada untuk kehijauan menegak berskala kecil ▲ Pelaksanaan kehijauan menegak pada bangunan awam sebagai inisiatif ▲ Perkongsian Swasta - Pelaksanaan Kehijauan Menegak pada hartanah persendirian (pagar atau permukaan luaran) ▲ Pelaksanaan Garis panduan untuk Kehijauan Menegak
Anggaran Kos	<ul style="list-style-type: none"> ▲ Sistem Hijau Menegak (rm/m.per): RM100-RM1500 ▲ Sistem Tikar Taman Atas Bumbung (rm/m.per): RM250-RM300
Garis Masa	<ul style="list-style-type: none"> ▲ 2021 - 2050: Menaik taraf bangunan awam dan Tindakan inisiatif ▲ 2026 - 2030: Kerjasama awam swasta ▲ >2031: Pelaksanaan Garis panduan
Pelaksana	Pakar hijau bandar, Pakar Landskap untuk hartanah persendirian
Agensi	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTsa), Pusat Perubahan Iklim dan Teknologi Hijau Malaysia (MGTC), Majlis Bangunan Hijau Malaysia (MGBC), Prasarana Malaysia Berhad, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL)
Jabatan DBKL	JPRB, JPLR, JKB

LOKASI BERPOTENSI

- Lokasi yang dicadangkan untuk pelaksanaan kehijauan menegak akan berdasarkan jenis kemudahan dan pemilihan hartanah.
- Sebaik-baiknya, kemudahan dan hartanah awam milik DBKL disasarkan. Jenis sistem yang khusus dicadangkan untuk pelaksanaan di lokasi berbeza berdasarkan keadaan tapak berbeza dan pertimbangan teknikal lain (rujuk Rajah 3.80, Rajah 3.81, Rajah 3.82, Rajah 3.35, Rajah 3.36, dan Jadual 3.37).

Jadual 3.35: Bangunan dan Lokasi Berpotensi

Fasa	Tipologi	Lokasi / Nama	Kawasan Intervensi
Fasa 1	Hartanah Kediaman (Dimiliki DBKL)	<ul style="list-style-type: none"> ▲ PPR Wangsa Sari ▲ PPR Seri Semarak ▲ PPR Desa Rejang ▲ Flat Wangsa Maju Seksyen 1,2,4,10 (refer to Figure 3.68, Figure 3.69, Figure 3.70 and Figure 3.71) 	Dinding luaran
	Komersial (Dimiliki DBKL)	<ul style="list-style-type: none"> ▲ Medan Selera Seksyen 1 ▲ Pasar Wangsa Maju Seksyen 1 ▲ Dewan Serbaguna Seksyen 1 (refer to Figure 3.76) ▲ Dewan Serbaguna Seksyen 2 ▲ Pusat Penjaja Seksyen 2 ▲ Dewan Serbaguna Seksyen 4 ▲ Medan Selera Seksyen 4 ▲ Kompleks Sukan Seksyen 5 refer to Figure 3.77) ▲ Dewan Serbaguna Seksyen 10 ▲ Pejabat Cawangan Setiawangsa ▲ Dewan Serbaguna Desa Rejang ▲ Medan Selera D'Tasik ▲ Medan Selera D'Rejang 	Pagar dinding luaran
	Infrastruktur Awam	<ul style="list-style-type: none"> ▲ Along Sungai Bunus (refer to Figure 3.72) 	Pagar Bahu jalan
Fasa 2	Institusi Awam	<ul style="list-style-type: none"> ▲ SMK Wangsa Melawati ▲ SRK Wangsa Melawati ▲ Vocational College Setapak ▲ SRK Wangsa Maju Seksyen 1 (refer to Figure 3.73) ▲ SMK Seksyen 5 Wangsa Maju ▲ SM Taman Sri Rampai ▲ SRK Taman Sri Rampai ▲ Kolej Kediaman Siswa Jaya ▲ SRK Wangsa Maju Zon R10 ▲ SMK Taman Setiawangsa ▲ Sri Utama Schools 	Pagar
Fasa 3	Infrastruktur Awam	<ul style="list-style-type: none"> ▲ Jalan Genting Kelang ▲ DUKE (Toll Road) ▲ Jalan 1/27A ▲ Jalan Mohd Yatim Yahaya ▲ Jalan Setiawangsa (Figure 3.74) ▲ Jalan Lingkaran Tengah 2 	Tembok penahan Tiang Jejambat Pagar
	Hak Milik Persendirian	<ul style="list-style-type: none"> ▲ Platinum Splendor Residensi ▲ Residensi Hedgeford 10 ▲ Lexa Residence ▲ Fera Residence ▲ Residensi WangsaMas ▲ Wangsa 9 Residency (refer to Figure 3.75) ▲ TM Wangsa Maju 	Pagar dinding luaran
